

**Bil. 41**

**Khamis  
25 Julai 1996**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGKAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**

## **KANDUNGAN**

### **JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN**

[Ruangan 1]

### **USUL-USUL:**

Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 18  
— Peguam Negara—Pendakwaan Terhadap Menteri  
Perdagangan Antarabangsa dan Industri  
—Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)

[Ruangan 17]

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan  
Mesyuarat Mengikut Peraturan 16(3)

[Ruangan 97]

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka  
(Pindaan) 1996

[Ruangan 20]

Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1996

[Ruangan 60]

### **UCAPAN PENANGGUHAN:**

Kempen Inflasi Sifar  
—Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)

[Ruangan 97]

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' (DR.) HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

- Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, DATUK CHUA JUI MENG, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR, S.M.J. (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN, D.P.M.J. (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).

- Yang Berhormat PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ DATO' HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ, A.S.A. (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).

- Yang Berhormat TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- „ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- „ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).



- Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M.,  
K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,  
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah  
Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.  
(Kuala Kedah).

---

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

### CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop. Shamsina binti Janor.

### CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib. Mejar (B) Zakaria bin Salleh.
--------------------	---

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Khamis, 25hb Julai, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul  
9.30 pagi

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Dato' Salamon bin Selamat.

(Soalan No. 1—Y.B. Dato' Salamon bin Selamat (Shah Alam) tidak hadir)

SEKOLAH KURANG PELAJAR  
DIGABUNG—KRITERIA BAGI  
PENGABUNGAN

**2. Puan Chua Soon Bui (Tawau)** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kementerianya tetap akan menggabungkan sekolah-sekolah yang mempunyai kurang daripada 150 orang pelajar, memandangkan bahawa di kalangan sekolah demikian terdapat yang jauh jaraknya di antara satu sama lain. Apakah kriteria bagi penggabungan itu. Berapakah sekolah yang telah dikenalpastikan.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Dr. Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua, rancangan penggabungan sekolah kecil sedang dalam peringkat penyelarasan antara Kementerian

Pendidikan dengan Jabatan Pendidikan Negeri. Salah satu cara penggabungan ialah dengan menggunakan sekolah induk. Antara kriteria pemilihan sekolah induk tersebut termasuklah:

- (i) mempunyai lokasi yang strategik, iaitu berdekatan dengan beberapa buah sekolah kecil;
- (ii) mempunyai kemudahan asas seperti bilik darjah yang mencukupi, asrama dan kemudahan jalanraya; dan
- (iii) keutamaan sekolah induk akan diberikan kepada sekolah menengah.

Kementerian Pendidikan akan menjalankan beberapa projek rintis penggabungan sekolah kecil itu di setiap negeri mulai tahun hadapan.

**Tuan Jimmy Lim:** Terima kasih dan selamat pagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah difahamkan oleh pegawai pendidikan yang menjalankan tugas ini bahawa satu strategi yang akan digunakan ialah strategi, slow death, dengan izin, ertinya sekolah-sekolah kecil ini tidak dipedulikan semasa jabatan memperbaiki dan memperbesarkan sekolah yang strategik itu. Jadi, yang mengkhawatirkan saya ialah kalau strategi ini digunakan, proses pemusatan ini nanti akan memakan masa yang begitu panjang. Adakah ini betul atau tidak?

**Dato' Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang tidak. Dalam proses pelaksanaan projek ini, memang Kementerian Pendidikan akan mengambil kira pandangan dan perasaan masyarakat tempatan seterusnya perasaan ibu bapa dan sebagainya. Dalam konteks ini sekolah-sekolah penggabungan ini adalah atas permintaan masyarakat tempatan, oleh kerana mereka hendak anak-anak mereka belajar dalam satu sekolah yang mempunyai asrama dan yang mempunyai

kemudahan yang lebih mencukupi. Jadi, dalam konteks itu Kementerian Pendidikan memenuhi hasrat dan permintaan masyarakat tempatan. Dalam konteks itu sahajalah Kementerian Pendidikan melaksanakan projek ini.

Di samping mengadakan sekolah induk, Kementerian Pendidikan juga akan memberi perhatian kepada sekolah-sekolah kecil seperti memberi sokongan dalam konteks kewangan, dalam konteks menghantar guru-guru yang terlatih, supaya sekolah-sekolah kecil itu mempunyai pelajar-pelajar dan mereka akan mendapat perhatian dan pendidikan yang sempurna.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian akan memberi peluang kepada PTA supaya, kalau sekolah itu akan digabungkan, sama ada dapat memberi nasihat dan mendengar rayuan-rayuan mereka supaya anak mereka dihantar ke sekolah yang lebih jauh daripada tempat asal untuk mengelakkan kekhawatiran mereka?

**Dato' Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Serdang atas soalan ini. Memang Kementerian Pendidikan menghormati perasaan dan menghormati fikiran masyarakat tempatan, khususnya PTA, Lembaga Pengurusan dan pemimpin-pemimpin tempatan. Sekiranya pemimpin-pemimpin tempatan merasa bahawa rancangan seperti ini tidak payah dilaksanakan Kementerian Pendidikan akan hormati. Sekiranya mereka minta projek ini dilaksanakan, Kementerian Pendidikan akan juga mengambil kira dan melaksanakan projek-projek ini dalam konteks permintaan masyarakat tempatan.

**MAHKAMAH KEADILAN  
ANTARABANGSA—  
KES-KES YANG TELAH  
DIBAWA**

**3. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kes-kes yang telah dibawa oleh Malaysia untuk mendapat keputusan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) dengan menamakan pihak-pihak yang terlibat; dan
- (b) kes-kes yang dibawa oleh pihak lain yang membabitkan negara ini dan apakah keputusan-keputusan yang telah dibuat di dalam kes-kes tersebut dan adakah kerajaan berpuashati dengannya.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz):** Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Malaysia belum lagi membawa apa-apa kes untuk mendapatkan keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ). Oleh yang demikian, tidak timbul soal penamaan pihak-pihak yang terlibat.
- (b) setakat ini belum ada lagi kes yang dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa oleh pihak lain yang membabitkan negara ini.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan beberapa pencabulan yang dikatakan telah dilakukan oleh pihak Republik Singapura seperti perkara Pulau Batu Putih dan dikatakan pencabulan ruang udara yang pernah berlaku, apakah penyelesaian yang telah diambil dengan cara yang lain daripada Mahkamah Pengadilan Antarabangsa yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan dan apakah hasilnya?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya berkenaan dengan Pulau Batu Putih. Walau ada pertikaian di antara Malaysia dengan Singapura, tapi ianya belumlah sampai ketahap di mana kita fikirkan bahawa perkara ini terpaksa diselesaikan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa. Kita masih lagi berunding dan dengan semangat ASEAN yang ada di kalangan negara-negara ASEAN ini. Kita harap, perkara ini dapat diselesaikan dengan cara yang baik.

Berkenaan dengan ruang udara, pencabulan ruang udara. Ini merupakan perkara dua hala yang tidak merupakan perkara yang dibincangkan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa kerana Mahkamah Keadilan Antarabangsa ini akan membicarakan perkara-perkara seperti tuntutan bertindih berkenaan satu-satu wilayah dan soal pencabulan udara merupakan satu soalan dua hala di antara kedua-dua negara dan penyelesaiannya ialah di antara dua-dua negara yang terlibat itu.

#### **PERDAGANGAN MALAYSIA DENGAN AMERIKA/EROPAH/ TIMUR TENGAH-SAIZ**

**4. Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah (Tambun)** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan saiz perdagangan negara Malaysia pada tahun 1994/1995 dengan negara luar mengikut benua seperti berikut:

- (a) Amerika Utara;
- (b) Eropah;
- (c) Timur Tengah;
- (d) Afrika; dan
- (e) Asia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut perangkaan perdagangan luar Malaysia yang dibekalkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dari segi jumlah perdagangan, Asia mendahului rakan perdagangan lain dengan syer bernilai RM220.2 ribu juta atau 58% pada tahun 1995, diikuti dengan Amerika Utara dengan jumlah RM72.6 ribu juta atau 19.1%, Eropah RM61.6 ribu juta atau 16.2%, Timur Tengah RM5.2 ribu juta atau 1.4% dan Afrika RM3.1 ribu juta atau 0.8%.

Dari segi eksport Asia muncul sebagai destinasi eksport utama Malaysia dengan nilai eksport sebanyak RM105.2 ribu juta atau 56.8% pada tahun 1995 diikuti dengan Amerika Utara RM39.8 ribu juta atau 21.5%, Eropah RM27.6 ribu juta atau 14.9%, Timur Tengah RM4 ribu juta atau 2.2% dan Afrika RM2 ribu juta atau 1.1%.

Dari segi import pula, Asia sekali lagi muncul sebagai sumber import utama Malaysia, dengan nilai import sebanyak RM115 ribu juta atau 59.1% pada tahun 1995 diikuti dengan Eropah RM34 ribu juta atau 17.5%, Amerika Utara RM32.8 ribu juta atau 16.9%, Timur Tengah RM1.2 ribu juta atau 0.6% dan Afrika RM1 ribu juta atau 0.5%

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setelah tumbangnya Soviet Union dan wujud negara-negara berdaulat di Asia Tengah seperti Azarbaijan, Kazakhstan dan sebagainya maka peluang ekonomi terbuka luas. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen sama ada Malaysia mempunyai perancangan khusus untuk mengambil peluang ekonomi yang terdapat di negara-negara berkenaan dan setakat ini berapa banyak misi perdagangan yang telah dihantar ke negara-negara tersebut. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Mersing, memang Kementerian sedang memberikan tumpuan kepada negara-negara yang kita, dengan izin, ada comparative atau competitive advantages dari segi angka-angka dan maklumat terperinci seperti di pinta oleh Ahli Yang Berhormat saya akan menjawabnya secara bertulis. Seperti saya sebutkan tadi, memang tujuan kerajaan untuk menggunakan ataupun memberikan fokus kepada negara-negara di mana kita ada kelebihan atau advantage dari segi comparative atau dari segi competitiveness. Sebagai contoh di Bosnia sahaja, di mana kita lihat usaha-usaha sedang giat dijalankan untuk membangunkan negara-negara itu. Dan advantage.. kita di sana kita akan perkukuhkan lagi dan mencari peluang-peluang dan ruang-ruang untuk ahli-ahli usahawan kita melibatkan diri secara langsung.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dapati terdapat banyak peluang di pasaran Timur Tengah dan memandangkan negara-negara Timur Tengah adalah negara-negara Islam, apakah faktor-faktor yang menyebabkan saiz perdagangan kita dengan Timur Tengah tidak begitu banyak? Adakah kerajaan akan memberi prioriti dan langkah-langkah untuk meningkatkan perdagangan dengan negara-negara tersebut?

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi hubungan kita dengan negara-negara di Timur Tengah, memang di bawah penelitian kita dan perangkaan kita di bawah pelan induk perindustrian yang akan dibentangkan tidak lama lagi. Kita juga memberikan fokus dan tumpuan di mana ada ruang-ruang advantage kita sebagai barangan-barangan dan makanan halal memberi satu fokus untuk kita tetapi perlu kita menelitinya dan memberikan satu

pendekatan dan yang lebih fokus di mana kita dapat menceburi dan menarik pelabur-pelabur dari Malaysia untuk menerokai bidang-bidang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas.

*(Soalan No. 5—Y.B. Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd Abas (Parit) tidak hadir).*

#### LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN AGENSI KERAJAAN—KELEWATAN

6. **Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada sedar laporan rasmi agensi-agensi kerajaan seperti laporan kewangan memakan masa yang lama untuk dikeluarkan. Jika sedar, apakah tindakan yang positif bagi mengatasi masalah kelambatan laporan-laporan dari agensi kerajaan ini lambat dikeluarkan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya kebanyakan agensi kerajaan telah mengemukakan laporan tahunan dan penyata kewangan ataupun LTPK mereka mengikut jadual yang ditetapkan. Walaupun begitu terdapat juga agensi-agensi kerajaan yang lewat mengemukakan LTPK mereka kepada kerajaan. Kelewatan mengemukakan LTPK antara lainnya ialah kerana organisasi mengambil masa untuk menjalankan siasatan berhubung dengan perkara-perkara atau perbelanjaan-perbelanjaan yang dipersoalkan oleh Ketua Audit Negara dan pihak Ketua Audit Negara juga memerlukan masa untuk mengauditkan LTPK yang sebegitu banyak bilangannya.

Melalui mesyuarat-mesyuarat atau forum-forum peringkat tinggi seperti Mesyuarat Jemaah Menteri, Mesyuarat

Menteri-menteri Besar, Mesyuarat Ketua-ketua Menteri, Mesyuarat Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-ketua Perkhidmatan dan Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri, Mesyuarat Ketua-ketua Eksekutif, badan-badan berkanun persekutuan dan Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan Persekutuan. Kerajaan sentiasa mengingatkan supaya semua badan berkanun dan kerajaan negeri menyediakan LTPK dengan cara mengikut jadual; kementerian-kementerian dan organisasi-organisasi yang berkenaan dikehendaki memberi jawapan yang sewajarnya sekiranya LTPK mereka lambat disediakan.

**Tuan Liew Ah Kim:** Sungguhpun pihak kerajaan sedar ada kelambatan membawa laporan kewangan bagi agensi kerajaan tapi nampaknya kerajaan tidak bertindak, tidak berkesan langsung ini. Masalah ini sudah pun lama wujud—bukan baru sekarang.

Soalan saya ialah adakah kelambatan ataupun tidak berkesan untuk mengemukakan laporan-laporan kewangan ataupun laporan rasmi bagi agensi-agensi kerajaan itu dapat diatasi supaya dia tidak menjadikan tradisi Barisan Nasional? Itulah soalan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, ia bukan tradisi Barisan Nasional, tetapi kalau tradisi DAP, saya tak tahulah. Ketua Pembangkang baru masuk tadi—mungkin itu tradisi Pembangkang.

Tetapi sebenarnya, saya ingin menyatakan di sini bahawa LTPK merupakan badan-badan agensi kerajaan yang begitu banyak. Yang mengaudit ialah Ketua Audit Negara yang cuma satu. Berbeza dengan di sebelah swasta. Maknanya, kerja-kerja mereka, auditing itu boleh dibuat oleh berbagai-bagai syarikat. Jadi, ini sebabnya kerana badan yang terlibat ialah satu sahaja, iaitu Ketua

Audit Negara. Yang terpaksa diauditnya itu, badan itu begitu banyak. Oleh kerana ini merupakan wang rakyat, maka setiap duit yang keluar itu kita terpaksa pastikan sama ada dibelanjakan dengan cara yang betul ataupun tidak. Jadi, kita kena buat kerja lebih. Sebab itulah dia lambat, bukan kerana ada kelemahan di pihak kerajaan. Kerajaan kita memang efisien.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya memberitahu di Dewan yang mulia ini, sejauh manakah keyakinan dan kepercayaan kerajaan terhadap Ketua Audit Negara memandangkan apabila masalah besar melandai Perwaja dan mengalami kerugian sebanyak RM11.4 bilion. Mengapakah pihak Ketua Audit Negara tidak diminta untuk menyiasat atau menjalankan siasatan audit? Tetapi sebaliknya pula, meminta sebuah syarikat perakaunan swasta untuk buat begitu. Bukankah ini menunjukkan bahawa pihak kerajaan tidak begitu yakin dan juga takut kerana bahawa laporan ini terpaksa diumumkan kepada orang ramai sebab hendak tutup skandal ini?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya rasa soalan ini terkeluar daripada soalan asal.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nak jawab, tak mengapa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu, sebab kelambatan laporan kewangan ini, saya tak nampak hubung-kaitnya dengan isu Perwaja.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nasib baik Tuan Yang di-Pertua cakap macam itu, kalau tidak, memang kenalah. *(Ketawa)*

**Tuan Lim Guan Eng:** Nasib Tuan Speaker selamatkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, jangan buat sangkaan macam itu.

**MANGSA KEMALANGAN—  
SEBAGAI MANGSA  
5% CUKAI PERKHIDMATAN**

**7. Tuan Ho Cheong Sing (Ipoh Barat)** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kementerian sedar bahawa syarikat insurans membayar 5% tax servis kerajaan atas pembayaran bil perubatan dan lain-lain. Mengapa 5% tax servis kerajaan ini hendaklah dibiayai oleh mangsa-mangsa kemalangan dan bukan syarikat insuran.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, cukai perkhidmatan 5% dikenakan ke atas pesakit yang dirawat di hospital persendirian yang mempunyai perolehan tahunan melebihi RM300,000 setahun. Persoalan sama ada cukai perkhidmatan ditanggung oleh pesakit atau syarikat insurans, bergantung kepada syarat-syarat yang dikenakan dalam polisi insurans berkenaan.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, saya cukup tertarik dengan masalah insurans perubatan. Memandangkan Malaysia menuju ke arah negara maju menjelang tahun 2020 seperti negara Barat, misalnya di Amerika Syarikat, tiap-tiap pemastautinnya diwajibkan membeli insurans. Tanpa insurans, mereka tidak akan mendapat rawatan di hospital. Adakah satu masa nanti kita akan menuju ke arah ini?

**Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar:** Insyallah, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan jawapan tadi bahawa kalau ada bayaran cukai perkhidmatan ini ditanggung oleh

mana, bergantung kepada polisi yang dikeluarkan oleh syarikat insurans.

Bolehkah pihak kerajaan membuat satu ketetapan supaya semuanya ini ditanggung oleh syarikat insurans. Kerana kalau kita berbalik kepada polisi, memang dimaklumkan bahawa banyak pembeli insurans, mereka tidak akan baca polisi itu kerana banyak syarat-syarat. Saya rasa, saya pun tak ada masa untuk membaca semuanya. Tetapi untuk kepentingan para pengguna, saya rasa syarikat insurans membuat keuntungan yang sangat besar, bolehkah ini dibayar oleh syarikat insurans, buat satu undang-undang oleh pihak kementerian dan semua akan sokong?

**Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk mewajibkan atau memastikan itu. Masalahnya ialah sepertimana Yang Berhormat kata tadi, pemegang-pemegang polisi itu sendiri tidak membacanya. Jadi, kes ini kita mintalah semua yang menandatangani apa-apa perjanjian dengan syarikat insurans membaca dengan betul-betul dan memastikan apakah ianya mahu dimasukkan ataupun tidak. Sebab yang sedia maklum, di dalam ekonomi bebas adalah tidak begitu baik untuk kerajaan mencampur tangan di dalam perkara yang enteng, perkara kecil-kecil sebegini. Jadi, bila kerajaan campur tangan, maka semangat ekonomi bebas mungkin terjejas.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Dr. Lee Chong Meng.

*(Soalan No. 8—Y.B. Dr. Lee Chong Meng tidak hadir)*

**TOKOH AGAMA DIGAM—  
PROGRAM CERAMAH RTM**

**9. Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)** minta Menteri Penerangan menyatakan:



- (a) adakah benar ada tokoh-tokoh agama tertentu yang minta bayaran yang tinggi untuk mengisi program agama di RTM; dan
- (b) jika benar, berapa bayaran yang mereka tuntutan bagi mengisi sesuatu program dan berapa pula bayaran yang diberikan kepada artis-artis untuk mengisi sesuatu program.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan tidak menyedari adanya tokoh-tokoh agama yang meminta pembayaran yang lebih tinggi, kerana semua rancangan agama siaran RTM, termasuk Forum Perdana Ehwat Islam yang disiarkan melalui TVI adalah dikendalikan oleh Bahagian Hal Ehwat Islam, Jabatan Perdana Menteri semenjak bulan Jun 1994. RTM hanya membantu dari segi siaran melalui televisyen dan radio. Segala urusan penerbitan rancangan agama itu bermula daripada pemberian tajuk, tokoh penceramah dan urusan pembayaran adalah dikendalikan oleh bahagian berkenaan.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, Menteri Penerangan telah mengeluarkan kenyataan ada tokoh-tokoh agama minta bayaran yang tinggi. Hari ini dalam Parlimen dinafikan. Ertinya Menteri Penerangan telah berbohong. Soalnya di sini pengakuan orang yang terlibat dalam Forum Perdana dan ceramah-ceramah mereka, mereka telah digam, iaitu Ustaz Dato' Ismail Kamus dan Dato' Dr. Harun Din. Kenapakah Kementerian Penerangan tidak membuat kenyataan dan membersihkan nama-nama mereka yang dikatakan menerima atau menuntut bayaran yang tinggi untuk mereka berkhidmat memberi pandangan dalam RTM?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak

mengatakan—dalam bahasa yang paling mudah, iaitu urusan menerima siapakah yang harus menjadi penceramah, apakah tajuk yang harus diceramahkan adalah semata-mata urusan daripada Jabatan Perdana Menteri, iaitu Bahagian Hal Ehwat Islam. Oleh itu, RTM tidak langsung terlibat di dalam pemilihan penceramah ataupun tajuk yang diceramahkan. Oleh itu, adalah satu 'preconceived idea' ataupun satu 'perception' yang salah yang menyatakan Dr. Harun Din dan Ustaz Ismail Kamus digam. Ini adalah hanya igawan beberapa orang tertentu yang mahu memanipulasikan keadaan sebenar.

**Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri terhadap aduan bahawa bayaran untuk artis-artis tempatan termasuk artis-artis RTM adalah terlalu rendah, sehingga mereka tidak mampu menjadi pelakon 'fulltime professional', dengan izin, dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan bayaran untuk artis-artis RTM?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, kadar yang dibayarkan oleh RTM adalah kadar yang diluluskan oleh pihak Perbendaharaan dan kadar ini dikaji mengikut kemampuan, keperluan, supply, demand dan sebagainya. Pada hemat kementerian, kadar itu adalah bersesuaian.

#### PENGGORPORATAN AGENSI KERAJAAN—PROSEDUR

**10. Tuan Zainal Abidin bin Haji Osman (Mersing)** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah prosedur kerajaan dalam mengkorporatkan atau men-swastakan sesebuah agensi kerajaan; dan
- (b) sejak kerajaan memulakan polisi tersebut hingga sekarang berapa

bilangan agensi yang telah dikorporatkan/diswastakan dan berapa ramai pekerja yang tidak memilih untuk masuk ke organisasi baru dan apakah sebabnya.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menetapkan setiap cadangan penswastakan hendaklah diproses melalui Unit Perancangan Ekonomi. Terdapat dua pendekatan bagi pelaksanaan projek penswastakan, iaitu projek-projek yang dikenal pasti oleh kerajaan, dan yang kedua ialah projek-projek yang dikenal pasti oleh pihak swasta. Bagi projek-projek yang dikenal pasti oleh kerajaan, pelaksanaannya akan dijalankan secara tawaran bersaing. Banyak projek penswastakan telah dilaksanakan melalui kaedah ini. Contohnya, seperti terminal kontena Pelabuhan Kelang, Lebuhraya Seremban-Port Dickson dan lesen pemeriksaan kenderaan perdagangan Jabatan Pengangkutan Jalan.

Walau bagaimanapun, sekiranya projek penswastakan yang dikenal pasti oleh kerajaan ini merupakan sebuah agensi atau jabatan kerajaan, maka kajian akan dijalankan terlebih dahulu bagi mengkaji kesuaiannya untuk dikorporatkan. Setelah suatu agensi yang telah dikorporatkan itu menunjukkan prestasi yang baik, kerajaan akan menimbang pula untuk diswastakan sama ada dengan menjemput pihak swasta yang berminat secara tender bersaing atau menyenaraikannya di pasaran saham.

Pihak Unit Perancang Ekonomi akan mengkaji kaedah yang sesuai bagi menswastakan agensi-agensi ini sebelum diangkat untuk pertimbangan Kerajaan.

Bagi projek-projek penswastakan yang dikenal pasti oleh pihak swasta pula, Kerajaan akan merundingkan terus dengan pihak yang pertama mengemukakan

cadangan sekiranya mendapati cadangan yang dikemukakan menepati kriteria yang ditetapkan oleh Kerajaan dari segi keunikan, kewajaran dan kesesuaiannya untuk diswastakan. Sekiranya perundingan itu gagal mencapai persetujuan, penswastakan projek berkenaan akan dibuat melalui tawaran bersaing.

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat yang kedua, semenjak kerajaan memulakan dasar penswastakan sebanyak 374 projek telah diswastakan termasuk 12 agensi kerajaan yang telah dikorporatkan dan 32 lagi diswastakan.

Sementara itu, bilangan kakitangan yang tidak memilih menyertai organisasi-organisasi baru ini adalah kurang daripada 5% dari keseluruhan kakitangan yang terlibat. Sebagai contohnya semasa Lembaga Letrik Negara dikorporatkan seramai 22,441 orang kakitangan telah menyertai organisasi baru berbanding dengan hanya 367 orang sahaja yang memilih tidak menyertainya. Bagi Pos Malaysia Bhd. Sebagai contoh pula seramai 10,370 kakitangan telah menyertainya berbanding dengan 222 yang menolak.

Di antara sebab-sebab kakitangan berkenaan tidak memilih untuk masuk ke organisasi berkenaan adalah telah pertamanya, mungkin cukup umur persaraan, memilih untuk bekerja sendiri, mendapat tawaran pekerjaan yang lebih baik di tempat lain atau mempunyai alasan peribadi yang tersendiri.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya inginkan penjelasan tambahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu setakat ini adakah kerajaan berpuas hati dengan prestasi agensi-agensi yang telah dikorporatkan ataupun di swastakan seperti perkhidmatan Telekom dan Pos dan lain-lain, memandangkan masih terdapat sungutan rakyat mempersoalkan efficiency

agensi-agensinya termasuk Indah Water (IWK)?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Setakat ini, pada keseluruhannya kerajaan berpuas hati melainkan mungkin ada satu, dua, masih dalam peringkat awal. Sebab kalau Yang Berhormat sedia maklum apabila satu jabatan itu diswastakan, maka ia di peringkat awal, ia sedang meraba-raba di dalam gelap dan ia mencari penyesuaian dan sudah tentulah di peringkat awal itu mungkin ada masalah yang dihadapi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Demi kepentingan orang ramai, bolehkah kerajaan adakan satu kajian semula mengenai pendekatan penswastakan untuk memastikan bahawa proses ini lebih terbuka, lebih telus, transparent dan orang ramai tahu dalam semua terma-terma dalam projek penswastakan? Sebagai contohnya untuk Lebuhraya Utara-Selatan. Sungguhpun permohonan untuk meningkatkan tol 33% ialah daripada 7.5 sen perkilometer ke 10 sen perkilometer bermula dari 1hb Januari ini belum di luluskan tetapi mengikut kontrak sama ada kerajaan lulus atau tidak lulus kerajaan perlu memastikan bahawa PLUS akan mendapat mengikut fokusnya RM1 ribu juta daripada tol tahun ini dan kalau kerajaan tidak luluskan kerajaan perlu gantirugi ialah RM33 juta sebulan. Bukankah ini satu terma-terma orang ramai ada hak untuk tahu sama ada kontrak ini berat sebelah dan supaya semua proses penswastakan lebih telus, lebih transparent? Sebagai contoh lagi tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata satu kaedah ialah kalau kerajaan kenal pasti satu projek untuk diswastakan ada satu tawaran persaingan tetapi Bakun satu projek yang diputuskan oleh kerajaan untuk melalui proses penswastakan tidak mengikut proses tawaran persaingan, tidak ada tender, terus diberi kepada EKRAN. Kenapa adakah perkara semacam ini yang melanggar kaedah kerajaan sendiri?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Pertamanya saya nak tanyalah, kalau benda ini tak transparent bagaimana Yang Berhormat tahu banyak maklumat ni, maknanya dia teluslah, transparent ya. Saya ingin nyatakan di sini iaitu bahawa saya ingin bertanya (*Disampuk*) .....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat jangan mencelah ya.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Baru tahun berapa dalam Parlimen ni? Tak tahu prosedur lagi kah? Minta jalan dulu. Hormat sikit ya. Orang lama.

**Tuan Lim Kit Siang:** Jangan begitu pusing-pusing.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tak bukan pusing. Saya ingat you kaki pusing.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat jangan ganggu dia jawab. Teruskan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Pertamanya Yang Berhormat kena tahu iaitu bahawa kadang-kadang penswastakan terhadap satu-satu projek itu, jangan kita melihat kepada semuanya akan mendatangkan keuntungan. Sebab banyak penswastakan dibuat ialah untuk meringankan beban kerajaan. Kita tidak boleh menafikan itu macam lebu rayalah pada hari ini yang saya percaya Yang Berhormat pun kalau balik Melaka, Pulau Pinang gunakan, jauh lebih jika dibandingkan lebu raya dulu, tak boleh panggil lebu raya pun dulu.

Jadi, sebab itu, perkara seperti ini duit yang keluar, up front itu besar dan oleh kerana kita punya penilaian, assessment kita buat, kita manusia, mungkin dia boleh lari. Sebab itu, kalau kita melihat projek

itu diswastakan boleh mendatangkan keuntungan, mungkin kita merasa marahlah kalau sekiranya ada kalanya kerajaan terpaksa membantu. Tapi sebenarnya, macam saya sebut tadi projek ini bukan semuanya kerajaan melihat bila beri sahaja, orang yang menswastakan itu untung. Sebenarnya mereka meringankan beban kerajaan. Sebab di mana kerajaan nak mencari wang untuk belanja up front berbillion untuk membina lebuh raya ini, melainkan kalau kita swasta maka bolehlah mereka meringankan beban kita. Jadi, kita terpaksa juga berlaku adil kepada mereka yang sedikit sebanyak menerima beban kerajaan ini. Sebab itu, saya kira kita tak bolehlah nak marah kalau sekiranya ada perkara-perkara tertentu yang terpaksa kerajaan bantu kerana sebenarnya ialah untuk meringankan beban kerajaan.

Berkenaan dengan Bakun ini tadi Yang Berhormat sebut yang dibangkit, saya kira ini juga satu projek yang begitu besar, saya kira kalau Yang Berhormat sebut hendak diletakkan tender bersaing, saya ingat orang takut untuk menender sebab jumlahnya begitu besar. Dan oleh kerana itu, kita juga boleh melihat ini sebagai satu perkara yang juga membantu kerajaan pertamanya untuk mengatasi masalah kurangnya tenaga di masa yang akan datang dan tidak semua orang sanggup untuk mengambil bahagian dalam perkara ini. Jadi, sebab itu, kita tak boleh melulu mengatakan bahawa ini seolah-olah diberikan begitu sahaja. Sebenarnya, kita jangan lihat kepada keuntungan sahaja tetapi perkara yang terpaksa kita hadapi di waktu peringkat awal waktu menyediakan belanja bagi menyediakan projek ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tuan Abdul Aziz Yassin.

*(Soalan No. 11—Y.B. Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar) tidak hadir).*

### RACUN SERANGGA/BAHAN KIMIA—KAWALAN PENGUNAAN

**12. Dr. Tan Yee Kew (Kelang)** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) jumlah kes yang mana sayur-sayuran tempatan mengandungi racun serangga dan bahan kimia yang telah di bawa ke mahkamah; dan
- (b) sama ada preservetif digunakan untuk ikan dan udang di pasar atau pasar raya itu selamat untuk digunakan dan sama ada terdapat yang mana preservetif yang dilarangkan oleh kementeriannya digunakan di pasar-pasar tersebut.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan:

- (a) Kerajaan sentiasa peka ke atas penggunaan bahan-bahan kimia dalam makanan, terutama sekali racun makhluk perosak ke atas sayur-sayuran. Undang-undang yang terlibat untuk mengawal penggunaan bahan-bahan kimia dalam makanan iaitu Peraturan-peraturan Makanan 1985 yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Kesihatan. Pada tahun 1994, sejumlah 2,550 sampel sayur-sayuran telah dianalisa oleh Kementerian Kesihatan untuk residu racun perosak. Daripada jumlah ini, 225 sampel telah dikesan mengandungi residu racun perosak, di mana 57 sampel didapati mengandungi tahap yang melebihi kadar maksimum Residu yang telah ditetapkan di dalam Jadual ke-16, Peraturan-peraturan Makanan 1985. 15 daripada 57 sampel ini telah diambil tindakan mahkamah, manakala 42 lagi diberi amaran.

(b) Peraturan-peraturan Makanan 1985 memperuntukkan had-had maksimum bagi additive makanan dibenarkan seperti bahan pengawet dan juga had-had maksimum bagi setiap pencemaran dalam makanan. Setiap makanan yang dihasilkan untuk kegunaan di Malaysia perlu mematuhi had-had yang telah diperuntukkan. Begitu juga dengan penggunaan bahan pengawet dalam ikan dan hasil ikan.

Bagi tahun 1994, sebanyak 4,304 sampel ikan dan hasil ikan telah dianalisa untuk pelbagai kesalahan dalam Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985. Dari jumlah ini, 228 sampel yang telah dikesan melanggar Peraturan-peraturan Makanan 1985 seperti mengandungi bahan kimia yang tidak dibenarkan, tidak mematuhi standard dan sebagainya. 14 sampel telah didapati mengandungi asid benzoik, kesemuanya dihasil ikan seperti bebola ikan dan kek ikan.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Apakah keputusan siasatan kementerian tentang dakwaan bahawa ikan-ikan dan buah-buahan dari negara Thai mempunyai formalin dan apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah ini?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, setengah-setengah ikan atau hasil ikan yang diimport, memang kita sentiasa mengawal di setiap pintu masuk ke negara kita. Daripada hasil yang kita kesan pada tahun 1994, sebanyak 182 sampel ikan segar yang telah dianalisis di pintu-pintu masuk untuk ikan basah. 8 daripada sampel yang dikesan itu mengandungi formalin di peringkat pintu-pintu masuk dan tindakan telah diambil untuk menahan barangan tersebut masuk ke Malaysia.

**Tuan Jacob Dungau Sagan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah atau tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk mengawal atau mengawal selia penanam-penanam sayur supaya mereka ini tidak menggunakan racun perosak yang melebihi atau menggunakan racun serangga yang merbahaya?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya jelaskan bahawa apabila kita dapati sama ada petani ataupun pengimport yang membawa hasil yang berkenaan, maka tindakan yang pertama kita mesti memusnahkan hasil yang berkenaan.

Kedua, kita terpaksa mengadakan ceramah ataupun penjelasan dan penerangan menerusi pegawai-pegawai pengembangan pertanian kepada petani-petani yang menggunakan racun melebihi daripada had yang telah ditetapkan supaya mereka tidak mengulangi lagi tindakan-tindakan yang salah. Jadi, dengan cara ini adalah diharapkan pengguna-pengguna akan didedahkan bahaya di samping pengeluar-pengeluar sebagaimana yang saya sebutkan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tuan Haji Mokhtaruddin bin Wan Yusof.

*(Soalan No. 13—Y.B. Tuan Haji Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun) tidak hadir.)*

#### BAHASA INGGERIS— KELEMAHAN PRESTASI PELAJAR

14. **Dr. Yap Yit Thong (Lumut)** minta Menteri Pendidikan menyatakan oleh sebab prestasi pelajar-pelajar dalam mata pelajaran bahasa Inggeris kurang memuaskan kerana sikap menganggap bahasa tersebut tidak penting, adakah

rancangan untuk menjadikan bahasa Inggeris sebagai satu subjek yang wajib lulus untuk memperolehi Sijil Pelajaran Malaysia.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, setakat masa ini, Kementerian Pendidikan tidak ada rancangan untuk menjadikan bahasa Inggeris sebagai satu subjek wajib lulus untuk memperolehi Sijil Pelajaran Malaysia.

**Dr. Yap Yit Thong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tanya Timbalan Menteri Pendidikan, dalam bidang pengkomputeran lebih kurang 90 program digunakan dalam bahasa Inggeris dan kerajaan pun berminat mempromosikan pengkomputeran di sekolah. Apakah langkah-langkah diambil oleh kementerian untuk menggalakkan pembelajaran mata pelajaran komputer di dalam pengantar bahasa Inggeris?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pendidikan sedar dan kita bukan sahaja terus menggalakkan, dalam semua konteks kita juga memberi bantuan, galakan, promosi dan sebagainya untuk menggalakkan pelajar-pelajar kita memberi perhatian yang lebih kepada bahasa Inggeris, mempelajari bahasa Inggeris sebagai satu bahasa yang penting dalam konteks antarabangsa dan sebagainya.

Dalam konteks ini, Kementerian Pendidikan membanyakkan bilangan guru dalam bidang Teaching of English as Second Language (TESL) supaya mereka boleh dihantar ke sekolah-sekolah khususnya ke sekolah-sekolah di luar bandar untuk mengajar bahasa Inggeris supaya anak-anak kita dapat peluang dan suasana yang lebih sempurna untuk mempelajari bahasa Inggeris.

Kita juga adakan kegiatan-kegiatan kokurikulum di mana bahasa Inggeris

digalakkan untuk digunakan sebagai satu bahasa komunikasi antara pelajar-pelajar supaya mereka dapat keyakinan. Dalam konteks ini, Kementerian Pendidikan apabila kita melaksanakan program menggalakkan bahasa Inggeris, kita juga tegaskan bahawa Bahasa Kebangsaan kita ialah bahasa Malaysia (bahasa Melayu) dan kita terus memberi keutamaan kepada Bahasa Kebangsaan juga.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya prestasi pelajar-pelajar sekolah di dalam bahasa Inggeris ini kurang memuaskan adalah di antara sebab-sebabnya ialah ketidakadaan guru-guru yang mengajar. Jadi, saya ingin bertanya adakah kementerian, walaupun tadi telah disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri, kementerian akan menyediakan guru-guru yang terlatih dalam bahasa Inggeris untuk dihantarkan ke kawasan-kawasan luar bandar terutamanya. Jadi, setakat hari ini adakah bilangannya mencukupi dan adakah seluruh sekolah yang ada di negara kita mempunyai guru-guru bahasa Inggeris?

Apa yang kita dapati setakat hari ini, kebanyakannya sekolah-sekolah di luar bandar terutamanya sekolah rendah dan menengah rendah, guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris itu adalah terdiri daripada guru-guru yang biasa, yang tidak terlatih, anggap mereka itu sebagai orang yang boleh bekerja ataupun yang boleh mengajar. Jadi, saya ingin bertanya adakah bilangannya mencukupi dan kalau tidak cukup, berapakah bilangan yang sepatutnya ada di seluruh negara kita?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun Kementerian Pendidikan hantar lebih kurang 200 atau 300 calon ke luar negeri untuk mendapatkan ijazah dalam TESL supaya mereka boleh pulang ke tanah air kita menjadi trainer untuk memperluaskan lebih ramai guru-guru di bidang TESL ini.

Di samping itu juga, setiap tahun kita ambil hampir 2,000 orang calon untuk memasuki maktab perguruan di bidang bahasa Inggeris supaya mereka boleh dihantar ke sekolah-sekolah rendah untuk menjadi sebagai guru bahasa Inggeris khususnya di sekolah-sekolah di luar bandar.

Dari segi keseluruhannya, kita dapati bahawa guru-guru yang mempunyai kepakaran dalam bahasa Inggeris, dari segi masalah kekurangan guru ini, dari segi keseluruhannya tidak begitu ketara. Tetapi apa yang menjadikan masalah guru-guru bahasa Inggeris khususnya di sekolah-sekolah di luar bandar ini lebih ketara ialah kerana kebanyakan guru-guru itu adalah guru-guru perempuan dan mereka haruslah banyak kali mengikuti suami mereka ke bandar-bandar yang lain.

Jadi, dalam konteks ini kita lihat ada satu fenomena di mana ada mismatch. Jadi, ada sekolah-sekolah yang tertentu di bandar di mana mereka mempunyai guru-guru bahasa Inggeris yang lebih dari keperluan sedangkan di sekolah-sekolah di luar bandar ini menghadapi masalah kekurangan guru-guru bahasa Inggeris. Ini merupakan masalah mismatch yang menjadikan masalah kekurangan guru-guru bahasa Inggeris ini lebih ketara.

Kementerian Pendidikan akan terus memperbanyakkan lagi calon yang memasuki bidang ini, diberi latihan di maktab perguruan, diberi latihan untuk mendapat ijazah dalam TESL supaya kita boleh atasi masalah ini.

**SYARIKAT MENGELAK  
PEMBAYARAN CUKAI  
PENDAPATAN—KEJAYAAN  
TINDAKAN KEMENTERIAN**

**15. Datuk Abu Seman bin Haji Yusof (Alor Gajah)** minta Menteri Kewangan

menyatakan sejauh manakah tindakan kementerian terhadap syarikat-syarikat yang mengelak pembayaran cukai pendapatan mencapai kejayaan setakat ini dan sila nyatakan jumlah syarikat-syarikat yang telah, sedang dan akan diambil tindakan setelah gagal membayar cukai masing-masing.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri sentiasa mengambil tindakan ke atas syarikat-syarikat dan individu-individu yang telah atau cuba mengelak daripada membayar cukai pendapatan. Mereka yang didapati bersalah akan diarah untuk membayar cukai beserta dengan penalti mengikut peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967.

Dari tahun 1991 hingga tahun 1995, sebanyak 2,204 pembayar cukai (syarikat dan individu-individu) yang telah mengelak pembayaran cukai pendapatan dan mereka ini telah dikenakan tindakan siasatan. Lembaga Hasil Dalam Negeri telah berjaya mendapatkan kembali kira-kira RM1,248 juta daripada hasil cukai pendapatan dan penalti.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabaslah kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri kerana dapat mengutip balik RM1.2 bilion. Tetapi ada rungutan juga di mana masa untuk membayar balik (refund) kepada syarikat-syarikat atau individu-individu yang telah di 'overtax'kan itu memakan masa yang begitu panjang dan lama. Saya sendiri hampir 8 tahun (*Ketawa*) jadi tidak apalah-sabar, sebab kawan-kawan.

Adakah pihak kementerian mempunyai satu kriteria ataupun satu cara untuk mempercepatkan pembayaran ini, ataupun adakah pihak Lembaga boleh membayar faedah daripada kelambatan pembayaran balik cukai pendapatan ini, iaitu beri

balik faedah. Kalau kita bayar kena cepat, tetapi kalau Lembaga bayar lambat, jadi bolehkah bayar faedahnya itu? Yang ini semua setuju, dalam Parlimen ini. (*Ketawa*) Kalau boleh dengan di'Lembaga'kan dia boleh dicepatkan pembayaran balik, berapa banyak tunggakan yang perlu dibayar balik dan berapa ramaikah yang masih menunggu pembayaran balik daripada pihak Lembaga?

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, kita tengok hari ini orang Johor ramai yang bekerja di Singapura, jadi adakah mereka membayar cukai di Singapura ataupun mereka membayar di Malaysia? Kalau mereka bayar di Singapura dan di Malaysia, maknanya di Malaysia sudah double taxlah, aniyalah orang itu. Macam mana kes mereka? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana bertanya dua soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat saya rasa ini sudah lebih daripada satu.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tidak apa Tuan Yang di-Pertua, pagi-pagi.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian baru-baru ini telah mengarahkan Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk membayar refund secepat mungkin. Kalau adapun kelewatan pembayaran refund adalah disebabkan oleh masa diambil untuk penentuan apakah refund itu perlu dibayar ataupun masa misalannya Yang Berhormat untuk bayaran tahun depan telah pun sampai. Jika masa untuk pembayaran tahun hadapan telah pun sampai, mungkin dipotong awal-awal atau dipotong dahulu. Oleh itu, Yang Berhormat tidak payah membayar. Jadi, apa yang saya hendak tekankan di sini ialah pihak kementerian telah pun mengarah supaya refund dibayarkan secepat mungkin apabila

kesahihan amaun yang patut dibayar itu didapati.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Siapa dan syarikat manakah pembayar cukai yang terbanyak dalam negara kita ini? Apakah penjual roti canai ada yang kena bayar cukai?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sungguh spesifik. Jadi, kalau peniaga roti canai membayar cukai pasti dia bukan yang paling tinggi, yang paling tinggi mungkin syarikat-syarikat yang mempunyai keuntungan yang tinggi seperti syarikat multinational Malaysia seperti Sime-Darby, Petronas dan lain-lain lagi. Jika saya hendak beri kepada Yang Berhormat pada pagi ini, tidak mungkin. Kalau Yang Berhormat ingin juga saya akan memberi jawapan secara bertulis.

#### **DASAR PEMAKANAN NEGARA (FOOD POLICY)—KEDUDUKAN**

**16. Puan Rohani binti Abd. Karim (Santubong)** minta Menteri Pertanian menyatakan tentang kedudukan 'Dasar Pemakanan' (Food Policy) negara kita masa kini, khasnya dengan terjadinya banyak kekurangan dari segi bahan makanan asas seperti beras dan tepung gandum yang dialami pada masa kini. Apakah perancangan kementerian bagi mengatasi masalah ini tidak berulang lagi.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** Tuan Yang di-Pertua, Dasar Makanan Negara adalah untuk menentukan bekalan makanan yang bermutu dan selamat untuk rakyat sentiasa ada dengan harga yang stabil dan berpatutan.

Bekalan makanan boleh dikeluarkan dalam negara ataupun import tertakluk kepada kos pengeluaran dan harga. Bagi



makanan 'ruji' iaitu beras dasar kerajaan adalah untuk mengeluarkan sebanyak mana yang boleh dari 8 jelapang padi utama dan 74 jelapang padi sekunder.

Matlamat kita adalah menentukan sekurang-kurangnya 65% dari keperluan beras dapat ditampung dari pengeluaran dalam negeri menjelang tahun 2010. Kita adakan dasar ini, sungguhpun Malaysia adalah pengeluar kos tertinggi memandangkan peratus beras yang diperdagangkan di pasaran dunia adalah sangat kecil iaitu hanya 3% hingga 5% jumlah pengeluaran dunia. Oleh yang demikian, untuk menentukan sekuriti makanan negara dasar pengeluaran dan simpanan stok beras (rice stockpile) dengan izin, dalam negara diadakan.

Untuk jangka masa panjang kerajaan menggalakkan pelaburan untuk pihak swasta dalam penanaman padi di dalam dan luar negara secara estet terutama di negara-negara Asean.

Bagi barang-barang makanan seperti tepung gandum dan beras, kerajaan sedang meneliti perkembangan dari segi bekalan dan harga di pasaran dunia. Untuk gandum, kerajaan telah mengambil keputusan untuk meliberalisasikan import agar bekalan akan bertambah dan dijangka dengan secara tersebut harga akan dapat distabilkan.

Bagi minyak masak pula, skim penstabilan harga telah dilaksanakan dengan jayanya pada tahun 1995 semasa harga minyak sawit mentah meningkat di pasaran dunia. Skim ini telah berjaya menstabilkan harga minyak masak di pasaran tempatan.

Secara keseluruhannya kerajaan akan terus menjalankan usaha-usaha dan mengambil langkah-langkah tertentu untuk menjamin supaya harga barangan barang-barang makanan di bawah kawalan kementerian tidak meningkat secara

berlebihan. Langkah menambahkan bekalan akan terus dilakukan dengan mencari sumber-sumber bekalan dari dalam dan luar negara untuk menjamin harga dan bekalan akan berada pada tahap yang munasabah.

Dasar makanan juga meliputi pengeluaran makanan bermutu dan selamat dengan cara yang mampan iaitu tidak menjejaskan sumber alam. Amalan pertanian yang baik adalah digalakkan dan diperkembangkan.

Kementerian Pertanian dan Kementerian Kesihatan berkerjasama untuk menggalakkan makanan yang sihat dan seimbang selaras dengan pengetahuan pemakanan yang terkini iaitu berasaskan kepada piramid makanan. Harga makanan juga dipengaruhi oleh sistem pemasaran dan pengedaran, dasar kita adalah untuk menentukan sistem tersebut cekap supaya pengeluar bahan makanan dapat pendapatan yang menguntungkan dan pengguna membayar harga yang berpatutan.

Dasar Pertanian Negara dan Dasar Makanan secara keseluruhan sedang dikaji semula memandangkan perkembangan semasa di dalam dan luar negara. Setelah kajian semula ini, satu pelan tindakan untuk meningkatkan sekuriti makanan akan digubal.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum kerajaan ada tabung 'fund for food'-3F, sorry 'food for fund' (*Ketawa*)

**Seorang Ahli:** 'Fund for food'!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** 'Food for fund' kah atau sebaliknya Yang Berhormat?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** 'Fund for food'! mana boleh

'food for fund'. (*Ketawa*) Dia orang ini 'gempak' kat saya! Jadi, sejauh manakah prestasi tabung ini, adakah tabung ini benar-benar dapat berkesan kerana saya difahamkan peruntukan begitu besar, tetapi penggunaannya tidak begitu menggalakkan. Adakah kementerian akan mempertingkatkan mutu makanan, processing dan sebagainya, adakah kerajaan akan memastikan bahawa tabung ini atau bantuan kewangan ini akan dapat disalurkan kepada orang-orang atau syarikat-syarikat yang melibatkan diri dalam bidang industri makanan dan apakah cara atau bentuk untuk memohon, sama ada melalui bank ataupun badan manakah permohonan bantuan ini dapat dilakukan?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Mengenai prestasi Fund For Food (3F) bahawa sehingga ini pada Fasa I peruntukan yang diperuntukkan sebanyak RM300 juta telah pun habis dikeluarkan untuk pinjaman yang berkenaan dan sambutan amat menggalakkan, tinggal lagi kementerian saya menggalakkan supaya Fasa II RM300 juta lagi dapat dikeluarkan oleh pihak Perbendaharaan. Manakala agensi yang mengeluarkan pinjaman ini ialah menerusi semua bank-bank komersil dan juga Bank Pertanian Malaysia.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan Selamat Pagi. Soalan tambahan kepada Yang Berhormat tentang apa strategi terkini untuk menggalakkan rakyat kita makan lebih sayur dan buah-buahan memandangkan jika dibandingkan dengan rakyat di Jepun dan Itali, rakyat kita banyak yang kurang makan sayur dan buah-buahan supaya kita dapat mengelakkan rakyat negara dari dihidangapi penyakit jantung.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bahawa

sebagaimana yang telah kita ketahui 'Kempen Makan Sayur' telah pun dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian pada bulan yang lalu, ini termasuk juga makanan sayur dan ulam. Memang apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, memang benar, kalau dibandingkan jumlah kilogram makan sayur di negara kita amat rendah iaitu kita-kira lebih kurang 57 kilogram yang kita harapkan dapat dicapai pada tahun 2000 berbanding dengan di sebelah Europe bahawa mereka telah sampai ke tahap 110 hingga 120 kilogram. Jadi, adalah wajar semoga Ahli-ahli Yang Berhormat dapat bersama-sama menyokong Kementerian Pertanian supaya kempen ini boleh diadakan di semua peringkat terutama sekali di sekolah-sekolah rendah dan menengah.

Saya akan meminta FAMA yang menjadi agensi pemasaran supaya mengadakan kempen-kempen ini di peringkat sekolah-sekolah di mana hendaklah dijemput Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional supaya dapat merasmikan kempen-kempen itu, dengan harapan kempen yang menyeluruh akan memberi kita satu tabiat iaitu sukakan sayur kerana sayur menolong kepada kesihatan diri kita.

#### PASPORT ANTARABANGSA MALAYSIA—KES KEHILANGAN

**17. Che Ibrahim bin Mustafa (Sungai Petani)** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sejauh manakah seriusnya kes-kes kehilangan pasport antarabangsa Malaysia; dan
- (b) sebab-sebab kehilangan dan negara yang berlakunya kehilangan ini.

**64. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah laporan kehilangan pasport antarabangsa di luar negara dan di negara manakah yang banyak kes kehilangan pasport antarabangsa Malaysia dilaporkan; dan
- (b) apakah punca kes kehilangan ini dan apakah rancangan kerajaan bagi mengawal perkara ini menjadi lebih serius.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan No. 64 pada hari ini kerana berhubungkait.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Keat):** Baik.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kes kehilangan pasport Malaysia bolehlah dianggap serius. Misalnya sejak tahun 1995 hingga Jun 1996 sahaja, sebanyak 3,626 naskhah pasport Malaysia telah dilaporkan hilang. Sepanjang tahun 1995 sebanyak 253 naskhah pasport Malaysia telah dilaporkan hilang di luar negeri dan kebanyakan kehilangan di luar negeri ini adalah berlaku di United Kingdom, Singapura, Amerika Syarikat, Australia, Mesir dan lain-lain negara.
- (b) Hasil siasatan yang dijalankan menunjukkan bahawa terdapat 54% daripada jumlah kes kehilangan adalah akibat kecuaiannya sendiri seperti tersalah letak dan tercicir. Sebab lain ialah dicuri, bencana alam, hilang semasa berlaku kemalangan dan lain-lain sebab. Adalah menjadi tanggungjawab pemilik sendiri supaya menjaga pasport dengan selamat.

Walau bagaimanapun, suka dinyatakan di sini bahawa sekiranya kehilangan pasport tersebut didapati punca daripada kecuaiannya pemiliknya, permohonan gantian pasport akan ditangguh selama satu tahun.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun tamat.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 5, 8, 11, 13, 18 hingga 78 akan dijilid dalam buku yang berasingan).*

#### USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

**Peguam Negara—Pendakwaan  
Terhadap Menteri Perdagangan  
Antarabangsa dan Industri**

10.35 pagi

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2) ingin saya memberi pemberitahu bahawa saya ingin mendapat izin untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk membincang satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan iaitu masalah Peguam Negara, Dato' Mohtar bin Abdullah gagal menegakkan keluhuran undang-undang tetapi bermain politik dengan enggan mendakwa Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar dan Presiden Pemuda UMNO, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik sungguhpun mengakui kesilapan dilakukan dan Usul saya berbunyi:

“Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) Majlis Mesyuarat ini mengizinkan Ahli Parlimen kawasan Kota Melaka, Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng menangguhkan Majlis Mesyuarat ini untuk membincang masalah Peguam Negara, Dato’ Mohtar bin Abdullah gagal menjalankan tanggungjawabnya menegakkan keluhuran undang-undang dan Perlembagaan tetapi lebih berminat bermain politik dengan enggan mendakwa Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz dan Presiden Pemuda UMNO, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik di bawah Undang-undang Rasuah sungguhpun mengakui kesilapan telah dilakukan oleh mereka, adalah satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.”

Tuan Yang di-Pertua, pada 22hb Julai tahun ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberikan jawapan bertulis yang memeranjatkan kepada soalan saya berkenaan keputusan Peguam Negara ke atas siasatan Badan Pencegah Rasuah terhadap Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri kerana meluluskan 1.5 juta saham Universal Leader Holding Berhad dan 4,173,901 saham First Allied Corporation Berhad yang bernilai RM25 juta dalam pasaran semasa kepada menantunya sendiri iaitu Encik Fazrin Azwar.

Jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memeranjatkan kerana menyatakan keputusan Peguam Negara adalah bahawa kes ini merupakan satu kesilapan teknik yang tidak menjadi satu kesalahan secara automatik. Oleh itu, Peguam Negara tidak bercadang mendakwa sesiapa. Keputusan Dato’ Mohtar adalah sungguh mengejutkan kerana ia membelakangkan Undang-undang Rasuah seperti seksyen 2(1) Emergency Essential Powers Ordinance No. 22 tahun 1970.

Di bawah seksyen 2(1) seorang menteri dilarang menggunakan kuasanya yang boleh memberikan faedah kepada beliau sendiri ataupun ahli keluarganya. Kesalahan ini boleh membawa hukuman penjara tidak melebihi 14 tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas Dato’ Seri Rafidah bukan sahaja mepengerusikan mesyuarat yang meluluskan saham kepada menantunya tetapi juga telah menandatangani kelulusan tersebut yang telah membolehkan menantunya menerima keuntungan dan memiliki saham bernilai RM25 juta. Itulah sebabnya Dato’ Mohtar terpaksa juga mengaku bahawa satu kesilapan telah dilakukan oleh Dato’ Seri Rafidah. Akan tetapi Peguam Negara cuba membezakan kesilapan undang-undang ini sebagai satu kesilapan teknik yang tidak menjadi satu kesalahan undang-undang secara automatik. Ini mungkin satu rekaan dan ciptaan undang-undang baru Dato’ Mohtar Abdullah bahawa satu kesilapan undang-undang bukanlah satu kesalahan kerana ia adalah satu kesilapan teknik.

Perlu diingatkan bahawa undang-undang adalah tegas dan kalau kesilapan itu pun satu kesilapan teknik, ia tetap menjadi satu kesalahan. Contohnya, kalau kita menyalahi peraturan jalan raya, ia juga satu kesilapan teknik dan adalah satu kesalahan di mana saman akan dikeluarkan. Macam mana satu kesilapan undang-undang bukanlah satu kesalahan, kerana ia adalah satu kesilapan teknik.

Lagipun, ia juga tidak boleh dianggap sebagai satu kesilapan teknik kerana memang kesalahan dilakukan bila Dato’ Seri Rafidah meluluskan saham kepada menantunya sendiri. Ini disahkan oleh mahkamah dalam kes seorang bekas ahli exco negeri Kedah, Dato’ Muslim yang didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi

melakukan rasuah kerana hanya menghadiri satu mesyuarat di mana setapak tanah kecil diluluskan kepadanya untuk membina rumah sendiri. Mengapa pula kerajaan tidak menganggap kelulusan tanah untuk bina rumah kediamannya adalah satu kesilapan teknik pada masa itu?

Keadaan serupa berlaku dalam soalan saya pada 23hb Julai tahun ini mengenai laporan polis saya pada 2hb Disember, 1995 terhadap Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik kerana pecah amanah dengan menyalahgunakan wang rakyat Melaka sebanyak RM194,204 untuk menganjurkan seminar parti politik, jamuan makan malan dan membeli fountain pen untuk berkempen Ketua Pemuda UMNO 1993 di mana sebatang fountain pen berharga RM190.00 dan sebungkus makanan berharga RM57.00. Dalam jawapan bertulis oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd. Nazri menyatakan Peguam Negara memperakukan laporan Ketua Audit Negara, 1993 mengesahkan laporan polis saya, akan tetapi Peguam Negara menganggap tidak ada jenayah pecah amanah dilakukan kerana perbelanjaan wang rakyat sebanyak RM194,204.00 adalah satu kesilapan pembayaran yang merupakan satu kelemahan dalam pengurusan kewangan oleh agensi-agensi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, macam mana penyalahgunaan wang rakyat Melaka sebanyak RM194,204.00 merupakan satu kesilapan pembayaran, bila Tan Sri Rahim hanya membayar balik wang ini 2 tahun kemudian pada pertengahan tahun 1995. Mengikut satu laporan suratkhobar pada 17hb November 1995 oleh Ketua Menteri Melaka sekarang iaitu Dato' Mohd. Zain bin Abdul Ghani, pembayaran hanya dibuat selepas penyalahgunaan ini dikesan oleh Ketua Audit Negara. Sungguhpun Tan Sri Rahim dikatakan oleh Dato' Mohd.

Zain telah membayar balik dengan penuh RM194,204.00 kepada kerajaan negeri pada pertengahan tahun 1995, tetapi satu kesalahan tetap dilakukan, malah ia boleh dianggap sebagai satu pengakuan oleh Tan Sri Rahim menyalahgunakan wang rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu tindakan Peguam Negara ini adalah satu penghinaan kepada sistem perundangan negara di mana kepentingan politik adalah lebih penting daripada menegakkan undang-undang, merupakan satu perkara tertentu dan kepentingan orang ramai. Ia juga harus disegerakan, bukan sahaja untuk memaksa Peguam Negara mendakwa Tan Sri Rahim dan Dato' Seri Rafidah tetapi untuk memberikan amaran kepada sesiapa yang mungkin didorong mengikut perilaku mereka. Kalau Peguam Negara enggan berbuat demikian, maka beliau tidak layak memegang jawatannya dan harus meletak jawatan serta digantikan dengan pihak lain yang boleh menegakkan keluhuran undang-undang negara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli dari kawasan Kota Melaka pada 23hb Julai, 1996 jam 4.40 petang. Teks Usul itu adalah sepertimana yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi 3 syarat. Syarat pertama ialah bahawa perkara itu adalah perkara yang tertentu; syarat kedua, ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga, ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu dan ianya adalah bagi kepentingan orang ramai, tetapi pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan. Perkara yang sama telah pun dibawa berkali-kali dalam Dewan ini dalam rupa bentuk ucapan dan juga pertanyaan-pertanyaan dan boleh dibawa lagi pada bila-bila masa. Peraturan Mesyuarat 18(1) mensyaratkan perkara yang hendak dibahas itu hendaklah berbentuk perkara yang berkehendak disegerakan. Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini. (*Tepuk*).

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGAKEMAJUAN WILAYAH JENGA (PINDAAN) 1996

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (*24hb Julai 1996*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Jerantut, sila sambung.

10.47 pagi.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung balik perbahasan semalam yang hanya setakat 2 minit sahaja.

Dalam tahun 1983 apabila LKWJ ataupun Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka dibuat, banyak daripada kawasan-kawasan, sama ada kawasan FELDA mahupun kawasan kampung tradisional, masih lagi merupakan kawasan yang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan asas

seperti jalan raya, api, air dan sebagainya. Pada hari ini kebanyakan daripada kawasan-kawasan ini mempunyai pembangunan infrastruktur yang begitu menggalakkan. Kebanyakan tempat kini mempunyai jalan raya. Kalau dahulunya kawasan FELDA jalannya hanyalah terdiri daripada jalan tanah merah, sekarang ini kebanyakan FELDA atau hampir seluruh kawasan-kawasan FELDA dan juga kebanyakan kampung-kampung tradisional telah pun mempunyai jalan-jalan raya yang diturap dengan tar. Begitu juga dengan kemudahan-kemudahan infrastruktur lain seperti api, air dan juga telefon.

Oleh yang demikian, pada masa dahulu, fungsi Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka atau fungsi lembaga-lembaga kemajuan yang lain termasuklah seperti KEJORA, Pahang Tenggara dan sebagainya pada masa itu ialah untuk memberikan infrastruktur kepada rakyat, tetapi dengan adanya pembangunan yang pesat di dalam masa 13 - 14 tahun yang telah lalu, fungsi memberikan pembangunan dan infrastruktur ini telah pun, saya rasa hampir selesai. Oleh yang demikian, LKWJ (Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka) mesti menukarkan peranan dan fungsinya bukan hanya setakat memberikan pembangunan infrastruktur dalam bentuk fizikal, tetapi sekarang ini peranan dan fungsi LKWJ mesti ditukarkan untuk menjadi satu perbadanan atau satu lembaga yang mementingkan sumber manusia (human ware) di dalam pembangunannya. Oleh yang demikian, peranan dan fungsi LKWJ mesti ditukar dan dibentuk dengan sedemikian rupa untuk menitikberatkan kursus, seminar dan juga bagaimana hendak membangunkan sumber manusia.

Saya dapati bahawa di kawasan LKWJ yang melibatkan, macam yang saya katakan semalam beberapa daerah dalam negeri Pahang, iaitu Jerantut, Mentakab, Temerloh dan Maran, saya dapati bahawa

sumber manusia tidak dibangunkan dengan begitu rupa untuk mengambil peranan yang penting di dalam pembangunan negara.

Saya dapati bahawa ada terdapat kelompok masyarakat yang masih lagi teraba-raba dari segi bagaimana hendak membangunkan diri mereka sendiri. Saya hendak bertanya kepada LKWJ dan kementerian sama adakah satu dana yang khusus bagi tujuan untuk membangunkan sumber manusia dan bagaimanakah dana ini dikendalikan? Sebagai contoh, saya di dalam membahaskan Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) pada hari Isnin yang lalu, saya telah menyatakan bahawa banyak koperasi di dalam kawasan Wilayah Jengka mahu pun kawasan FELDA, saya dapati bahawa koperasi ini tidak diuruskan dengan baik. Saya dapati juga pegawai-pegawai koperasi tidak mempunyai pengetahuan dalam bidang pengurusan syarikat mahupun pengurusan kewangan.

Boleh jadi dengan adanya pegawai perakaunan, dengan adanya akauntan di pihak Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka, saya minta kalau boleh, di dalam konsep membangunkan sumber manusia ini, LKWJ boleh memberikan kursus kepada Lembaga Pengarah Koperasi dan juga pengurusan koperasi untuk membangunkan sumber manusia dari segi pengurusan syarikat-syarikat ataupun pengurusan koperasi. Jangan kita hanya menitikberatkan infrastruktur, sebab kadang-kadang infrastruktur, sebagai contoh jalan, di dalam kawasan saya ada beberapa agensi kerajaan yang membuat jalan. Jabatan Pertanian buat jalan, LKWJ buat jalan, Pejabat Daerah di bawah Pembangunan Luar Bandar buat jalan, JPS pun buat jalan. Banyak agensi yang bertindih dari segi pembangunan infrastruktur. Oleh yang demikian, kalau LKWJ mempunyai dana yang tersendiri, bangunkan dari segi 'human ware'. Ini pada saya lebih penting.

Oleh kerana adanya kemungkinan jalan daripada Kuala Lumpur, Karak dan seterusnya ke Besut akan melalui rancangan-rancangan FELDA di bawah kelolaan atau di bawah jagaan LKWJ, adakah LKWJ memikirkan bagaimana hendak memanfaatkan, dengan adanya jalan raya yang begitu besar, bagaimana hendak memanfaatkan dari segi pembangunan kawasan tersebut, dari segi human, dari segi sumber manusia. Kita ada jalan besar, tetapi kalau kita tidak ada perancangan, bagaimana hendak menjalankan pembangunan?

Rakyat boleh jadi terdedah kepada pembangunan, terdedah kepada jalan raya, infrastruktur yang begitu canggih. Tetapi kalau rakyat tidak boleh memikirkan bagaimana hendak memanfaatkan jalan yang ada, dengan telekomunikasi ada, dengan infrastruktur yang lain, kita hendak LKWJ memainkan peranan dari segi membangunkan sumber manusia. Adakan industri, bagaimana hendak memastikan adakan industri, bagaimana rakyat dapat menggunakan infrastruktur ini di dalam pembangunan mereka sendiri. Saya berharap ini akan menukar peranan dan fungsi lembaga kemajuan wilayah, sama ada Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka mahupun lembaga kemajuan wilayah lain yang tertakluk dan termasuk di dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Pada saya, sekarang oleh kerana infrastruktur telah diselesaikan, apa yang patut dibangunkan ialah dari segi sumber manusia yang saya rasa ini merupakan sumber yang terpenting sekali. Saya dapati juga ada sebuah sekolah di dalam kawasan Wilayah Jengka, dalam kawasan saya sendiri. Tanpa menyebut nama sekolah itu ataupun kawasan FELDA, sekolah ini adalah nombor dua dari segi keputusannya dalam seluruh negara Malaysia, keputusan SPM dalam tahun 1994 nombor dua tercorok sekali dalam seluruh negara dari segi keputusan SPM. Saya bertanya kepada

pihak sekolah, saya bertanya kepada guru-guru dan guru besar sekolah itu mengapa? Kebanyakan daripada guru dan saya rasa PIBG pun menyatakan bahawa sikap ibu bapa yang tidak begitu peka dan prihatin kepada pendidikan anak-anak.

Di sini saya rasa LKWJ boleh memainkan peranan yang begitu penting. Adakan kursus. Sebagai contoh, saya dalam UMNO Bahagian Jerantut, kita adakan kursus intensif kepada murid-murid yang kita jangka akan mendapat keputusan yang cemerlang bagi seluruh UMNO kawasan Jerantut ataupun kawasan Parlimen Jerantut. Kita panggil semua murid-murid pelajar UPSR seramai 400 orang, kita berikan kursus intensif kepada murid-murid ataupun pelajar-pelajar PMR seramai 120 orang. Kita beri kursus intensif kepada pelajar-pelajar SPM seramai 60 orang, yang kita belanjakan duit daripada dana UMNO sendiri.

Tetapi dari segi ini, saya rasa LKWJ boleh memainkan peranan. Pastikan dari segi pendidikan pelajar-pelajar yang masih terdedah kepada faktor-faktor negatif kita pastikan agar mereka ini dapat diberikan pendidikan dari segi kursus intensif mahu pun dari segi cara-cara menjawab soalan dan sebagainya. Inilah peranan dan fungsi LKWJ sekarang ini. Bukan saya rasa membina jalan, api, air dan sebagainya. Kita hendak mendorong kepada satu masa, satu ketika LKWJ adalah membangun sumber manusia di kawasan Wilayah Jengka.

Saya dapati juga ramai penagih dadah yang terdiri daripada orang-orang Melayu datang juga daripada kawasan-kawasan FELDA. Oleh kerana peneroka-peneroka FELDA mendapat pendapatan yang begitu lumayan sekali, oleh kerana harga kelapa sawit pada masa setahun yang lalu begitu lumayan sekali, RM1,400 satu tan, ramai peneroka FELDA yang dapat RM2,500 - RM3,000 sebulan dalam tahun 1994 dan 1995. Oleh kerana adanya kewangan yang

begitu banyak, mereka kadangkala jadi peneroka yang lupa daratan. Apabila mereka lupa daratan, mereka hilang punca bagaimana hendak mendidik anak-anak mereka. Ramai daripada anak-anak peneroka FELDA yang menjadi penagih dadah. Ramai di antara mereka yang akhirnya duduk dalam pusat serenti dan sebagainya.

Apakah peranan LKWJ dari segi menangani masalah ini? Adakah LKWJ mempunyai peranan yang tertentu? Sebab saya diberitahu oleh pihak keselamatan mereka selalu membuat 'raid' di kawasan-kawasan FELDA oleh kerana begitu ramai anak-anak peneroka yang terlibat dengan keadaan sosial ataupun penyakit sosial ini. Peneroka pun terlibat. Ada juga saya diberitahu bahawa peneroka semasa bulan puasa pun main judi. Adakah peranan dari segi LKWJ yang kini merangkumi banyak daripada kawasan FELDA yang pastikan peneroka ini diberikan keinsafan dari segi agama Islam. Ada yang main judi di dalam kawasan kelapa sawit dan juga kawasan getah.

Jangan kita biarkan perkara ini, jangan hanya kita fikirkan kita berikan pembangunan dari segi infrastruktur, dari segi fizikal, kita harapkan rakyat boleh berfikir, betul, bagus. Tetapi dari segi mana hendak membangunkan rakyat, sama ada dari segi pendidikan, sama ada dari segi kemahirannya, sama ada dari segi sosialnya, lebih penting dari segi keislaman. Ini saya rasa kita terpaksa tukar, LKWJ terpaksa tukar pemikiran, tukar peranannya, tukar fungsinya daripada memberikan pembangunan infrastruktur 'to develop the human ware', itu yang saya rasa amat penting sekali.

Saya berharap kepada LKWJ, fikirkan perkara ini dan kita pastikan, tidak ada gunanya kita mempunyai pejabat yang begitu canggih, begitu besar sekali, tetapi kalau kita tidak boleh membangunkan rakyat di dalam bidang-bidang yang saya



nyatakan, saya rasa kita telah gagal di dalam melunaskan tugas dan tanggungjawab kita.

Sekarang kita fikirkan macam mana kawasan yang begitu besar sekali di dalam jagaan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka, kita hendak membangunkan. Industri, sebagai contoh, kini kawasan-kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka masih lagi belum mempunyai kawasan-kawasan industri yang boleh dibanggakan. Selain boleh jadi kini kawasan industri dekat Simpang Mentakab yang saya rasa termasuk juga di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka, kita fikirkan bagaimana hendak membawakan industri. Boleh jadi kita adakan satu jabatan khusus di dalam Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka untuk mengadakan bagaimana hendak mengindustrialisasikan, 'to industrialise' Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka ataupun kawasan di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka. Bagaimana hendak membangunkan orang-orang kampung? Kadangkala orang kampung terumbang-ambing dari segi macam mana hendak membangunkan industri oleh kerana tidak ada pelabur yang hendak masuk.

Walaupun terdapat kemajuan infrastruktur, tetapi pelabur tidak dapat ditarik oleh kerana boleh jadi pelabur tidak tahu akan kemajuan yang ada di dalam Wilayah Jengka. Kita dapati kini di Bandar Pusat Jengka adalah satu dua buah kilang termasuklah kilang Alps Electronic dan termasuklah satu ataupun dua buah kilang yang berasaskan kayu-kayan.

Tetapi sekarang ini kita terpaksa tukar sebabnya masalah yang besar sekarang yang saya dapati ialah peneroka-peneroka FELDA bertanyakan apakah nasib kepada generasi kedua peneroka-peneroka FELDA ini? Di mana mereka ini hendak duduk? Sama ada mereka ini hendak

diberikan tanah daripada kawasan FELDA yang lain di tempat-tempat kosong di kawasan-kawasan FELDA ini ataupun di mana mereka hendak pergi? Mereka hendak berhijrah ke bandar dan sebagainya. Ini menjadi satu persoalan. Mereka tanya bagaimana hendak menampung keperluan generasi FELDA yang kedua ini? Tetapi tidak mungkin. Sebabnya tanah, kita tidak mungkin dapat bangun kawasan-kawasan FELDA yang lain. Kita tidak mungkin dapat import tanah dari bulan untuk membesarkan kawasan dalam negara Malaysia. Oleh kerana yang demikian, tanah sebagai satu faktor pengeluaran, sudah tetap (fixed) saiznya. Jadi, hendak membangunkan generasi yang kedua ini, terpaksa LKWJ fikirkan ataupun FELDA dan agensi-agensi lain fikirkan bagaimana hendak pastikan generasi kedua di peringkat FELDA ini dapat sesuatu daripada perkembangan dan pertumbuhan negara. Kalau tidak, ia akan melibatkan penagihan dadah, masalah sosial dari segi bohsia dan penghijrahan belia-belia FELDA ke kawasan-kawasan yang lain yang menimbulkan masalah-masalah juga.

Saya berharap perkara ini dapat dititikberatkan oleh pihak Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka dan memastikan langkah-langkah konkrit dan juga satu pendekatan yang betul-betul baik dapat dijalankan oleh pihak LKWJ untuk menjamin agar mereka yang terlibat di dalam kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka dapat betul-betul dibangunkan, bukan hanya dari segi fizikalnya tetapi saya rasa lebih penting dibangunkan dari segi mindanya.

Saya berharap perkara-perkara ini dapat dijalankan. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tanjong Karang.

### 11.13 pagi

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam membincangkan pindaan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka 1983.

Walaupun di kawasan Parlimen saya di Tanjung Karang tidak ada FELDA tetapi saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan ini daripada segi perundangan mengenai LKW ini yang kita kategorikan juga sebagai badan berkanun.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita lihat dari sejarah penubuhan tiap-tiap badan berkanun, maka boleh dirumuskan secara amnya ada beberapa sebab mengapa badan-badan berkanun ini diwujudkan. Di antaranya terdapatnya keperluan untuk merancang dan membangunkan kawasan-kawasan yang tertentu di negara ini untuk mempercepatkan pembangunan yang menyeluruh di kawasan tersebut. Oleh itu, diwujudkan badan-badan berkanun seperti KEJORA, KESEDAR, KEDA, KETENGAH, DARA, PERDA dan juga LKW. Di samping itu, terdapat juga badan-badan berkanun yang diwujudkan untuk pembangunan bukan sahaja bagi kawasan-kawasan tertentu tetapi meliputi seluruh negara. Oleh itu, kita adakan badan-badan berkanun seperti FELDA dan juga FELCRA.

Akta yang menubuhkan badan-badan berkanun selalunya membuat peruntukan tentang cara badan-badan tersebut harus berfungsi. Biasanya akta itu akan memperuntukkan perlantikan ahli lembaga termasuk pengerusi dan kadangkala timbalan pengerusi. Ahli-ahli lembaga dilantik oleh Menteri atau kadangkala Yang Dipertuan Agong. Kuasa dan tanggungjawab lembaga adalah diperuntukkan di dalam akta. Untuk menjalankan pentadbiran, akta akan mengadakan peruntukan tentang

perlantikan pengarah atau timbalan pengarah yang bertanggungjawab bagi perjalanan dan kerja-kerja harian. Lembaga atau majlis sesuatu badan berkanun diberi kuasa untuk melantik kakitangan dan pegawai mengambil tindakan disiplin mengikut peraturan yang dibuat di bawah akta.

Dalam soal mengambil tindakan disiplin yang kita lihat pada hari ini telah dibuat pindaan di dalam akta ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada LKW kerana telah mengambil tindakan yang segera kerana pemakaian Perintah Am (Bab D) tidaklah automatik boleh digunakan oleh badan-badan berkanun. Lembaga perlu menerima pakai Bab D dan boleh mengubahsuainya untuk menyesuaikan dengan keperluan sesuatu perbadanan. Ini membolehkan badan-badan berkanun mengadakan peruntukan yang fleksibel. Begitu juga dengan pekeliling yang dikeluarkan oleh kerajaan. Walaupun selalunya di akhir sesuatu pekeliling itu dinyatakan "bahawa pekeliling itu terpakai terhadap badan-badan berkanun" — pemakaiannya adalah tidak automatik. Ianya perlu dibentangkan dalam mesyuarat lembaga dan diterima pakai. Di sinilah lembaga pengarah terutamanya dari kategori pegawai kerajaan dapat memainkan peranan penting untuk memastikan pekeliling itu diterima pakai oleh badan-badan berkanun.

Walaupun bagaimanapun, seperti yang saya nyatakan tadi, tidak semestinya peraturan-peraturan terutamanya Bab D ini kita boleh terima pakai, kita ubahsuai dengan keadaan dan juga istilah-istilah di dalam sesuatu badan berkanun tanpa kita membawa ke Parlimen.

Perkara 135 Perlembagaan memberikan beberapa perlindungan kepada pegawai awam. Bagaimanapun, kakitangan badan-badan berkanun, saya ulangi, kakitangan badan-badan berkanun tidak dianggap sebagai pegawai awam untuk tujuan

Perkara 135 itu. Namun demikian, kakitangan badan-badan berkanun adalah disifatkan perkhidmatan awam bagi maksud Kanun Keseksaan (Penal Code). Oleh itu, jika mereka mengambil rasuah atau apa-apa bentuk inducement, tindakan boleh diambil terhadap mereka seolah-olah mereka adalah pegawai awam.

Walau bagaimanapun, untuk tindakan disiplin ataupun Perintah Am (Bab D) ini, pegawai-pegawai badan berkanun ini bukanlah boleh diambil tindakan secara automatik sepertimana kita ambil tindakan disiplin ke atas pegawai-pegawai kerajaan.

Walaupun kakitangan badan-badan berkanun bukan pegawai awam, tetapi mereka diberi beberapa perlindungan. Yang pertama, pegawai badan berkanun ini diberi perlindungan di bawah Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 yang menetapkan had masa bagi tindakan hendak diambil terhadap sesuatu badan berkanun. Had masanya ialah tiga tahun. Sama seperti tindakan sivil kalau kita hendak ambil ke atas badan kerajaan. Maka had ataupun limitation period hanyalah tiga tahun. Tetapi kalau tindakan sivil kepada pihak yang lain, limitation period ialah enam tahun.

Yang kedua, perlindungan di bawah akta yang menubuhkan badan itu iaitu mereka tidak bertanggung bagi perbuatan tertentu yang dilakukan semasa menjalankan fungsi pengerusi di bawah akta itu.

Kebanyakan akta yang menubuhkan badan-badan berkanun memberikan Menteri kuasa untuk memberikan arahan kepada lembaga dan arahan-arahan itu perlu dipatuhi melainkan jika ianya tidak konsisten dengan peruntukan-peruntukan akta. Akta-akta yang menubuhkan badan berkanun juga memberi Menteri kuasa untuk memberi arahan yang tertentu seperti membekalkan apa-apa maklumat berkenaan dasar yang dituruti atau yang

dicadangkan oleh lembaga atau maklumat lain seperti laporan atau akaun perbadanan tersebut.

Oleh itu, kementerian-kementerian yang mengawasi badan-badan berkanun boleh menggunakan peruntukan ini untuk memberi arahan ataupun mendapat maklumat mengenai sesuatu badan berkanun. Caranya ialah dengan menggunakan nama Menteri. Tidak terdapat apa-apa garis panduan bagi menentukan sama ada sesuatu arahan am yang dikeluarkan oleh Menteri itu sah atau tidak. Pada amnya, jika arahan Menteri itu tidak konsisten dengan maksud akta itu ditubuhkan, maka arahan adalah tidak sah. Akta badan-badan berkanun memperuntukkan bahawa Pengurus Besar ataupun Ketua Pengarah adalah bertanggungjawab dalam melaksanakan segala program skim ataupun satu projek yang telah diputuskan oleh pihak lembaga ataupun majlis. Oleh itu orang lain tidak boleh campur tangan di dalam keputusan yang telah dibuat oleh pihak majlis.

Selain dua keadaan yang disebut di atas, keadaan lain boleh dikategorikan sebagai keadaan yang samar-samar, tidak terdapat peruntukan yang jelas dan menyeluruh mengenai perkara ini di dalam akta. Setiap masalah perlulah diselesaikan berpandukan keadaannya sendiri. Di sini selalunya pihak badan berkanun ini merujuk kepada pihak lembaga ataupun pihak majlis.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kuasa yang diberikan kepada lembaga ataupun kepada menteri adalah luas, lembaga atau menteri tidak boleh bertindak sesuka hati. Dalam menjalankan kuasa tersebut mereka adalah tertakluk dengan prinsip-prinsip undang-undang pentadbiran, prinsip-prinsip yang perlu diikuti apabila menjalankan kuasa budi bicara hendaklah dilihat daripada segi perundangan pentadbiran. Di antaranya ialah tidak ada niat jahat (*mala fide*) ertinya kalau satu-

satu tindakan disiplin diambil kepada mana-mana pegawai dengan mempunyai niat jahat kerana ada personal problem atau personal krisis di antara pegawai dengan orang bawahannya, maka kalau dibawa ke mahkamah, boleh dibuktikan bahawa ada niat jahat terhadap pegawai yang diambil tindakan itu, tindakan disiplin itu adalah tidak sah. Ini adalah definisi 'mala-fide' ini boleh dilihat di dalam kes 'Rama Murthy vs. Menteri Besar selangor—1969 2MLJ 97.'

Pertimbangan-pertimbangan yang dibuat juga janganlah dibuat atas perkara yang tidak relevan dan tidak boleh meninggalkan perkara-perkara yang relevan. Ertinya apabila kita hendak mengambil sesuatu tindakan disiplin ini, mestilah kita perhatikan terutamanya prosedurnya. Selalunya di dalam kes-kes disiplin ini pihak mahkamah di kurang berminat untuk melihat hukuman yang dijatuhkan, tetapi apabila bagi pihak yang menuntut atau plaintiff memohon kepada mahkamah memohon 'certiorari' selalunya pihak mahkamah melihat daripada segi prosedur sama ada prosedur-prosedur yang telah ditetapkan di dalam akta atau dalam peraturan itu diikuti ataupun tidak. Kalau didapati mana-mana ada peraturan itu tidak diikuti dengan terperinci daripada segi teknikalnya, maka tindakan disiplin itu juga adalah boleh dianggap tidak sah. Ini kita lihat undang-undang pentadbiran ini yang terbaru sekali, misalnya kes 'Bakun', kita lihat bagaimana kes tersebut ada kesilapan teknik maka keputusan yang diambil ialah 'tidak sah'.

Dalam peraturan ini juga kadang-kadang kalau pengarah atau KSU, di dalam peraturan ini diberi kepada Ketua Setiausaha Kementerian, sebagai contoh dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib yang besar, tetapi daripada segi teknikalnya kalau KSU ini dia tandatangan surat pembuangan kerja ini ditulis, katalah nama dia 'A' jawatannya di bawah Ketua Setiausaha Kementerian KPLB, maka

surat itu ataupun keputusan yang dihantar kepada pegawai yang dibuang kerja itu adalah tidak sah. Walaupun KSU yang sign, tetapi KSU tidak boleh menulis jawatannya sebagai KSU, tetapi mestilah ditulis sebagai Pengerusi Lembaga Tatatertib. Inilah contoh yang sangat teknikal, kadang-kadang nama betul, prosesnya sudah betul, tindakannya sudah betul, perbicaraan dibuat dengan betul, tetapi disaat-saat akhir apabila pengerusi menandatangani surat jatuh hukuman itu tersilap tulis jawatan, sepatutnya tulis Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib, tetapi dia tertulis sebagai KSU, maka surat itu atau hukuman itu adalah dianggap 'tidak sah'. Inipun kita dapati banyak kes yang telah diputuskan mengenai kesilapan-kesilapan teknik ini.

Mengenai kuasa-kuasa yang dijalankan mestilah kuasa yang betul, jangan sampai berlakunya 'ultra vires' - 'ultra vires' ini kadang-kadang peraturan dalam pindaan akta ini kita lihat badan disiplin ini didapati ada dua. Satu yang ditubuhkan di bawah Seksyen 17C dan satu lagi ditubuhkan di bawah Seksyen 17A(2) dan satu lagi 17A(3), maka badan-badan ini kena berfungsi dengan betul, jangan nanti keputusan yang diambil untuk pegawai yang sepatutnya dihadapkan kepada Lembaga Tatatertib yang diwujudkan di bawah 17A(2) atau 17A(3), maka mestilah lembaga yang betul yang menjatuhkan hukuman. Kalau tersalah lembaga maka itu juga dianggap tidak sah kerana sudah berlakunya 'ultra vires'.

Semasa membuat keputusan juga mestilah diingat tidak boleh kita mencampuradukkan kepada pertimbangan-pertimbangan yang tidak relevan ataupun perkara-perkara lain. Ini telah pun diputuskan dalam kes 'Mark Sen Wong vs. Minister of Home Affairs—1975 MLJ 2175.'

Pertimbangan-pertimbangan juga apabila membuat keputusan mestilah tidak

boleh dijalankan bagi maksud-maksud yang kabur. Kalau pertimbangan-pertimbangannya dijalankan dengan kurang jelas hukuman atau kesalahan yang dilakukan maka keputusan ini juga boleh dipertikaikan. Ini telah pun dilihat dari segi undang-undang dan telah diputuskan dalam kes 'Yeu Luen Finance Development vs. Director of Land and Mine Penang—2 MLJ 45.'

Yang akhir sekali, kuasa-kuasa yang dijalankan hendaklah munasabah. Jadi, walaupun kita lihat kuasa menteri, kuasa ketua pengarah, pengerusi begitu luas diberi, tetapi kuasa-kuasa ini hendaklah digunakan dengan sebaik-baiknya kerana kita tidak boleh sehingga menyalahgunakan kuasa, kerana abuse of power adalah salah satu faktor yang boleh menyebabkan kes undang-undang pentadbiran ini dianggap sebagai 'tidak sah'.

Tuan Yang di-Pertua, daripada mukadimah yang saya nyatakan tadi, peranan-peranan badan berkanun dan juga pegawai-pegawai badan berkanun ini bukanlah dimaksudkan sebagai kategori pegawai kerajaan kerana tidak termasuk dalam Perkara 135. Maka saya ingin mencadangkan walaupun pada disiplin Peraturan-peraturan Perintah Am (Bab 'D') ini selalunya diterima pakai oleh badan-badan berkanun, tetapi seharusnya kita janganlah ambil 100%. Sebab itu di dalam akta ini, di dalam Seksyen 17C(1) ia telah memberi kuasa kepada pihak lembaga untuk membuat peraturan-peraturan tatatertib, diberi kuasa kepada lembaga, maka lembaga kalau membuat kuasa ini. Kita tidak nafikan Bab 'D' kerajaan itu boleh menjadikan sebagai asas kepada kita membuat peraturan, tetapi seharusnya badan berkanun ini khasnya lembaga ini janganlah menceduk 100% di dalam peraturan-peraturan Bab 'D' ini, kerana yang saya lihat ada beberapa perkara yang .....

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Noh bin Omar:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ada yang bangun.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin mendapat penjelasan. Yang Berhormat dari Tanjong Karang ada menyebut tadi bahawa dari segi takrif Perlembagaan, pegawai-pegawai dalam badan berkanun itu tidak dianggap sebagai pegawai awam (pegawai kerajaan), jadi sekiranya pegawai-pegawai di bawah peruntukan Perintah Am (Bab 'D'), pegawai-pegawai kerajaan yang tulen dilarang melibatkan diri misalnya pegawai-pegawai kategori A dilarang melibatkan diri dalam kegiatan politik. Tetapi ada setengah-setengah badan-badan berkanun yang menurut Yang Berhormat tadi tidak pun tertakluk kepada peruntukan ini, kalau peruntukan ini tidak diterimapakai, sama ada larangan badan-badan begini kepada pegawai-pegawainya melibatkan diri dalam politik itu sah. Itu yang saya hendak penjelasan.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih sahabat saya dari Parit Buntar. Jadi saya hendak masuk ke situ juga tadi. Apa yang saya mengatakan tadi, jangan kita terima 100%—kalau boleh, terutamanya persoalan yang ditimbulkan oleh rakan saya dari Parit Buntar tadi di mana di dalam Perintah Am (Bab 'D'), pegawai-pegawai kumpulan A dahulu, tetapi pada hari ini kalau saya tidak silap ditukar dipanggil 'Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan Profesional' tidak dibenarkan untuk aktif secara memegang jawatan dalam politik.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dikaji Perintah Am (Bab 'D') kerajaan ini, Perintah Am (Bab 'D') khasnya perintah mengenai larangan berpolitik, kalau saya tidak silap Perintah Am 21. Ini dibuat pada zaman British dahulu, mungkin pada masa itu British ini dia tidak mahu pegawai-pegawai kerajaan ini aktif di dalam politik, kerana di zaman British dahulu niatnya sebagai penjajah, dia lebih suka orang yang menjadi pemimpin ini orang yang tidak berapa pandai.

Jadi, yang mana tidak ada ijazah kalau dahulu kumpulan 'A' yang mana ada ijazah ini yang jadi pegawai-pegawai tinggi kerajaan dia tidak benarkan melibatkan diri di dalam politik, jadi yang mana tidak ada ijazah, yang bawah-bawah ini boleh melibatkan diri di dalam politik, sebab itu kalau ikut sejarah, kita lihat sejarah perjuangan kemerdekaan di negara kita, ramai golongan guru yang begitu aktif memperjuangkan kemerdekaan kerana saya percaya pada masa itu pegawai-pegawai kumpulan 'A' yang pada masa itu mungkin tidak berapa ramai lagi, tidak boleh melibatkan diri secara langsung, tetapi Alhamdulillah, dengan semangat guru-guru ini ataupun mereka yang tidak mempunyai kelulusan universiti ini kita berjaya mencapai kemerdekaan. Saya tegaskan di sini tidak bermakna orang yang ada ijazah ini pun pandai politik dan yang tidak ada ijazah ini pun kadang-kadang dia pandai politik sebab politik kita tidak belajar pun di universiti.

Jadi, yang saya hendak tekankan di sini daripada segi penglibatan, kalau penglibatan perjalanan politik ini kita gabungkan tenaga pelbagai pihak daripada kumpulan 'C', kumpulan 'D', kumpulan 'B', kumpulan 'A' yang dahululah, saya pun sudah lupa sekarang ini, yang dahulu ada empat kategori A, B, C dan D, ini kalau kita gabungkan kerana mereka juga ingin mempunyai pengalaman tertentu di dalam pentadbiran kerajaan, kalau kita

benarkan mereka ini melibatkan diri dalam politik, saya rasa tidak ada salahnya. Sebagai guru, sebagai contoh, dahulu kita aktif, guru ini kalau dia guru berijazah, duduk di luar bandar, kalau mereka ini sepatutnya guru di luar bandar inilah yang selalunya menjadi pemimpin masyarakat di luar bandar, dahulu kita lihat ramai pemimpin menjadi pemimpin politik tetapi apabila larangan ini dikuatkuasakan walaupun dahulu telah ada tetapi sejak akhir-akhir ini dikuatkuasakan, maka kita rasa satu kerugian kerana guru-guru ini yang sepatutnya duduk di luar bandar boleh jadi pemimpin politik, maka sepatutnya dia boleh menjadi pemimpin kerana dia tidak ada kena-mengena pun dengan membuat dasar-dasar kerajaan.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Minta laluan, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya agak berminat apabila Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang ini membangkitkan soal Bab B, Peraturan Tata tertib ini kerana saya juga mengalami perkara ini dan adakah Yang Berhormat akan mencadangkan supaya Jabatan Perkhidmatan Awam mengkaji semula dan kalau boleh menggugurkan peraturan yang sedemikian supaya politik negara kita ini akan lebih mantap dan dianggotai oleh kumpulan-kumpulan yang terpelajar dan profesional?

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli dari Jelebu. Ini semua bekas-bekas pegawai kerajaan yang dilarang berpolitik tetapi hari ini, Alhamdulillah, dapat jadi Ahli Parlimen. Jadi, hendak jadi Ahli Parlimen ini tidak semestinya aktif politik. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat tetapi, ada tetapinya, harus ditapis, kalau kita boleh menapis kakitangan ini ada golongan profesional, kemudian ada lagi satu dipanggil kumpulan sokongan, mengapa tidak di dalam kita membuat kategori membenarkan pegawai-pegawai kerajaan ini berpolitik ini, kita kategorikan. Kalau guru mungkin kita benarkan tetapi kalau dia memegang jawatan sebagai pegawai daerah ataupun sebagai timbalan pegawai daerah, ini mungkin. Saya kalau tak dibenarkan pun saya bersetuju, habis kalau dia nanti jadi pegawai daerah ataupun timbalan pegawai daerah pembangunan misalnya ataupun penolong pegawai daerah tanah dia hendak bertanding jawatan dalam parti, hai, peruntukan semuanya dia akan gunakan. Ini mungkin boleh disekat, tetapi mana-mana kakitangan yang kita lihat tidak terlibat di dalam memberi peruntukan ataupun menentukan dasar-dasar pembangunan di dalam satu-satu daerah ataupun satu-satu kawasan seperti guru sebagai contoh, kemudian kadang-kadang mungkin doktor. Walaupun doktor, saya ingat macam dikatakan tadi, dia doktor apa salahnya dia aktif dan melibatkan diri di dalam politik walaupun pesakit dia itu, katalah dia ini dia menyokong satu parti, katalah dia sokong parti kerajaan sebagai contoh, kalau yang datang itu dia tahu pemimpin parti pembangkang, takkan dia hendak beri ubat yang bukan-bukan, daripada segi profesionalisme dia mesti kekalkan.

Jadi, kita harap supaya kerajaan mengkaji balik peraturan ini supaya kita memberi seluas-luasnya kepada rakyat negara kita ini untuk mengambil bahagian di dalam politik dan kita mahu sepertimana Ahli dari Jelevu katakan tadi, kita hendak gabungkan tenaga profesional dan juga daripada peringkat atas sehingga ke peringkat bawah kerana di dalam kita hendak mengejar perjuangan negara ini untuk menegakkan bangsa, agama dan

negara ini, kita memerlukan sokongan dari pelbagai pihak.

Tuan Yang di-Pertua, ini sama seperti kalau kita lihat pertandingan memanjat tiang licin, ini selalu orang kampung ini, kalau ada pertandingan sukaneka, sukan rakyat mesti ada pertandingan panjat tiang licin. Kalau kita lihat pertandingan panjat tiang licin ini sahaja, dia kena memilih 'team' yang betul. Kalau dia pilih 'team' dia semua yang berbadan besar dia tak boleh menang, sebab kalau dia pilih semua yang besar nanti siapa yang hendak pergi ke atas sekali, jadi, dia kena pilih badan yang besar, badan yang sedang sedikit, badan yang kecil, badan yang kurus. Jadi, kalau ada susunan yang semacam ini barulah dia boleh berjaya naik ke atas. Jadi, yang besar duduk di sebelah bawah sekali, kemudian ada tingkat-tingkat. Jadi, kalau tidak ada susunan seperti ini, badannya sama saiz sahaja, maka sudah tentu mereka tidak akan berjaya memanjat tiang licin.

Maka dalam politik ini pun saya yakin kena macam itu, kita kena gabungkan barulah perjuangan kita akan tercapai kerana kita tidak boleh mengharapkan satu-satu kumpulan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya menyentuh tadi ini pegawai kerajaan, tetapi soalnya apakah badan berkanun juga mesti ikut peraturan ini? Macam kata contohnya pegawai FELDA. Saya tak nampaklah kalau pegawai FELDA ini tak boleh aktif, kalau dia ini aktif di dalam sesuatu cawangan di luar kawasan FELDA, katalah dia aktif di Kampung Tanjong Karang, sebab ada orang Tanjong Karang jadi pegawai FELDA, boleh jadi dia hendak aktif di Tanjong Karang. Apa salahnya dia pegawai FELDA, duduk di Selangor misalnya di FELDA Sungai Buaya, ada pegawai Tanjong Karang yang jadi pegawai FELDA, dia kumpulan 'A', apa salahnya kalau dia hendak aktif di Tanjong Karang? Tanjong Karang tak

ada FELDA, tak ada kepentingan pun, kalau dia hendak masuk FELDA, kalau ada kepentingan pun kot-kotlah orang Tanjong Karang hendak masuk FELDA, dia boleh sokong, itu pun dia tidak ada kuasa yang sepenuhnya.

Jadi, kena diambil kira, kalau kita tidak kaji perkara ini, kita rasa sayang, ramai rakan-rakan kita yang dahulu kita lihat ramai pelajar-pelajar semasa waktu belajar mereka ini merupakan pemimpin pelajar. Kita tengok pemimpin pelajar daripada universiti, kita di universiti-universiti kita menggalakkan pelajar-pelajar kita ini aktif, dia kena jadi pemimpin pelajar, jadi presiden persatuan macam-macam persatuan ada di universiti, berapa banyak universiti, di luar negeri pun ramai rakan-rakan saya dok aktif di dalam Kelab UMNO, aktif di dalam pertubuhan-pertubuhan Melayu di United Kingdom, pelbagai pertubuhan pelajar yang kita ada, tetapi sayang, bakat kepimpinan yang ada kepada mereka ini kadang-kadang mereka ter' stop', mereka tersekat kerana apabila mereka ini balik mereka katalah di bawah biasiswa JPA, biasiswa MARA dan mana-mana biasiswa termasuk biasiswa FELDA, mereka kena bekerja dengan kerajaan, kerja lima tahun, enam tahun. Jadi, bila sudah bekerja selama lima tahun, enam tahun, dia pun 'skill' sebagai pemimpin itu habis, sudah tak ada lagi.

Jadi, hasrat kita untuk melatih pemimpin pelapis ini saya rasa sukar juga untuk dicapai melainkan mereka itu beranilah, yang sanggup diambil tindakan tatatertib mungkin mereka berani. Tetapi kalau mereka ini takut dikenakan tindakan tatatertib maka mereka tak berani untuk mengambil bahagian di dalam politik.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apabila lembaga ini diberi kuasa, saya telah nyatakan tadi bahawa kuasa ini yang penting, peraturan-peraturan kerajaan ini bukan automatik kita mesti pakai, apabila

akta ini telah diluluskan oleh Parlimen, maka 17C ini sebenarnya boleh mengatasi segala peraturan-peraturan ataupun arahan-arahan daripada kerajaan, kalau ikut akta ini, sebab akta ini yang lebih tinggi melainkan akta ini bertentangan dengan Perlembagaan—betul, memang tak boleh. Tetapi setakat arahan-arahan dan peraturan-peraturan memang kita boleh atasi.

Saya hendak sentuh sedikit mengenai Perintah Am Kerajaan Bab 21 ini, Perintah Am dilarang berpolitik. Saya hendak tengok ada percanggahan sedikit, yang saya harap selepas ini LKW Jengka ini, apa ini, sebab jarang disebut Jengka ini Timbalan Menteri, jadi LKW Jengka, jadi Ahli Yang Berhormat dari Jerantut, kawasan dia ada Jengka, dia boleh sudah fasih, saya kalau FAMA, MARDI itu saya fasihlah.

Jadi, kita lihat seolah-olah dia ada kontradik. Saya bacakan sedikit Perintah Am 21,

“mengambil bahagian dalam politik, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Peraturan 3— seseorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan Profesional adalah dilarang mengambil bahagian aktif dalam aktiviti politik atau memakai mana-mana lambang sesuatu parti politik dan khususnya.....”.

Itu bahaya, dia kata dia tidak boleh dilarang mengambil bahagian aktif dalam politik - okay, tetapi “atau memakai mana-mana lambang sesuatu parti politik”, ertinya dia tidak boleh pakai apa-apa lambang, pakai lambang UMNO pun tidak boleh, kalau dia sayangkan UMNO.

UMNO sekarang ini dia sudah komersil, kita pergi di mana-mana sudah banyak orang jual lambang-lambang UMNO, klip neck-tie pun ada, kemudian brooch wanita



pun ada—tidak percaya pergilah ke Kedai Cenderamata Parlimen ini, lawa-lawa dia buat. Jadi, kalau ikut undang-undang ini, kalau ada pegawai-pegawai kerajaan yang hadir pada hari ini, tengok di Kedai Cenderamata Parlimen di belakang sana, dia berkenanlah dengan klip neck-tie yang ada lambang UMNO—tidak boleh pakai. Kalau ikut undang-undang ini—dilarang memakai lambang parti.

Jadi, kalau kita membuat undang-undang terlampau 'strict' ini, kita khuatir nanti pegawai-pegawai kerajaan lama-lama tidak berminat dengan mana-mana parti politik. Jadi, khususnya di sini, banyak dia buat (*a*) sampai (*f*), saya tidak berhasrat hendak baca semua. Saya hendak baca yang (*c*) sahaja, dia kata

“...khususnya terlibat dalam merayu undi bagi menyokong mana-mana calon pada sesuatu pilihan raya umum, pilihan raya kecil atau apa-apa pilihan raya untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik.”

Ertinya, kalau ada pilihan raya dia tidak boleh menjadi perayu undi—itu saya setuju, mungkin. Tetapi ada satu perkataan lagi iaitu “atau apa-apa pilihan raya untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik”—ertinya kalau ada pertandingan memilih Ketua Cawangan UMNO sebagai contoh, dia tidak boleh mengundi, dia tidak boleh menyokong. Ini yang saya faham maksudnya. Tetapi yang (*c*) dia agak kontradik dengan 21(5) yang menyatakan,

“tiada apa-apa jua dalam peraturan ini boleh menghalang seseorang pegawai daripada menjadi anggota biasa mana-mana parti politik”.

Mula-mula tadi dia kata tidak boleh menyokong mana-mana calon yang hendak bertanding mana-mana jawatan dalam parti, tetapi 21(5), dibenarkan menjadi ahli biasa bagi mana-mana parti politik. Ini kontradik.

Kalau dia menjadi ahli biasa, ahli UMNO sebagai contoh, haknya dalam perlembagaan UMNO. Takkan bila dia menjadi ahli biasa, haknya sebagai ahli biasa dalam mana-mana parti politik sekalipun, kita berhak, kalau tidak boleh pegang jawatan, tidak apa, tetapi takkan hak mengundi pun tidak boleh? Hak menyokong pun tidak boleh? Jadi, di mana hak kita untuk menjadi ahli parti politik?

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan saranan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Saya juga melihat kadang-kadang itu ada berlaku percanggahan. Selaku bekas kakitangan kerajaan, apabila waktu-waktu pilihan raya kecil, kebanyakan kakitangan kerajaan, terutamanya dalam Kumpulan A adalah juga diminta untuk turun ke padang bagi menyatakan sokongan untuk merayu pengundi-pengundi. Umpamanya, dalam aktiviti-aktiviti jabatan.

Apabila jabatan diminta oleh jawatankuasa UMNO, umpamanya, untuk hadir dan juga memberikan ceramah tentang motivasi keselamatan jalan raya dan di samping itu kita membuat aktiviti semasa, umpamanya, bahagian pendaftaran membuat pasport ataupun kad pengenalan secara berkelompok di dalam waktu-waktu kempen pilihan raya berjalan, ini juga akan menunjukkan penentangan kepada apa yang ada di dalam Bab D tadi.

Di samping itu kemungkinan juga, kakitangan di Jabatan Biro Tatanegara, umpamanya, sentiasa memberikan ceramah motivasi, kesedaran dan sebagainya. Apa yang diminta ialah untuk memberikan dan menyatakan sokongan orang ramai kepada kerajaan. Saya minta pandangan dan penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah ini merupakan satu pertentangan kepada akta dan juga kepada bab yang berkenaan?

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya setujulah dengan pendapat sahabat saya dari Jelebu. Sebab itu tadi saya menyatakan, bab kerajaan ini bab kerajaanlah, saya tidak boleh hendak sentuh yang ini, tetapi saya hendak tekankan tentang Jengka ini. Apabila kuasa diberi, perkara-perkara seperti inilah yang saya katakan tadi. Kita jangan ambil automatik ataupun 100% Perintah Am (Bab D) ini.

Jadi, misal kata pegawai Jengka, seperti yang sahabat saya katakan tadi, kalau waktu pilihan raya dia dijemput memberi ceramah, apabila ada sesuatu perjumpaan parti politik yang dianjurkan oleh Pemuda UMNO ataupun mana-mana parti politik, kadang-kadang bila bercakap itu mungkin dia juga memberikan pandangan-pandangan yang merupakan sokongan kepada sesuatu parti-parti politik, maka, kalau mengikut undang-undang ini kita boleh mengambil tindakan. Kalau ada yang report.

Jadi dari segi undang-undang ini, kalau tidak report tidak salah. Macam kata mencuri, mencuri itu kalau orang tidak tangkap tidaklah salah. Kalau kita langgar lampu merah sebagai contoh, kalau polis tidak ada di depan, tidak saman, tidak salah. Jadi, serupa juga kalau kita melakukan ini. Kita melanggar peraturan ini, dimana kita tahu sebagai pegawai kerajaan kita sudah melanggar peraturan Perintah Am (Bab D). Tetapi oleh kerana kita sayangkan negara kita, kita sayangkan parti yang kita sokong, maka mahu tidak mahu kita akan berikan sumbangan. Jadi, kalau adalah rakan-rakan dia yang rasa dengki, yang rasa cemburu, dia akan membuat report, buat laporan kepada pihak atasan dan mereka ini boleh diambil tindakan.

Saya hendak berbalik kepada Perintah Am (Bab D)—Perkara 21 tadi, yang saya katakan macam bertentangan—seperti yang saya katakan tadi 21(1)(c)—dia kata

tidak boleh menyokong dan sebagainya tadi, tetapi dalam 21(5) tadi ada diberitahu “tidak ada apa-apa jua dalam peruntukan ini yang boleh menghalang seseorang pegawai daripada menjadi anggota biasa”. Jadi, dia boleh menjadi anggota biasa sahaja—no point. Kalau dia menjadi anggota biasa, bila time mesyuarat agung dia kena datang, kalau dia tidak datang mesyuarat, kuorum tidak cukup. Kalau kuorum tidak cukup, katalah semua cawangan dalam pekan itu semuanya pegawai-pegawai kerajaan menjadi ahli biasa, dalam peraturan kita bermesyuarat, mana-mana parti pun dia ada kuorum.

Kalau dia sudah tidak boleh datang mesyuarat, hanya boleh menjadi ahli biasa, macam mana hendak mengadakan mesyuarat, sudahlah tidak cukup kuorum. Kalau katakan 100 orang pegawai kerajaan menjadi ahli parti sesuatu cawangan, katalah menjadi ahli UMNO cawangan Bandar Pusat Jengka, Pahang. Katalah di situ baru ditubuhkan cawangan UMNO. Yang menjadi ahlinya semua pegawai-pegawai Jengka—katalah 100 orang yang menjadi ahli dan tubuh satu cawangan.

Mengikut Perlembagaan UMNO, kuorum untuk mengadakan mesyuarat mesti 1/4 daripada bilangan ahli, kalau sudah 100 orang, semua takut hendak datang mesyuarat, kerana takut akan diambil tindakan, bermakna 25 orang yang kita hendak. Kalau yang datang hanya 20 orang, katalah yang 20 orang itu hanya pegawai bawahan, tidak boleh hendak diadakan mesyuarat. Jadi, can defeat the purpose—tidak sampai matlamat kita untuk menggalakkan pegawai-pegawai kerajaan ini menjadi ahli-ahli politik yang mana mengikut Perintah Am 21(5) tadi membenarkan.

Kemudian seterusnya, 21(6)—saya hendak baca lagi “seseorang pegawai yang telah diterima menjadi anggota biasa mana-mana parti politik hendaklah memberitahu fakta ini kepada Ketua

Jabatannya". Saya hendak tanya kepada Timbalan Menteri, kalau adalah, berapa ramai pegawai Jengka ini sudah menjadi ahli-ahli parti politik? Ahli UMNO sahaja kita ada 1.5 juta orang, kalau saya tak silap, beratus ribu pegawai kerajaan ini sudah pun menjadi ahli mana-mana parti politik.

Adakah pihak kerajaan ataupun pihak Jengka nanti dia akan catat berapa pegawai-pegawai dia menjadi ahli politik? Kalau ikut Perintah Am 6 ini, sesiapa yang tidak melaporkan kepada Ketua Jabatan, bahawa dia menjadi ahli mana-mana parti politik, boleh diambil tindakan tatatertib.

Jadi saya kata clause-clause seperti ini, jangan kita terus mengambil, menceduk 100% apa-apa yang di dalam akta, kena dikaji semula kerana Perintah Am Bab D ini walaupun baru dipinda, saya tidak pasti sama ada benda ini di rombak? Tetapi nampaknya bagi saya ada percanggahan di bawah Perintah Am 21 ini.

Begitu juga kita lihat yang kedua kalau LKWJ besok bila membuat peraturan ini divedok bulat-bulat Perintah Am Bab 21D. 21D ini, saya hendak nyatakan "seseorang pegawai dalam Kumpulan Sokongan yang bukan seseorang dalam bukan perkhidmatan perlu boleh bertanding atau memegang jawatan atau dilantik ke dalam apa-apa jawatan dalam satu parti politik setelah terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis dari pengarah perjawatan". Jadi, ada pengecualian. Ertinya tidak boleh berpolitik ialah Kumpulan 'A', Kumpulan A maksudnya yang saya kata dulu Kumpulan A, sekarang ini dipanggil Kumpulan Profesional. Tapi dalam Kumpulan B, ataupun sekarang ini dipanggil Kumpulan Sokongan dibenarkan berpolitik.

Jadi, maksudnya ada kumpulan yang kita benarkan berpolitik iaitu Kumpulan

Sokongan tetapi mesti mendapat kelulusan bertulis daripada pihak pengarah perjawatan. Jadi, kita dapati ramai pegawai kerajaan pada hari ini dalam Kumpulan Sokongan ini yang memegang jawatan, jadi jawatankuasa biro, ketua cawangan dan sebagainya. Tapi adakah mereka ini mendapat kelulusan? Ini bahaya. Kalau di dalam segi politik kalau ada politiking dalam satu-satu cawangan ataupun bahagian, jadi kawan kita, sahabat kita dalam Kumpulan Sokongan tadi sudah pegang jawatan, oleh kerana dia tidak ada surat kebenaran bertulis maka dia boleh diambil tindakan tatatertib. Jadi, peraturan-peraturan seperti ini hendaklah dikaji sebelum pihak FELDA ini membuat peraturan-peraturan tatatertib.

Begitu juga saya bacakan tadi Kumpulan Sokongan yang bukannya daripada kumpulan perkhidmatan perlu, perkhidmatan perlu ini kalau Perintah Am (Bab D) dia sudah beri dalam Jadual Pertama. Jadi dalam Jadual Pertama saya tengok tidak ada kena-mengena pun dengan FELDA. Jadi, saya hendak terangkan disini, kalau membuat peraturan hendaklah dilihat dan diteliti sebelum divedok secara automatik.

Isu yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, begitu juga kita harap walaupun dalam undang-undang ini pihak lembaga tatatertib telah ditubuh, janganlah menganggap tatatertib ini untuk dijatuhkan hukuman kepada para pegawai. Kita harus menganggap tindakan tataertib ini apabila akta ini dipinda, hendaklah kita menganggap bahawa kita akan berusaha untuk meninggikan lagi mutu dan juga kualiti pegawai-pegawai kita. Kalau kita menganggap bila ada kuasa pada kita mana pegawai-pegawai yang salah atau sengaja mencari salah pegawai hanya hendak menjatuhkan hukuman, maka disiplin kita ataupun mutu perkhidmatan kita bukan semakin naik tapi semakin menurun.

Dalam Perintah Am (Bab D) ini ataupun yang saya penuh yakin mungkin juga akan divedok oleh pihak FELDA ini ada menyatakan Perintah Am 4E iaitu kurang cekap atau kurang berusaha. Ertinya di sini, mana-mana pegawai yang kita dapati kurang usaha, kurang cekap maka boleh diambil tindakan tatatertib kerana bossnya tidak puas hati tetapi kalau kita terus mengambil tindakan sudah tentu kita lihat kadang-kadang sebagai pegawai kita tidak puas hati dengan orang bawahan kita.

Di dalam pentadbiran badan-badan berkanun ini kita dapati pegawai-pegawai atau kakitangan ini saling bertukar-tukar. Bertukar dari satu jabatan kepada satu jabatan. Kalau dahulu boleh jadi dia ini kerani bahagian latihan, kemudian tiba-tiba masa dia tukar sebagai kerani kewangan sebagai contoh ataupun kerani bahagian perjawatan. Sudah tentu, tugas dia yang lama walaupun 4 tahun 5 tahun telah berkhidmat tapi pengalaman dia sebagai pegawai ataupun kerani di bahagian latihan mungkin tidak sama dengan jawatan yang baru. Kadang-kadang badan berkanun ini ataupun mana-mana pegawai kerajaan dia tidak ada fail meja pun. Sepatutnya bila bertukar jawatan ini mesti ada fail meja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Jelebu bangun.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, dalam merujuk kepada apa yang dinyatakan oleh Ahli dari Tanjong Karang, di bawah SSB kita melihat peratusan kepada kumpulan yang gajinya langsung tidak naik, iaitu statik. Jadi, adakah dengan adanya peruntukan Bab D ini mereka yang digolongkan dalam kumpulan statik ini boleh diambil tindakan yang tidak menunjukkan performance yang baik didalam tugas? Saya ingin mendapat penjelasan.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih, Ahli dari Jelebu. Mengenai tindakan

tatatertib yang saya kata tadi kurang cekap, kurang berusaha ini semua kumpulan, jadi kadang-kadang dia ambil tindakan macam-macam hukuman kalau kita ambil tindakan tatatertib ini. Jadi, yang saya hendak tegaskan di sini seperti yang dinyatakan tadi, bahawa apabila pegawai-pegawai kita bertukar, kadang-kadang ada kita dapati mereka ini tidak ada pun fail meja, jadi sepatutnya sebelum diambil tindakan tatatertib ini hendaklah dikaji dahulu kepada mereka ini. Kalau mereka ini betul kurang berusaha atau kurang cekap tapi kita kena lihat fail peribadi dia sama ada pernah tak kita menghantar pegawai ini pergi berkursus, menghadiri mana-mana seminar untuk menambah pengetahuan dia. Jadi, kalau pihak pentadbir sendiri tidak pernah memberi motivasi, tak pernah menghantar kursus sudah tentu dia tidak akan faham kerja baru yang dibuat walaupun dia telah lama bekerja tetapi di bahagian yang lain.

Isu ketiga yang hendak saya sentuh ialah mengenai satu lagi Perintah Am, iaitu keterhutangan kewangan yang serius. Ini kadang-kadang ramai. Pegawai-pegawai kerajaan bila dia didapati mempunyai hutang yang banyak maka dapatlah laporan daripada badan disiplin, mengatakan dia ini telah berhutang dan pihak mahkamah apabila dia ini didapati bersalah maka dapatlah keputusan mahkamah mengatakan pegawai ini telah dijatuhkan hukuman kerana berhutang. Tetapi dari segi ini memang saya bersetuju kalau dia ini berhutang kerana urusan peribadi, dia patut diambil tindakan ke atas dia kerana kemungkinan kerana hutang yang banyak boleh menyebabkan dia tidak ada mood bekerja, dia sentiasa berfikir macam dia hendak membayar hutang.

Tetapi pada hari ini kita dapati ramai pegawai kerajaan ini yang dijatuhkan hukuman oleh mahkamah kerana dia menjadi penjamin. Inipun syarat-syarat kerajaan juga menjadi penjamin. Katakanlah menjamin pelajar untuk melanjutkan pelajaran daripada JPA

ataupun pihak MARA atau mana-mana badan pun, maka dia hendak pegawai kerajaan menjadi penjamin. Kadang-kadang oleh kerana dia menjadi penjamin ataupun niat dia ingin membantu kawan-kawan dia untuk berniaga, dia sukarela. Sukarela ingin membantu kawan-kawan, maka dia menjadi penjamin. Maka apabila kawan peminjam tidak bayar, maka penjamin dijatuhkan hukuman kerana pihak yang memberi pinjaman selalunya dia senang mencari penjamin lagi sebab dia pegawai kerajaan senang dicari. Jadi, kalau kes-kes seperti ini, kita harap dapatlah diberi pertimbangan sewajarnya. Janganlah terus-terusan apabila mendapat hukuman, ini ia akan terus dijatuhkan hukuman. Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh akta ini sedikit mengenai surcaj. Surcaj ini, Tuan Yang di-Pertua, sefaham saya, ini Timbalan Menteri betulkan saya kalau salah, sefaham saya surcaj ini dia bukan merupakan hukuman tatatertib. Hukuman tatatertib tadi telah pun dinyatakan di dalam seksyen 17C(2)(b) itu hukumanlah, dia kata, hukuman, amaran denda pelucuthakan emolumen, penangguhan pergerakan gaji dan sebagainya tapi surcaj tak masuk. Jadi, surcaj ini bukan hukuman tatatertib. Jadi, persoalan yang saya hendak tanya mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, bagaimanakah surcaj ini akan diambil tindakan? Bagaimanakah prosedur untuk mengambil tindakan terhadap surcaj?

Kalau kita lihat di dalam seksyen 17D, di sana ada pengenaan surcaj. Seksyen 17D menyatakan, "seseorang yang sedang atau telah bekerja dengan Lembaga boleh disurcaj...." dan seterusnya. Kita tengok seksyen 17D(2), "Lembaga hendaklah, sebelum orang itu disurcaj, menyampaikan suatu notis bertulis kepadanya yang memintanya menunjukkan sebab mengapa dia tidak patut disurcaj." Persoalan yang saya hendak timbulkan di sini ialah lembaga. Siapakah menjadi lembaga ini? Kalau di dalam tindakan tatatertib jelas

menunjukkan bahawa lembaga diberi kuasa untuk menubuhkan dua jenis Lembaga Tatatertib, yang mana satu badan untuk tindakan yang lebih besar di bawah seksyen 17A(1)(2) dan 17A(3), itu sudah ada dua badan untuk tatatertib. Tetapi untuk surcaj, lembaga begitu umum. Siapakah lembaga ini?

Kalau lembaga ini dimaksudkan sama seperti tafsiran 'lembaga' di bawah seksyen 3, akta induk ada diberi definisi 'lembaga', saya hendak persoalkan, adakah lembaga induk ini akan mengendalikan kes surcaj? Adakah kes surcaj tidak ada kategorinya? Kalau kata seorang pegawai dituduh dan didapati surcajnya lebih kurang RM5,000, adakah juga akan dibawa kepada lembaga induk? Kalau seorang pegawai disurcaj sampai RM20,000 sebagai contoh, adakah juga akan dibawa kepada lembaga induk? Jadi, lembaga ini bagi saya terlalu umum. Kalau hendak dinyatakan bahawa Jawatankuasa Lembaga Tatatertib ini juga berfungsi sebagai lembaga yang akan mengendalikan kes surcaj, saya rasa pun tidak berapa tepat kalau mengikut kefahaman saya di dalam akta ini. Saya ingin mendapat penjelasan siapakah lembaga yang akan mengenakan surcaj ini? Adakah ada pula satu lembaga surcaj yang kecil, lembaga surcaj yang besar untuk membuat hukuman kepada amaun satu-satu surcaj?

Juga di bawah seksyen 17H yang akhir sekali, ini pun agak mengelirukan. "Dalam apa-apa tindakan surcaj terhadap Pengurus Besar, keanggotaan Lembaga bagi maksud seksyen 17D dan 17G tidaklah termasuk Pengurus Besar". Jadi, ini yang saya tidak faham istilah 'lembaga'. Lembaga dimaksudkan di bawah seksyen 3 ataupun lembaga yang tersendiri? Jadi, kerana untuk kita mengadakan surcaj juga, kita kena juga mengikut prinsip-prinsip 'natural justice'. Kita kena 'right to be heard' pun mest ada. Jangan besok bila orang ini tak dapat kutip wang ataupun hilang perkakas dan alat-alat yang dia

jaga, kita terus kata tanpa pertuduhan. Tetapi kalau ikut dalam akta ini, mesti beri pertuduhan dahulu sebelum perkara itu disurcaj. Apabila ada pertuduhan, mesti ada orang yang hendak mendengar jawapan pertuduhan itu. Jadi, siapakah lembaga ini?

Jadi, itu sahaja yang saya hendak sampaikan. Dengan ini, saya mohon menyokong akta ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Rompin.**

**11.54 tgh.**

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis (Rompin):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Syabas kepada Ahli dari Tanjong Karang dengan hujah yang bernas. Banyak juga idea-idea yang saya hendak bercakap dia sudah utarakan. Saya menyokong apa yang disarankan oleh Tanjong Karang—bertanding Exco Pemuda? (*Ketawa*) Ini orang baru, Tuan Yang di-Pertua, dalam Pemuda UMNO. Saya menyokong usaha kerajaan, kementerian untuk menyelaraskan dan mengemaskini peraturan pentadbiran dari segi pengambilan disiplin untuk semua LKW saya nampak. Kita ada lapan LKW.

Pada peringkat awal kita bimbang juga dengan lapan akta ini semuanya berlainan. Tetapi lapan akta ini boleh dikatakan menuju satu prinsip dan usaha yang sama untuk menyelaraskan peraturan dari segi disiplin. Namun demikian, saya ingin menyentuh sedikit dari segi dasar LKW itu sendiri, termasuk Jengka dan DARA. Ada dua LKW di Pahang, Jengka dan juga DARA.

Selain daripada usaha kementerian untuk memastikan perjalanan, pengurusan dan pentadbiran LKW ini terus mantap dan tidak mengeneipkan wawasan, tujuan dan objektifnya membangun rakyat dan masyarakat di kawasan LKW itu, tetapi pada masa yang sama, saya nampak selain

daripada mengukuhkan perjalanan, pentadbiran LKW ini, termasuk Jengka yang kita bahaskan sekarang dan juga LKW yang lain, tetapi ada juga isu yang turut penting, iaitu isu masa depan LKW ini sendiri, termasuk Jengka, DARA dan juga LKW yang lain. Saya nampak ada satu keluhan dalam masyarakat di kawasan-kawasan LKW ini termasuk Jengka, DARA dan lain-lain lagi bahawa tentang masa depan LKW itu sendiri. Saya nampak bahawa dalam kita hendak mengemaskinikan jentera pentadbiran LKW itu, penting juga kita mengambil satu ketetapan dan mengumumkan tentang dasar masa depan LKW itu sendiri.

Sebagai contoh, kita sekarang hendak membaikpulihkan enjin satu vehicle, dengan izin. Tetapi sebelum kita mengukuh, mengemaskini, membaik pulih enjin itu, kita mesti juga tahu ke mana arah tujuan kita hendak membawa vehicle ini. Kalau kita tidak tahu di mana masa depannya, sama ada LKW ini kita mahu kekalkan 5 tahun lagi atau 10 tahun lagi, persoalan membaik pulih enjin itu memang penting sebab kita hendak bergerak ke hadapan, tetapi persoalan masa depan LKW itu juga penting, sama ada kita pulih, mengambil masa yang panjang, membeli sparepart yang mahal, mendapat pakar-pakar membaiki enjin, sekali dapat arahan tak payahlah berjalan lagi. Cukup di sini, tak payah kita pergi ke hadapan lagi, tak perlu perjalanan untuk 10 batu atau 5 batu.

Saya nampak kerajaan kena mengambil ketetapan ini tentang masa depan Lembaga Kemajuan Wilayah itu sendiri, sebab ada keluhan di kawasan saya, termasuk kawasan Yang Berhormat dari Jerantut sendiri, tentang masa depan LKW itu sendiri. Di kawasan saya, DARA melibatkan 500-600 staff. Mereka ini diambil kerja untuk LKW itu sahaja. It is not even transferable kepada LKW yang lain. Tidak transferable kepada kerajaan negeri, tidak boleh ditukarkan ke Federal.

Ke mana masa depan mereka ini? Staff-staff pun ada kerja di LKW ini. Itu yang pertama.

Yang kedua pula, mereka yang menunggu dan mengharapkan pertolongan, sokongan dan bantuan LKW itu sendiri bagaimana, siapa akan mengambil alih tugas dan tanggungjawab LKW membela masyarakat luar bandar ini? Ini persoalan yang besar, Yang Berhormat Timbalan Menteri, amat besar. Mungkin agenda utama mereka ini ditubuhkan bagi membuka hutan yang besar, belantara yang besar, kita jadikan bagi prasarana, kita tukarkan kepada pertanian di kawasan Jerantut, Jengka, kawasan Rompin dijadikan kawasan kelapa sawit, kawasan getah. Alhamdulillah, kita bersyukur kejayaan agenda utama ini.

Kawasan saya di Rompin sudah ada cerita. Dahulu baguslah, DARA, ada kenamengena dengan nama. Kita buka hutan DARA jadikan kawasan pertanian. Lepas ini, takkan kata yang satu lagi selepas DARA, saya nak sebut pun bahasa kurang manis. Takkan bila jadi janda, kita buang sahaja. Itu ibu kepada anak-anak kita. Bermakna jangan kita lupa dari segi kejayaan LKW ini seperti Jengka dan DARA sudah membukakan kawasan hutan belantara, ramai yang datang di kawasan saya, Jengka dan DARA ini, kalau dahulu tak ada tanah diberikan 10 ekar tanah pertanian, diberikan kawasan perumahan satu suku ekar. Kalau mereka yang datang, dahulu miskin, tidak ada tanah, tidak ada pendapatan tetap, sekarang sudah ada harta, sudah tidak lagi miskin. Ini adalah kejayaan kita, kejayaan negara kita, kejayaan Barisan Nasional. Ini PAS apa dia buat, dia kata tak betul. Tetapi Yang Berhormat dari PAS dia friendly dengan saya, dia datang ke kawasan saya, dia bawa agenda dia, tetapi dia tak lupa saya, terima kasihlah, friendly. Tetapi yang seorang lagi, yang tak baik langsung, Ketua Pemuda PAS, tak tahu dia Ketua

Pemuda lagi atau tidak, iaitu Yang Berhormat dari Kubang Kerian.

Bermakna Tan Sri, saya nak kemukakan satu perkara di sini yang penting, ada baiknya kita membenteng usul ini Tan Sri, bagi kita mengemaskinikan lagi pentadbiran LKW dengan menyelaraskan dasar-dasar peraturan dari segi disiplin. Tapi paling utama juga bagaimana masa depan LKW itu sendiri seperti Jengka dan DARA. Tak bermaknanya kalau agenda pertama tadi membuka kawasan hutan dibawa kepada pertanian sudah selesai agenda membela orang kampung. Saya rasa tak yakin, belum lagi, Dato' Timbalan Menteri. Kita mahu negara kita pada tahun 2020 menjadi satu negara maju dan kawasan industri. Adakah kita rela mahu tinggalkan terus kawasan Jengka dan DARA dan menjadi kawasan pertanian sahaja? Kita akan menjadi ketinggalan zaman nanti, bila negara semua menjadi sebuah negara industri, ada kelompok di kawasan-kawasan yang begini masih kekal dalam the age of agriculture dengan izin. Zaman pertanian, walhal di Kuala Lumpur bukan lagi zaman industri, kita telah melonjak sekarang ke zaman communication, the information technology, the third phase of revolution, pertanian, industrilization, information age.

Di Kuala Lumpur akan menjadi satu keadaan tamadun information, maklumat, kita akan berada di dalam tamadun maklumat dengan adanya corridor of development di antara Kuala Lumpur dengan KLIA. Kuala Lumpur sudah pergi melonjak ke tamadun yang ketiga, maklumat dan adakah kita mahu tinggalkan kelompok-kelompok LKW ini sebagai masyarakat dalam pertanian? Siapa akan mengatasi, mengetuai agenda ini? Selepas membawa mereka daripada pertanian kepada industri dan era teknologi maklumat ini. Ini membimbangkan kita, mesti ada satu ketetapan, mesti ada suatu misi yang terang, tak dapat dipertikaikan

lagi. Selepas ini apa agenda yang keduanya? LKW ini.

Saya yakin ramai daripada ahli-ahli wakil rakyat tidak bersetuju kalau hanya mengatakan 'yes' dengan izin, thank you very much LKW, you have done your job, dengan izin, kita tutup. Saya tak yakin kita akan bersetuju, mungkin matlamat asas itu kita telah selesaikan, tamat. Tetapi kita masih lagi seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata perjuangan kita belum selesai, belum selesai lagi. Perjuangan untuk membela masyarakat luar bandar belum selesai seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya yakin, semalam kita mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, 15 tahun beliau menjadi Perdana Menteri kerana beliau kita mengorak langkah baru di negara kita ini. Komitmen kita, confident kita, sikap kita telah berbeza, Alhamdulillah tapi saya yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang mengatakan perjuangan kita belum selesai itu bermakna perjuangan membela masyarakat LKW ini juga belum selesai.

Oleh itu, andainyalah ada ura-ura untuk menutup LKW ini, saya minta dikaji kembali. Mungkin kita ubah caranya, kalau dahulu tujuannya untuk memberikan jalan yang baik, talian telefon yang baik, air yang baik tapi sekarang ini mesti ada agenda yang kedua. Agenda untuk dekad yang akan datang, untuk membawa industri ke kawasan-kawasan ini.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Bangun*)

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sila

**Tuan Yang di-Pertua:** Yan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya amat aaaa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tertarik.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tertarik.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya. Tertarik, itu yang saya bangkit, saya duduk di kantin dok makan ikan temenong sat ni, teringat sahabat saya, cuma bila kita dengar makin banyak dah agensi-agensi yang akan ditutup, saya pun berasa sedih dan orang pun berasa sedih, orang yang di kampung-kampung ni. Ada yang kata kat saya, Bad setuju tak KESEDAR tak lama dia tak sedar dah. Jengka tu tak sejengka dah dan kalau KEJORA tu, dia tak jadi juara dah, tinggal DARA tak tahu saya nak kata jadi apa kalau dah tutup.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, dia jadi jandalah. (*Ketawa*)

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya... (*Ketawa*) Jadi macam tulah. (*Ketawa*). Jadi adakah pihak kementerian akan mencari satu alternatif lain kerana masih banyak lagi yang memerlukan. Jadi, kalau sekadar kita kata kita akan salur melalui jabatan kerajaan untuk nak bangunkan, tidak percaya ia akan berjaya. Jadi, saya berharap kalau boleh Yang Berhormat bersetuju supaya kerajaan timbang balik benda ini kerana sebenarnya perjuangan kita macam kata tadi Perdana Menteri belum selesai. Jadi, kalau perjuangan itu belum selesai, kenapakah hak yang belum selesai ni nak diselesaikan sekarang, sedangkan kita tahu banyak lagi rakyat yang memerlukan?

Walaupun saya sedar, baru ni bila naik lapangan terbang, yang baru, yang tanam getah kawasan tu jadi jutawan ada yang jadi tak ketawan pun ada dah lepas ini. Pasal duit banyak, dia jadi tak ketawan pun boleh. Jadi adakah kerajaan hendak mengadakan satu program? Kalau ada



bagi tahu, program macam mana, tanya wakil rakyat, sesuai tak sesuai. Kadang-kadang di kementerian saja kata sesuai tapi rakyat kata tak sesuai, rakyat, dia bukan boleh pergi jumpa Menteri nak khabar, dia jumpa wakil rakyat, sepatutnya panggil wakil rakyat berdialog dengan wakil rakyat, macam manakah kita nak bagi alternatif hak yang janda nak bagi elok balik, hak yang dara tu nak bagi dara balik. Hak yang tak sedar tu kita persedar balik. Yang ini semua kita nak kena fikir.

Jadi, saya harap kementerian, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun asal orang kampung, lama dalam politik, boleh kata veteran dalam MIC, veteran, jadi dia faham masalah rakyat. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya ini.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Yan dan saya yakin pun amat sensitif tentang permasalahan, tentang masalah (*Ketawa*) saya kira tak ada masalah janda (*Ketawa*). Saya bersetuju benar mungkin Dato' Timbalan Menteri boleh menjawab pertanyaan-pertanyaan yang dibawa Yan dan saya turut bersetuju.

Sebab itu, saya kata dalam kita menyokong usaha kerajaan mengemaskinikan peraturan disiplin untuk mengukuhkan lagi pengurusan yang tidak begitu baik namun demikian jangan lupa we have not resolved, kita belum ada ketetapan lagi masa depan LKW itu sendiri. Sebab apa saya katakan mungkin orang kampung kalau dahulunya dia sudah cukup dan berterima kasih kerana ada jalan, mungkin mereka berterima kasih kerana sudah ada api letrik, mungkin mereka bangga kerana mereka juga seperti orang bandar, ada orang kata, air dia boleh pulas tetapi kesemua ini merupakan pertambahan kos kepada mereka, dahulu air free sekarang air kena bayar, dahulu api free sekarang api kena bayar, dahulu jalan raya free sekarang jalan raya kena bayar tol, bukanlah di kampung tetapi

Kuala Lumpur kena bayar tol, bermakna sekarang dari segi, sekarang sudah ada pertambahan kos hidup mereka.

Mungkin pendapatan sebagai peneroka sudah meletakkan mereka lebih daripada paras kemiskinan, namun demikian saya yakin dengan mereka melihat televisyennya, mungkin bapa peneroka-peneroka yang berpuashati dengan adanya rumah, ada 10 ekar tanah. Tetapi the second generation, anak-anak peneroka itu adakah mereka berpuashati atau tidak? Yardstick kepada satu kehidupan yang dia mahu sekadar hanya 10 ekar tanah kelapa sawit dan suku ekar rumah, saya yakin tidak. Generasi yang kedua, kehendak dan harapan mereka berbeza, misi mereka untuk menjadikan masyarakat yang maju turut bersama, cara hidup bukan lagi bagitu dan mereka cara hidup seperti yang dipamerkan dalam televisyen, cara hidup seperti orang dalam bandar. Maka sudah tidak mencukupi dengan sekadar kita hanya memberikan 10 ekar tanah kelapa sawit dengan suku ekar rumah, tanah untuk mereka, rasa tak cukup. Makna harapan mereka, mission mereka, hope mereka sudah berbeza. Bagaimana nak menyelesaikan perkara ini?

Oleh sebab itu, agenda LKW ini kita kena ubah sebab itu saya tak setuju, yang mana Yang Berhormat Yan tak bersetuju, tak setuju bahawa kita tutup sahaja, selesai agenda yang pertama kita tutup, yang agenda yang kedua ini belum selesai. Perjuangan kita belum selesai. Sebab itulah, saya sekadar menambah, kalau nak bercakap boleh panjang lagi tapi ini, cukuplah sehingga sekarang bahawa minta Menteri jelas, jelas di mana masa depan LKW ini.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Bangun*)

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Dia bangun, tak beri saya berhenti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yan bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Rompin. Adakah Yang Berhormat ini bersetuju dengan saya— Yang Berhormat ini saya rasa bagus, bahawa sungguhpun dia orang korporat tetapi berjiwa rakyat. Saya dengan dia ini motto bersama, susah senang bersama rakyat, dalam MKT kami ini calon marhaen. (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Dato' haji Badruddin bin Amiruddin:** Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa inilah satu cara kerajaan dapat menolong orang-orang Melayu yang susah, untuk memiliki sebidang tanah? Tan ada alternatif lainlah. Pada hari ini, kalau pegawai gaji besar pun nak beli tanah sekangkang kera pun susah. Itu sekangkang kera, kalau sekangkang beruang, tobat tak boleh beli langsunglah. Jadi, adakah yang berhormat bersetuju program ini mesti diteruskan supaya hutan belantara yang tidak diterokai itu dapat kita terokai dan kita beri kepada anak-anak bangsa kita yang memerlukan tapak rumah, yang memerlukan tempat untuk berteduh? Jadi, ini yang saya hendak tekankan, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya, kita sebagai wakil rakyat kampung ni?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Setuju. Mungkin dululah Yang Berhormat wakil rakyat kampung. Tetapi sekarang tidak lagi saya rasa. Semenjak menjadi Pengerusi FAMA ini selalu Yang Berhormat pergi ke luar negeri juga. (*Ketawa*) Seperti juga Yang Berhormat dari Maran, Tuan Yang di-Pertua, beliau merupakan Pengerusi Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka dahulu. Tetapi sudah naik pangkat ini... (*Ketawa*)

Memang benar Tuan Yang di-Pertua, sebab agenda yang kedua tadi. Saya kata

yang second generation Tuan Yang di-Pertua, peneroka-peneroka ini. Mereka tidak mahu jadi peneroka seperti bapa mereka lagi. Harapan mereka semua hendak menjadi anak bandar juga. Mahu kehidupan seperti kehidupan mereka di bandar. Oleh kerana itu, sekarang menjadi agenda yang penting LKWJ ini. Isu pembangunan pelancongan misalnya, siapa hendak bawa? Pegawai Daerah tidak ada. Pejabat Daerah tidak ada infrastrukturnya, tenaga kerja untuk melaksanakan tugas ini. Isu usaha untuk membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera (MPPB). Siapa hendak usahakannya? Siapa hendak latih mereka? Siapa hendak memberikan skills kepada mereka? Pembangunan usahawan itu sendiri. Sebab anak-anak peneroka ini tidak mahu jadi peneroka lagi. Ke mana anak-anak mereka ini untuk mendapat tempat? Untuk mendapatkan pekerjaan. Yang boleh masuk universiti mungkin hanya 5%.

Tiap-tiap tahun Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya yang menduduki SPM 5,000 orang, tiap-tiap tahun. Ada empat sekolah menengah. Yang mana daripada 5,000 ini, 100 atau 200 mungkin masuk universiti. Yang lain ini, yang 90% ke mana mereka hendak pergi? The issue of second generation ini, siapa mahu jaga? Dan yang membimbangkan kita, ini PAS memang dia tunggulah.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** (*Bangun*)

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Nanti saya tidak habis lagi. Mana tahu nawaitu saya. Saya belum selesai lagi. Saya tunjuk sahaja. Saya hujahkan, saya beri Yang Berhormat. Nawaitu tidak tahu, dia hendak tanya. Inilah PAS ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dia hujah dulu.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tak sebut. Tunjuk sahaja Tuan Yang di-Pertua, sudah melompat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dia hujah dulu ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** (*Ketawa*) Dia tunggu! Maknanya biar sahaja second generation ini tidak ada pekerjaan, akan memberontak kepada kerajaan. Dia pun datang. Akulah heronya. Lepas itu pass topi, kutip duit dalam kupiah. Betul! Sebab di tempat saya kalau datang penceramah PAS, dia kenakan RM5,000. Pemimpin PAS datang ke Rompin, dia minta RM5,000. Caranya senang Tuan Yang di-Pertua. Dia kutip, kalau lebih daripada RM5,000 - untung untuk PAS kawasan. Yang RM5,000 untuk penceramah yang datang. Itu cara dia, Tuan Yang di-Pertua.

Saya setuju dengan PAS. Kalau ada isu yang baik, kita bersetuju. Kita terbuka. Yang baik itu sekadar hanya kita hendak berbincang macam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata itu, kita terima. Tetapi PAS ini caranya lain. Macam S46, dulu dia berkawan. Dia gunakan S46, dapat mengambil alih kerajaan Kelantan, dia buang S46. Hendak? Saya boleh beri. Tidak payah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia hendak itu.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengar Yang Berhormat telah bercakap dengan panjang lebar menceritakan begitu banyak sekali masalah yang dihadapi di rancangan FELDA.

Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya menyatakan bahawa kerajaan sekarang tidak mampu lagi untuk menangani masalah-masalah yang berlaku? Kalau kita tengok dalam akhbar sendiri pun telah menyebut begitu banyak

sekali permasalahan yang timbul di tanah rancangan. Seolah-olah perkara itu telah dibiarkan begitu lama oleh pihak kerajaan. Apakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya menyatakan bahawa kita mencadangkan supaya kerajaan menswastakan rancangan FELDA ini kepada pihak swasta?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Bezanya kerajaan dengan PAS ini, bila kita membuat sesuatu perancangan, kita tengok apa kesannya. Sekarang kita tahu bila sudah ada satu masyarakat peneroka, ia ada second generationnya. Sekarang kita telah berbincang bagaimana kerajaan hendak mengatasi masalah yang akan berlaku, akan datang. Ini menunjukkan kerajaan itu bertanggungjawab dan kita tidak menolak beban dan tanggungjawab ini. Kita berhadapan dengannya. Kalau PAS tidak.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun lagi.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, FELDA diwujudkan oleh kerajaan untuk memberi tanah kepada peneroka-peneroka. Tetapi sejak akhir-akhir ini oleh kerana tidak ada pekerja-pekerja yang hendak bekerja di ladang FELDA, kita terpaksa mengambil pekerja dari luar negeri, maka FELDA telah mewujudkan Ladang FELDA. Sebenarnya yang diminta oleh Yang Berhormat dari Tumpat tadi, kerajaan sudah buat. Iaitu Ladang FELDA. Tetapi kalau kita pergi ke mana juga kawasan terutama sekali di kawasan Parlimen Grik, orang-orang Grik tidak setuju dengan Ladang FELDA kerana kata mereka kalau kerajaan wujudkan FELDA, sepatutnya diberi kepada peneroka. Tetapi hari ini kita dengar PAS dalam Dewan ini minta supaya FELDA

ini diswastakan kepada Ladang FELDA. Jadi, saya hendak minta pendapat daripada Yang Berhormat berkenaan perkara ini.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bermakna PAS cadangkan tanah ini jangan beri kepada peneroka, beri kepada orang lain. Tidak apa, saya akan maklumkan kepada kawasan saya. Kalau dapat Yang Berhormat berjumpa di kawasan saya, bolehlah.

Kerajaan tidak, saya kata kita tetap dengan cabaran. Kita tidak lari daripada masalah. Masalah itu cabaran biasa dalam hidup. Tetapi di Kelantan, ia lari. Dia tidak mahu S46, dia tidak boleh buang EXCOnya, dia potong 'kaki' sahaja, 'badan' letak lagi. Betulkah tidak? PAS tidak berani. Kalau berani, menghadap Kebawah Duli Tuanku Sultan Kelantan, saya hendak 'bue' ini dia. Cakap Kelantan sedikit. Masa di sekolah dulu ramai kawan orang Kelantan. Tidak berani. Kalau lebih berani lagi mengapa tidak diadakan pilihan raya?

Kita yang sebenarnya diberikan penghargaan, kita bincang masalah peneroka, kita bincang masalah yang akan datang dan kerajaan akan buat apa tindakan yang sesuai. PAS tidak. Betul Yang Berhormat Jelutong? Sebab Yang Berhormat dari Jelutong orang lama. Saya dengan Yang Berhormat Jelutong ini macam pangkat abang, bapa kepada saya. Ya, betul! (*Ketawa*) Sebab dia ada idea-idea yang baik itu kita terima Yang Berhormat Jelutong. Yang positif.

**Tuan Yang di-Pertua:** Abang Yang Berhormat ya? (*Ketawa*)

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tetapi janggut saya hitam lagi, belum putih lagi. Betul Yang Berhormat Jelutong. What is fair, what is good, kita akur. You have contributed to

the country, to the Parliament, we appreciate that. Tetapi PAS saya tidak tahu. Saya bimbang sebab PAS hendak mengorat DAP pula.

Berbalik kepada isu ini Tuan Yang di-Pertua, bahawa perlu kerajaan memikirkan masa depan LKWJ ini. Banyak lagi agenda yang baru, so-called the new issues, dengan izin, mungkin kita selesai dari segi kita bahagikan tanah rumahnya, tanah ladang, isu yang dahulu sebelum merdeka. Perjuangan kita masa merdeka dahulu, kita mahukan orang luar bandar ada jalan, ada api, ada air - selesai. Itu yang dahulu tetapi ada perjuangan baru. Perjuangan untuk masa depan belum selesai.

Jadi, saya minta kalau boleh perkara-perkara ini difikirkan oleh kementerian, oleh kerajaan, bagaimana kita menghadapi cabaran ini, cabaran yang amat penting. Kita tidak mahu bila negara kita maju, Kuala Lumpur sudah menjadi era teknologi maklumat tetapi ada kelompok-kelompok orang Malaysia luar bandar, bukan sahaja Melayu Dato' Timbalan Menteri, termasuk orang India juga. Di kawasan saya ada 500 pengundi India, termasuk mereka.

Kita sekarang bila kata hendak membangunkan negara, semua sekali. Kita tidak mahu lihat kelompok-kelompok sama ada kelompok itu Melayu, Cina atau India. Perjuangan kita untuk semua. Saya yakin bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata perjuangan kita belum selesai meliputi semua negara, semua rakyat di negara ini.

Saya dengan itu Tuan Yang di-Pertua, mohon menyokong usul ini untuk mengemaskinikan lagi pengurusan LKWJ tetapi saya minta Dato' Timbalan Menteri tolong. Agenda masa depan LKWJ ini bagaimana? Sebab ini amat penting sekali. Kita tidak mahu kelompok-kelompok di negara kita, semua kaum ketinggalan nanti.

Sekian, saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jelutong.

12.20 tgh.

**Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):**

Tuan Speaker, sebelum saya rujuk kepada apa yang saya ingin berbahas dalam pindaan kepada undang-undang LKWJ, saya akan menjawab apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Rompin tadi. DAP bukan di sini atau dalam negara untuk mempertahankan PAS atau parti-parti lain, tetapi jika satu isu di mana keadilan berbangkit dan dalam negeri Kelantan sekarang apa yang berbangkit adalah satu situasi di mana PAS yang memerintah dengan S.46, Kerajaan Negeri Kelantan di peringkat sekarang.

Walaupun kedua-dua parti ini adalah dalam pembangkang apa yang terus terang adalah ini. Bagi parti S.46, beliau menjadi pengkhianat kepada rakyat bukan sahaja di Kelantan, tetapi bagi semua pembangkang dalam negara ini. Kerana parti yang ada dipimpin oleh parti S.46 iaitu Yang Berhormat dari Gua Musang, satu masa beliau menjadi Menteri Kewangan - jaguh keutamaan bagi Barisan Nasional, lompat ke pembangkang, mahu menghancurkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, berbagai-bagai nama yang ada digelarkan kepada dia, 'Mamak' dan sebagainya. Tetapi sekarang.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat. Ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** No. Atas apa yang ada dikatakan tadi.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Boleh saya....

**Tuan R. Karpal Singh:** Parti PAS.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya hendak tanya sedikit sahaja.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Hendak tanya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya belum habis lagi, apabila saya habis boleh.

Apa yang penting adalah keikhlasan, parti PAS walaupun parti Islam dalam pembangkang ada beberapa isu nasional yang kami tidak bersetuju dengan PAS, tetapi satu parti yang ikhlas, tetap keras dalam pembangkang sampai sekarang boleh dihormati. Tetapi bolehkah pemimpin sebagai Yang Berhormat dari Gua Musang dan konco-konconya dalam Dewan ini, sampai hari ini pun dalam pembangkang walaupun menghentam PAS di Kelantan, bolehkah orang-orang seperti ini diterima? Dalam fikiran saya, Tuan Speaker, dan juga Yang Berhormat dari Rompin jangan menghentam PAS.

Apa yang harus dihentam adalah S.46 untuk menggoncangkan kerajaan dalam negeri Kelantan, musuh bagi orang Kelantan bukan PAS tetapi S.46. Boleh tanya sekarang. (*Ketawa*)

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih, kanda. (*Ketawa*)

Yang Berhormat dari Jelutong, bermakna sekarang sudah ada satu kaedah baru dalam politik Malaysia. Kalau dahulu S.46 merupakan rakan seperjuangan Jelutong, nampak gaya pada hari ini sudah putus secara official dan sekarang nampaknya rakan seperjuangan Jelutong (DAP) hanya PAS. Adakah rakyat boleh menerima gandingan DAP dan PAS ini?

Saya bimbang mungkin 10 tahun akan datang, ucapan yang sama pula, Yang Berhormat akan marah dan mengatakan yang sama kepada PAS, sebab politik, the only permanent is 'interest', bukan friend. Yang Berhormat lebih maklum,

Yang Berhormat lebih lama dalam Dewan ini. Sebab ini adalah persoalan politik yang biasa, hak S.46 merasakan bahawa perjuangan mereka lebih sesuai kembali kepada UMNO - itu hak S.46. Mereka berbeza pendapat dengan Yang Berhormat, mungkin nanti kalau DAP mengubahsui tukarkan ala cara DAP - boleh masuk Barisan, mengapa tidak! Perjuangan ini tetap, tetapi caranya akan berubah mengikut masa Yang Berhormat, betul! Apa yang tidak dibuat oleh Barisan yang dikata oleh DAP? Kita sedar, yang baik kita ambil. Perjuangan DAP saya nampak sekarang bila Ketua Pembangkang bercakap dia tidak macam dahulu lagi, Yang Berhormat juga bercakap tidak macam dahulu lagi 'garang'nya, kadang-kadang 'garang' juga - kalau saya usik sedikit-sedikit. Tetapi yang sebenar banyak perkara yang disuarakan oleh pembangkang sudah dilaksanakan oleh kerajaan, apa lagi?

Kalau agenda Barisan Nasional, agenda untuk negara, Yang Berhormat sendiri bersetuju, kita berterima kasih kepada Ketua Pembangkang semalam dalam meraikan kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad kerana memimpin negara ini selama 15 tahun. Yang Berhormat Ketua Pembangkang datang, kita mengucapkan syabas, kalau ini Yang Berhormat kata sekurang-kurangnya 15 tahun sekali kita berjumpa. Mengapa 15 tahun? Mungkin 2-3 kali setahun kita boleh berjumpa. Sebab ada perjuangan yang sama dan kalau banyak yang sama, kurang yang berbeza kita gabungkan bersama. Kalau benar cita-cita kita, harapan kita untuk membela bangsa dan negara, kalau kita tidak ada agenda yang lain. PAS ada agenda yang lain Yang Berhormat dari Jelutong - itu yang kita tidak bersetuju, yang sebenar PAS sudah bersama dengan kita dahulu, tetapi yang puak-puak tertentu ini, yang ada ini saya tidak tahulah sebab dia mirip kepada UMNO sedikit, Yang Berhormat yang ada ini (*Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood*) (*Ketawa*) yang ada ini

sebab dia datang ke kawasan saya, saya tidak kacau, Yang Berhormat Tuan Haji Buniyamin dia datang pun saya tidak kacau - betul. Kalau perjuangan kita sudah sama, sudah ada titik pertemuan dari segi misi perjuangan kita, mengapa kita tidak sepakatkan usaha dalam parti, dalam Barisan Nasional, mengapa tidak? Yang Berhormat pun boleh pindah ke depan!

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya bersetuju perjuangan bersama, tetapi untuk kepentingan rakyat, bukan dalam politik tidak ada permanent enemy atau permanent friend. Apa yang harus ada dalam politik ialah permanent principle, prinsip tidak boleh diubah.

Saya memberi jaminan di sini, DAP tidak akan masuk dalam Barisan Nasional - tidak boleh dan bagi PAS ada beberapa isu, common issues, isu mengenai kemiskinan dan sebagainya. Isu-isu common itu seperti poverty dan sebagainya boleh diperjuangkan oleh pembangkang lebih baik dari Barisan Nasional, PAS dan DAP boleh berkerjasama dalam isu-isu yang common. Ini bukan luar biasa, Tuan Speaker. Di India parti Kongress dihentam kerana siapa yang bergabung, seperti parti komunis dan parti-parti lain, komunis pun sekarang ada dalam kerajaan campuran di India, ini bukan satu keadaan yang luar biasa. Apa yang saya katakan tadi, saya di sini bukan untuk mempertahankan PAS, tetapi mempertahankan keadilan, keadaan di Kelantan sekarang. Pada fikiran saya, parti yang bertanggungjawab atas apa yang terjadi di sana bukan PAS, tetapi S.46, kerana apabila pilihan raya umum PAS dan S.46 lawan dalam pilihan raya itu sebagai pembangkang. Jika mahu masuk ke dalam Barisan Nasional, letak jawatan, semua resign, adakan by-election untuk kerusi-kerusi dimana diterajui oleh S.46, itulah apa yang harus dibuat.

Saya memberi amaran kepada Barisan Nasional khususnya UMNO jangan terima

seorang pemimpin sebagai Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah—orang ini tidak boleh dipercayai. (*Ketawa*)

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya nampak Yang Berhormat dari Jelutong very personal, mengapa kita lebih personal dalam perkara ini? Hujah kita peribadi. Yang Berhormat mungkin tidak setuju dengan cara Yang Berhormat Mulia dari Gua Musang, tetapi Yang Berhormat ada mengatakan tadi, 'seandainya perjuangan kita bersama' tuntutan DAP untuk kita menghapuskan kemiskinan kerajaan buat, dahulu 50% tinggal 4% sahaja—Dato Timbalan Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz ini hendak tanding dalam MKT pasti dia menang, dia Ketua Pemuda saya dahulu. Kalau dia tidak menang malu saya—perjuangannya sama kita hendak membukakan pendidikan kita, industri kita buat. Jika semua polisi dan prinsip perjuangan kita itu telah sama, saya bersetuju kita mesti sama dari segi prinsip, pada saya prinsip perjuangan bukan prinsipnya kita mesti tidak suka kepada Barisan Nasional—itu bukan prinsip, Yang Berhormat dari Jelutong.

Saya anak yang muda, itu yang saya belajar, sebab Yang Berhormat lebih tua daripada kita berapa tahun atau berapa penggal di sini? Sepatutnya memberikan contoh pada kita semua. Apa prinsipnya? Prinsip perjuangan. Bukan prinsip 'saya tidak suka Barisan Nasional' you are being very personal Yang Berhormat. Tak suka dengan Gua Musang (*Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah*)—bukan itu isunya. Isunya dalam keadaan kita sekarang berubah dari segi pembelaan kita, berubah dari segi pembangunan kita—semua prinsip yang kita sebutkan sudah dilaksanakan oleh Barisan Nasional, apa bezanya? Tidak ada perbezaan Yang Berhormat .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat masa sudah cukup. Hendak sambung lagikah pada pukul 2.30 petang? (*Ketawa*)

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ya, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditempohkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

*Mesyuarat ditempohkan pada pukul 12.30 tengah hari.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

(Timbalan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)

**RANG UNDANG-UNDANG  
LEMBAGA KEMAJUAN  
WILAYAH JENGKA (PINDAAN)  
1996**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*Perbahasan disambung semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Jelutong diminta sambung.

**2.30 ptg.**

**Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):** Tuan Yang di-Pertua, apa yang ada dibangkitkan dalam perjalanan .....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Rompok bangun atas apa?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Point of order, yang ke berapa Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Pada pukul 12.30 tadi saya

yang akhir bercakap! Sepatutnya diteruskan kepada saya, sebab dari segi penjelasan saya belum selesai minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tadi. Itu saya minta rulinglah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tetapi dari catatan yang saya ada Yang Berhormat, Jelutong masih berucap!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tetapi Dewan semua boleh mengesahkan, saya yang terakhir bercakap! Tetapi kalau Jelutong tidak objectlah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya mengesahkan bahawa Rompin bercakap tadi.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih, ini boleh kata 'kanda'lah ini. (*Ketawa*)(*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, minta maaf! Semangat inilah yang kita hendak! Ya, Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih. Tadi, saya minta penjelasan dengan Jelutong, saya mengatakan bahawa kita dalam Dewan ini, isu yang kita bincangkan memang berasaskan kepada prinsip dan fundamental dan saya bertanya kepada Jelutong tadi, minta penjelasan sebab dia merujuk kepada Gua Musang. Dia kata dia sekarang ini amat berbeza pendapat dengan Gua Musang.

Saya bertanya kepadanya, mungkin pada pandangan dia amat susah hatilah saya kira atau tidak senang melihat bahawa Gua Musang berpindah menyokong kerajaan. Jadi, beliau kata, beliau tidak menerima perkara ini dan mengutuk Gua Musang, dia kata Gua Musang telah mengelak lari daripada prinsip perjuangan atau fundamental atau principle. Saya

kata 'tidak'. Gua Musang adalah mempunyai principle yang baik. Kalau dahulunya dia mungkin berbeza pendapat bukan peribadi dengan Dato' Seri Dr. Mahathir tetapi dari segi prinsip perjuangan UMNO pada ketika itu, kata dia.

Tetapi sekarang dia sedar bahawa perjuangan UMNO itu sama dengan cita-cita S.46, sebab itulah Tengku Tan Sri Razaleigh dari Gua Musang hendak kembali kepada UMNO, ini prinsip, bukannya peribadi.

Tetapi bila saya minta penjelasan, Jelutong yang marah kepada Perdana Menteri peribadi bukan prinsip. Saya katakan begitu minta penjelasan sebab banyak perkara yang diperjuangkan oleh Barisan Nasional sudah sama dengan apa yang dilaungkan oleh DAP, apa lagi perlu DAP perjuangkan dalam arah cara berasingan ini? Itu saya minta penjelasan daripada Jelutong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sebenarnya Ahli Yang Berhormat cuma hendak minta penjelasan ya? Bukan Ahli Yang Berhormat hendak berucap lagi, sudah dapat peluang tadi, kalau tak silap saya. Ya, Jelutong!

**Tuan R. Karpal Singh:** Terima kasih. Apa yang telah dibangkitkan oleh rakan saya dari Rompin adalah, pertama, perjuangan Barisan Nasional dan prinsip Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang sebagai pemimpin S.46 sekarang UMNO barangkali, ia menyatakan tadi orang ini berprinsip. Ia terima UMNO tetapi apabila ia keluar dari UMNO dalam tahun 1988 kalau saya tidak silap, saya ada dalam tahanan masa itu, itu pun dasar perjuangan Barisan Nasional, di mana beliau tidak menerima UMNO (Baru) sebagai UMNO yang asal.

UMNO yang asal adalah apa yang sudah diubah tetapi bukan UMNO (Baru)



yang ada diwujudkan dalam tahun 1988. Apa prinsip ini? Adakah UMNO (Baru) ini UMNO lama sekarang. Dan oleh itu, apa yang ada dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang, tindakan dia sekarang boleh diterima? Bukankah dia mengkhianati rakyat, apabila tubuh satu parti baru, Semangat 46 bermakna UMNO. UMNO asalnya itu Semangat 46!

Apajadi kepada semangat dia sekarang kalau dia memasuki dalam Barisan Nasional oleh kerana tidak ada modal, dia tahu dalam pembangkang orang seperti itu tidak ada tempat. Tidak ada stamina untuk berjuang cita-cita rakyat. Sepuluh tahun dia ada apa yang dikatakan "in the wilderness", sekarang dia mahu memasuki Barisan Nasional. Bolehkah itu diterima, itu isu yang pertama yang ada dibangkitkan tadi oleh rakan saya dari Rompin tadi untuk mendapat penjelasan. Itu penjelasan saya!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti sekejap! Yang Berhormat, saya tidak nampak sebarang hubung kait di antara politik kepartian ini dengan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka? (*Ketawa*) Adakah Jengka juga terlibat dalam politik kepartian ini?

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua belum ada di sini sebelum adjournment tadi. Speaker Tan Sri Dato' Mohamed Zahir membenarkan ini. (*Ketawa*) Dan membenarkan rakan saya di sana untuk menanya saya. Sebagai penjelasan!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sekadar contoh, sudahlah Yang Berhormat!

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan sebagai contoh, sebagai apa yang ada dibangkitkan oleh Rompin tadi dan saya jawab oleh kerana hanya seorang sahaja dalam Dewan ini dan menyentuh PAS, oleh itu saya ....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia bangun lagi ini, Rompin bangun.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya belum habis lagi. Penjelasan bagi perjuangan yang sama, Barisan dan pembangkang, barangkali perjuangan bagi rakyat sama tetapi secara bagaimana perjuangan itu dapat dicapai—itu lain! Dasar-dasar bagi DAP, bagi pembangkang khususnya DAP apa yang kami mahu adalah meritocracy.

Apa yang tidak ada dalam dasar-dasar Barisan Nasional, apa yang kami mahu equal rights, sama taraf, itu tidak ada dalam Barisan Nasional, apa yang kami tidak mahu Akta Keselamatan Dalam Negeri, itu ada dalam tangan Barisan Nasional.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, ada dua orang yang hendak menunjuk minat ini. Rompin dan Tanjong Karang

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya belum habis lagi. Saya belum habis memberi penjelasan kepada Rompin.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, teruskanlah, dia tidak beri jalan!

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya! Sebab perjuangan sama untuk rakyat tetapi sejarah perjuangan itu tidak sama dan kami tidak boleh menerima apa yang ada diperjuangkan oleh Barisan Nasional khususnya Akta Keselamatan Dalam Negeri. Mana boleh mengadakan satu undang-undang seperti itu, di mana seseorang

boleh ditahan tanpa perbicaraan dan sebagainya? Itu beri penjelasan kepada Ahli dari Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Rompin diberi peluang.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya ingin membangkitkan tentang dua perkara, satu, mengatakan bahawa bila Gua Musang hendak kembali kepada UMNO—ini menolak prinsip. Saya merujuk kepada akta ini—masyarakat di Jengka, orang Melayu UMNO Jengka merasakan bahawa bila Semangat 46 kembali kepada UMNO, itu merupakan sudah wujud kembali UMNO asal, tidak ada perkiraan lagi, tidak ada lagi grey area, tidak ada lagi pertimbangan lain bahawa benar sekarang kita pulih untuk perpaduan orang Melayu.

Kalau dahulu wujud perbezaan pendapat di antara Semangat 46 dengan UMNO, kalau Semangat 46 kembali kepada UMNO, orang Melayu di Jengka amat bangga dengan perkara ini, bahawa kita pulihkan kembali perpaduan UMNO. Ini perjuangan Barisan Nasional, untuk perpaduan orang Melayu, ini juga perjuangan Semangat 46. Itu prinsipnya. Tetapi saya rasa Jelutong, dia emosional orangnya—saya minta maaf.

Dia marah kepada Barisan Nasional, tidak kira apa yang dibuat oleh Barisan Nasional semuanya tidak betul. Kini sanggup pula bekerjasama dengan PAS. Dia kata dia bercakap wakikan PAS tadi. Itu perkara yang pertama. Tetapi tidak tahulah, kadang-kadang bila kita sudah semakin matang, ini mungkin perubahan dari segi pemikiran kita, cara kita—saya tidak tahulah, mungkin sekarang Jelutong lebih mirip kepada PAS, itu saya tidak tahu.

Kedua, saya hendak minta penjelasan tentang meritokrasi. Saya setuju dengan meritokrasi. Siapa kata kita menolak meritokrasi? Saya bersetuju, tetapi apa yang kita berbeza ialah kita kata 'the playing field must be level, even equal playing field'. Kita mengatakan orang Melayu dan termasuk orang India di luar bandar, mereka dari segi kemudahan pendidikan tidak sama. Kawasan saya banyak guru sangkut, kuliah sains tidak ada makmalnya, adakah kita boleh katakan bahawa gred 3 di sana sama dengan gred 1 di Kuala Lumpur? Macam anak saya, gred 1—tuisyen ada, tutor datang ke rumah, kelasnya aircond, sekolah swasta, mana kita boleh bandingkan dengan orang-orang di luar bandar yang sekolah pun guru tidak cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Rompin diingatkan, Yang Berhormat boleh soal sahaja.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Penjelasan saya—saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, saya minta, jangan ambil takrif meritokrasi itu dengan amat sempit sekali. Meritokrasi itu mestilah mengambil kira juga asas-asas latar belakang mereka. Meritokrasi itu kita terima, main bola—takkan orang Melayu (UMNO) hendak menerima yang kalah menjadi juara, yang menang bagi juara. Golf, ada handicapnya. Tidak tahulah Timbalan Menteri, tetapi kita ikut handicapnya. Bermakna kita bersetuju dengan meritokrasi, tetapi cara penafsiran meritokrasi kita itu berbeza dengan DAP. Asas latar belakang mereka yang terlibat itu kita mesti ambil kira seperti pendidikan. Kalau kita ambil meritokrasi daripada penakrifan DAP, tertinggal ramai orang luar bandar termasuk juga kaum India dan kaum China.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Jadi, apa soalan Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya minta penjelasan adakah Yang Berhormat sedar tentang perkara ini?

**Tuan R. Karpal Singh:** Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sudah masuk—itu baik. Untuk pendengaran dia dan juga Barisan Nasional, khasnya, kata Rompin, dalam UMNO ada meritokrasi dan dalam Barisan Nasional khasnya ada meritokrasi. Jika semua orang Melayu ada hak kepada sesuatu, jikalau semuanya mendapat apa haknya, kami dalam DAP tidak ada apa-apa halangan, tetapi dalam UMNO, meritokrasi adalah untuk pemimpin-pemimpin dalam UMNO bukan untuk rakyat di luar bandar. Depa tidak dapat apa yang harus didapati.

Tuan Speaker, dalam sejarah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, anaknya sendiri apabila dia menjadi Menteri Pendidikan, anak beliau, walaupun beliau masa itu jutawan dan sekarang lebih daripada jutawan, anak dia mendapat scholarship untuk belajar di U.K.—kenapa? Adakah itu meritokrasi? Saya mahu dapat tahu daripada Rompin, adakah itu meritokrasi?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Jelutong diingatkan, Yang Berhormat tidak boleh minta penjelasan daripada dia.

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tanjong Karang bangun. Hendak beri jalan?

**Tuan R. Karpal Singh:** No, no, saya belum habis lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia belum habis.

**Tuan R. Karpal Singh:** Isu kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat

Rompin tadi mempertahankan pendirian Semangat 46—ini UMNO sekarang—Razaleigh Hamzah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, jangan sebut nama.

**Tuan R. Karpal Singh:** Sebagai Presiden, bukan sebagai Ahli Dewan Rakyat, tetapi sebagai Presiden—itu lain.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sama juga Yang Berhormat. (*Ketawa*)

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan, dia Ahli Dewan Rakyat di sini—Gua Musang, tetapi sebagai Presiden, bila jadi Presiden UMNO barangkali jika tidak dijaga. (*Ketawa*). Dia Presiden Semangat 46, tetapi itu lain. Sebut nama atau tidak sebut nama, itu bukannya satu isu yang penting, apa yang penting adalah ini.

Apa yang dinyatakan oleh Ahli Gua Musang ialah, beliau menyertai UMNO sekarang untuk Malay Unity. Sekarang juga, selepas 10 tahun apabila dia melepaskan diri dari UMNO, baru sahaja dia mendapat tahu untuk perlunya ada Malay Unity. Kenapa Malay Unity? Kenapa bukan Malaysian Unity? Kenapa ini? Divide and rule? Itu saya mahu dapat tahu, tetapi bukan daripada Rompin sekarang, barangkali di masa yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini adalah satu perbahasan.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Yang Berhormat diingatkan supaya balik kepada tajuk. Balik kepada Jengka.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya, saya mahu balik kepada tajuk, balik kepada Jengka. Sekarang sudah jauh daripada Jengka, tetapi saya cuba balik ke Jengka.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang jadi isi kandungan khas ialah Seksyen 17(c). Ini adalah bagi kuasa yang diberi kepada lembaga untuk membuat peraturan-peraturan tatatertib. Ini ada peruntukan yang sama dalam Rang Undang-undang yang lain iaitu Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Pindaan) 1996 dan juga Lembaga Kemajuan Johor Tenggara. Peruntukan yang sama ada dalam kedua-dua rang undang-undang ini. Saya baca naskhah dalam bahasa Inggeris, dengan izin;

17c. (1) The Lembaga may, with the approval of the Minister, make such regulations as it deems necessary or expedient to provide for the discipline of the officers and servants of the Lembaga.;

(2) The disciplinary regulations made under this section—

(a) xxxxxxx—ini tidak penting, apa yang penting ialah;

(c) shall provide for an opportunity to the person against whom disciplinary proceeding are taken to make representations against the disciplinary charge laid against him before a decision is arrived at by the disciplinary committee except in the following cases:

(i) where an officer or servant of the Lembaga is dismissed or reduced in rank on the ground of conduct in respect of which a criminal charge has been proved against him;—saya tidak ada apa-apa quarrel dengan itu. Tetapi bagi (ii) dan (iii);

(ii) where the Lembaga, on the recommendations of the Minister charged with home affairs, is

satisfied that in the interest of the security of Malaysia or any part thereof it is not expedient to carry out the requirements of this paragraph;—ini adalah budibicara seorang Menteri Dalam Negeri; dan

(iii) where there has been made against an officer or servant of the Lembaga any order of detention, supervision, restricted residence, banishment or deportation, or where there has been imposed on such officer or servant of the Lembaga any form of restriction or supervision, and so forth.

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna dalam satu situasi di mana seseorang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri atau undang-undang lain yang sama jenisnya, tidak ada apa yang dikatakan 'a right to be heard'—tidak ada. Kerana itu bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan, khususnya peruntukan 5(1) Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi, dengan izin;

“5(1) No person shall be deprived of his life or personal liberty save in accordance with law; dan

8(1) All persons are equal before the law and entitled to be equal protection of the law”.

Apa yang berbunyi sebagai peruntukan dalam Perkara 4(1) adalah ini:

“This is Constitution is the supreme law of the Federation and any law passed after Merdeka Day which is inconsistent with this Constitution shall, to the extent of the inconsistency, be void.”

Apa yang penting dalam Perkara 5 dan 8 adalah:

“No person shall be deprived of his life or personal liberty save in accordance with law.”

Apa jadi law, Tuan Speaker? Saya baca apa yang ada dalam keputusan Mahkamah Rayuan baru-baru ini, iaitu: “Tan Tek Seng lawan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan dan seorang lagi, iaitu kerajaan dan diputuskan pada 22hb Januari, 1996.

“What is life, shall not be deprived of his life or liberties save in accordance with law. What is life?” Ini apa yang penting, saya baca apa yang ada di sini dalam keputusan Yang Arif Hakim memutuskan dalam kes ini:

“As I have earlier said, the expression “law” of which appears in Articles 5(1) and 8(1) of the Federal Constitution includes procedural law, and in particular, any procedure prescribed by any written law.”

Ini jadi written law, apa yang saya baca tadi pindaan kepada undang-undang ini.

“If a particular procedure presented by written law or prescribed rather by written law is found to be arbitrary or unfair, or the procedure adopted in a given case is held to be unfair, then, generally speaking, it must be struck down as offending Article 5(1), read with Article 8(1).

Bukankah apa yang ada di sini arbitrary jika seorang ditahan? Seorang pekerja dalam lembaga seperti ini ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, tidak payah untuk memberi dia satu ‘right to be heard’, untuk membuat ‘written representations’? Dalam kes ini, selepas perenggan ini, saya baca apa yang lebih penting daripada apa yang saya baca tadi.

“In my judgement, the court should keep in tandem with the national ethos when interpreting provisions of a living document like the Federal Constitution, lest they be left behind while the winds of modern and progressive change pass them by. Judges must not be blind to the realities of life. Neither should they wear blinkers when approaching a question of constitutional interpretation. They should, when discharging their duties as interpreters of the supreme law, adopt a liberal approach in order to implement the true intention of the framers of the Federal Constitution. Such an objective may only be achieved in the expression “life” in Article 5(1) is given a broad and liberal meaning.”

“Adopting the approach that commends itself to me, I have reached the conclusion that the expression “life” appearing in Article 5(1) does not refer to mere existence. It incorporates all those facet that are integral part of life itself and those matters which go to form the quality of life. Of these are the right to seek and be engaged in lawful and gainful employment and to receive those benefits that our society has to offer to its members. It includes the right to live in a reasonably healthy and pollution free environment. For the purposes of this case, it encompasses the right to continue in public service.”

Di sini pun Tuan Speaker, apabila seorang dipecat daripada perkhidmatan sebagai apa yang ada dalam Artikel 5(1) penting. “For the purposes of this case,” saya baca sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua. “It encompasses the right to continue in public service subject to

removal for good cause by resort to a fair procedures." Adakah prosedur ini yang saya baca tadi? Boleh dibuang kerja tanpa apa-apa pembelaan diri secara bertulis atau 'a right to be heard'. Saya baca satu kes yang ada dipakai dalam kes ini seperti kes di India.

"Case of Olga Tellis v. Bombay Municipal Corporation. For purposes of argument, we will assume the factual correctness of the premise that if the petitioners evicted from their dwellings they will be deprived of their livelihood. Upon the assumption, the question which have to consider is whether the right of life includes the right to livelihood." Itu penting. "We see only one answer to the question, namely, that it does. The sweep of the right to life conferred by Article 21 (the equivalent of Article 5(1)) is wide and far-reaching. It does not mean merely that life cannot be extinguished or taken away as for example, by the imposition and execution of the death sentence, except according to procedure established by law. That is but one aspect of the right to life." Ini penting sekarang. "And equally important facet of that right is the right to livelihood because, no person can live without the means of living, that is, the means of livelihood. If the right to livelihood is not treated as a part of the constitutional right to life, the easiest way of depriving a person of his right to life would be to deprive him of his means of livelihood to the point of abrogation. Such deprivation would not only denude the life of its effective content and meaningfulness but it would make life impossible to live. And yet, such deprivation would not have to be in accordance with the procedure established by law, if the right of livelihood is not regarded as a part of the right to life. That, wick alone law makes it possible to live, leave aside

what makes life livable, must be deemed to be an integral component of the right to life. Deprive a person of his right to livelihood and you shall have deprived him of his life."

Di sini, apa yang ada dalam peruntukan khasnya 17C(2)

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Yang Berhormat. Rompin bangun.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya belum habis lagi.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sedikit sahaja.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini pun sikit juga. (*Ketawa*)

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Jangan undang-undang lawan undang-undang.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau hubungan kita sudah baik, sedikit sahaja.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, saya belum habis kerana saya mahu habiskan. Saya beri jalan kepada rakan saya di sini jika perlu. Tuan Speaker, kerana peruntukan dalam 17(c) khasnya di mana seorang pekerja dalam lembaga ini tidak mendapat 'the right to be heard', jika beliau ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri atau undang-undang lain di mana tidak ada perbicaraan, ini bermakna apa yang ada di sini bertentangan dengan Artikel 5(1) "No person shall be deprived of his life or personal liberty save in accordance with

law." Ini jadi law. Life, Tuan Speaker, includes livelihood, jika apa yang ada di sini, prosedur yang ada diperuntukan di sini tidak sesuai, apa yang ada di sini tidak mengikut perlembagaan, dan oleh itu, undang-undang ini tidak sah. Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih Jelutong. Tadi Yang Berhormat telah menjelaskan dalam Dewan yang mulia bahawa pandangan Yang Berhormat pada political berbeza sekarang. Terutamanya pandangan DAP dengan S.46. tadi Yang Berhormat menuduh S.46., dan yang tadi juga Yang Berhormat mengatakan penting ada keadilan. Mengapa tidak praktikkan keadilan itu. Mengapa tidak ulangi apa pendapat dan pandangan Yang Berhormat dari Jelutong, sebab Presiden S.46 ada di sini, barulah ada keadilan. Kalau benar-benar Yang Berhormat dari Jelutong mahu praktikkan keadilan, menuduh yang tak ada. Yang ada sekarang di sini, beri peluang dia menjawab.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ambil perhatian, saya tidak takut kepada mana-mana pihak, termasuk Raja-raja, kerajaan, termasuk Ahli dari Gua Musang, saya tidak takut, (*Ketawa*) jika apa yang saya bercakap adalah bagi keadilan dan bagi kepentingan rakyat. Apa yang saya katakan tadi, saya ulang sekali lagi, apa yang dibuat oleh S.46 baru-baru ini memasuki Barisan Nasional, hentam PAS semua ini tidak baik untuk rakyat Kelantan. Saya memberi amaran barangkali Barisan Nasional, khasnya UMNO dan khasnya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang ada di sini jangan mempercayai Semangat 46, termasuk pemimpin utama parti itu. Oleh kerana apa yang dibuat oleh parti ini sekarang adalah mengkhianati rakyat. Satu masa di sana, masuk di sini dalam pembangkang, masuk balik. Apa macam ini, apa tindak-tanduk ini? Bolehkah orang-orang seperti itu dalam parti seperti itu boleh dipercayai.

Saya berpegang teguh kepada apa yang saya nyatakan tadi apabila rakan saya dari Gua Musang tidak ada di sini. Saya pegang teguh dengan semua angka, perkataan yang saya suarakan tadi tanpa kehadiran dia. Dia hadir di sini sekarang boleh jawab. (*Y.B. Tuan R. Karpal Singh duduk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Yang Berhormat Jelutong, tidak ada sesiapa bangun hendak minta penjelasan. (*Ketawa*) Sudah habis berucapkah?

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya sudah habiskan ucapan saya. Oleh kerana ini adalah satu isu undang-undang, isu Perlembagaan di mana apa yang terdapat di dalam peruntukan 17C bertentangan dengan Artikel 51 dan oleh itu tidak sah dan saya merayu kepada kerajaan untuk menyemak semula peruntukan ini. Oleh kerana jika peruntukan ini diluluskan di sini dan di sini apa pun boleh diluluskan.

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak payah. Saya belum habis lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tadi sudah habis.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jangan apabila rang undang-undang ini diluluskan dengan suara kuat Barisan Nasional, S46 pun dengan dia sekarang, meluluskan undang-undang ini. Jangan selepas apabila...

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Gua Musang bangun. (*Tepuk*)

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh. Boleh.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:**

Tuan Yang di-Pertua, tuduhan melulu yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu tidak berasas kerana bukan kita yang bercerai dengan DAP dulu, DAP yang tarik diri keluar dari Gagasan Rakyat. (*Tepuk*)

Dan begitu juga dengan pakatan dalam Angkatan Perpaduan Ummah pun, bukan kita yang menarik diri. PAS yang telah memutuskan hubungan dengan kita, kita tidak ada niat hendak khianati sesiapa. Apatah lagi soal di Kelantan, yang ditimbulkan adalah cadangan dari pihak PAS. Yang kita cadang ialah supaya kita runding terlebih dahulu sesuatu yang hendak dibuat terutama sekali terhadap pindaan kepada Perlembagaan yang dicadangkan itu. Tetapi nampak mereka tidak mahu runding. Soal kita berunding dengan UMNO (Baru) adalah hak kita. Itu pun dilakukan selepas saya berunding dengan rakan-rakan saya dalam parti-parti yang bekerjasama dengan kita dan bukan sahaja telah dirunding bahkan telah dapat restu untuk saya bertemu dengan pemimpin besar UMNO (Baru) dan saya rasa tidak ada benda yang hendak disembunyi.

Pada masa ini saya rasa perlu kita berpakat untuk mengukuhkan perpaduan rakyat terutama sekali rakyat Melayu yang saya rasa kita hendak melangkah ke abad baru, era baru, patut kita mengukuhkan kedudukan kita. Tidak ada benda yang hendak dirasa malu, tidak ada benda yang hendak dirasa segan, kita bukan hendak khianati sesiapa. Mengukuh perpaduan adalah sesuatu yang diserukan oleh Islam, oleh semua pihak. Saya percaya, pihak DAP pun percaya. Itu sebab kita tubuhkan Gagasan Rakyat dulu menjelang tahun 1990. Tetapi kalau ia hendak menarik diri, itu dia punya hak, saya tidak pernah larang.

Jadi, kalaulah hendak tuduh tidak tentu hala, saya rasa tidak betul sebab kepada

PAS pun saya jemput supaya datang berjumpa Dato' Seri Dr. Mahathir, bercakap dengan dia, bukan soal hendak kompromi di mana-mana. Cari permuafakatan untuk kebaikan rakyat dan saya dengan jelas sekali, sesudah berunding begitu lama dan memikir tentang perpaduan yang perlu diwujudkan. Kalau di tahun 1946, rakyat Melayu di ketika itu yang lemah boleh bersatu padu, mengapa tidak dalam tahun 1996, selepas 50 tahun orang Melayu sudah berpakat. Kalau pun ada salah silap, kita boleh perbetulkan. Atas kepentingan itu, kita mengambil langkah yang berani. Walau apa pun orang kata, tetap dengan pendirian kita. Sikap orang, itu hak dia tetapi kita sudah berpegang teguh kepada perpaduan dengan harapan kuatnya perpaduan di kalangan Melayu, kuatlah perpaduan rakyat Malaysia. (*Tepuk*)

**Tuan R. Karpal Singh:** Sangat pandai! Sangat pandai untuk... (*Ketawa*)...beri penjelasan menyatakan haknya tadi. Bukankah rakyat ada hak untuk menentukan pemimpin-pemimpin dari orang yang bukan mengkhianati mereka bila bertanding dalam pilihan raya umum baru-baru ini, bertanding sebagai pembangkang? Kenapa sekarang tanpa mendapat nasihat orang yang mengundinya, mengambil keputusan untuk masuk Barisan Nasional? Kenapa tidak semua letak jawatan sebagai Ahli Dewan Rakyat dan mendapat satu mandat yang baru? Jangan main-main di sini! Ini orang lama dalam Barisan Nasional dulu. Jangan menerima apa yang dikatakan olehnya dengan....

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Gua Musang bangun.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya belum habis! Saya belum habis! Duduk! Duduk!



Ini bukan ikhlas. Penjelasan yang diberi bukan ikhlas. Ini bukan untuk perpaduan orang Melayu dan sebagainya. Ini diri sendiri, kerana 10 tahun out in the goal - tidak mencapai apa-apa. Dulu Menteri. Boleh duduk di dalam Barisan Nasional tanpa apa-apa kerja. Apabila dalam pembangkang, kena kerja kuat, kena menggunakan wang sendiri. Dulu wang kerajaan. Sekarang tidak ada peluang itu. Selepas 10 tahun dia mendapat tahu sekarang ini adalah akibat daripada menarik diri dari UMNO. Sekarang mahu masuk balik. Tidak malu? Jangan, jangan! Don't underestimate the intelligence of the people, the rakyat. Itu penting. Saya pegang teguh apa yang saya cakapkan tadi, dengan itu tidak boleh ubah selepas penerangan dia tadi.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak jelaskan satu kenyataan salah yang dibuat. Kami bukan mohon hendak masuk Barisan Nasional. Kami hendak menyertai satu pakatan besar dalam penyatuan Melayu yang kami cadangkan ini dan itu sudah pun nampak diterima oleh orang ramai. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Jelutong kata elok kita rujuk balik kepada rakyat, mengapa tidak ahli-ahli DAP rujuk balik kepada rakyat apabila keluar balik daripada Gagasan Rakyat (*Tepuk*) kerana itulah yang digunakan semasa pilihan raya di tahun 1990. Bertanding atas nama Gagasan Rakyat walaupun menggunakan simbol masing-masing tetapi dia telah menarik balik daripada Gagasan Rakyat sebelum pilihan raya tahun 1995.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini boleh dijawab dengan satu perkataan. Kami bukan masuk dalam Barisan Nasional. Pembangkang! Walaupun keluar dari Gagasan Rakyat. Bukan masuk ke Barisan Nasional. What are you talking about? (*Y.B. Tuan R. Karpal Singh duduk*) (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat sudah habis berucap ya?

**Tuan R. Karpal Singh:** Habis! (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Mentakab.

3.07 ptg.

**Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab):** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas peluang yang diberi untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan satu rang undang-undang yang dinamakan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (Pindaan) 1996.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Dewan ini sedia maklum sejak Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka ditubuhkan, ia telah memainkan satu peranan yang amat penting dalam usaha pembangunan sosio-ekonomi luar bandar melalui beratus-ratus rancangan yang telah ditubuhkan bersama usaha dengan pihak swasta khususnya dengan pihak FELDA, Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka telah berjaya mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat luar bandar dan melalui rancangan-rancangan tersebut, lembaga ini juga telah berjaya meningkatkan pendapatan dan seterusnya taraf hidup rakyat luar bandar. Kalau saya tidak salah, seramai lebih kurang 157,000 rakyat telah mendapat manfaat dari rancangan-rancangan tersebut. Mereka terdiri dari rakyat dari kampung tradisional, peserta FELDA dan juga mereka yang tinggal di Pusat Bandar Jengka.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat usaha ini adalah merupakan satu usaha yang amat berkesan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di luar bandar dan ianya perlu diteruskan dengan usaha yang

lebih gigih lagi supaya lebih ramai yang akan menikmati manfaat tersebut terutamanya mereka dari golongan PPRT harus diberi peluang dan keutamaan untuk menyertai program-program yang dijalankan oleh lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendapati walaupun prestasi lembaga ini adalah amat menggalakkan, tetapi ada beberapa aspek yang perlu diperbaiki. Pertamanya ialah mengenai dengan pembangunan sosial. Saya pernah melawat ke beberapa kawasan di Jengka di kawasan saya dan saya dapati pembangunan sosial mungkin berkurangan khususnya kemudahan-kemudahan untuk golongan belia dan pemuda-pemudi peserta di kawasan-kawasan tersebut.

Kita dapati di beberapa kawasan Jengka walaupun ada sekolah rendah, sekolah menengah dan juga ada masjid untuk agama, tetapi kemudahan sosial seperti pusat rekreasi dan sukan amat berkurangan. Baru-baru ini kita juga dapati ada tanda-tanda pemuda-pemudi di kawasan tersebut 'melepak' selepas sekolah dan juga kita telah dapati ada kesan dan tanda bahawa kes-kes penyalahgunaan dadah kian bertambah. Ini merupakan satu tanda yang perlu diberi perhatian yang serius oleh pihak pengurusan Jengka.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin menyarankan supaya dalam pengambilan peserta-peserta lembaga memberi penggalakan lebih ramai peserta dari kaum yang bukan bumiputera, di mana kalau kawasan yang terlibat mempunyai rakyat yang bukan bumiputera tinggal di situ supaya pemuda-pemudi kita dapat hidup dalam satu suasana yang berbilang kaum demi perpaduan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, aspek kedua yang saya ingin sentuh ialah mengenai pembangunan industri di kawasan Jengka. Kita faham bahawa selain dari usaha Jengka memajukan tanah lain sebagai

salah satu fungsi yang penting ialah memajukan bidang industri di kawasan tersebut. Selama ini terdapat banyak agensi kerajaan telah cuba menyumbang ke arah tersebut dengan membelanjakan banyak wang dan juga banyak projek-projek perindustrian kecil. Tetapi pada hakikatnya saya berpendapat banyak projek tersebut kejayaannya adalah tidak memuaskan. Kita tidak melihat apa-apa faktori atau apa-apa kilang yang kecil atau sederhana yang berjaya dalam kawasan-kawasan tersebut.

Saya berpendapat bahawa lembaga ini perlu menjalankan satu kajian yang lebih mendalam sebab apa kita tidak dapat menjayakan sektor industri di kawasan Jengka. Kemungkinan semasa kita memilih sesuatu projek kita tidak menjalankan suatu kajian feasibility yang mendalam dan yang profesional semasa kita menentukan apa-apa kilang yang sesuai untuk dimajukan di tempat tersebut dan juga kemungkinan kita tidak memberi sokongan teknikal, sokongan pasaran dan sokongan latihan yang mencukupi untuk menjayakan usaha pembangunan industri di kawasan Jengka.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini saya ingin menyarankan untuk kawasan Jengka supaya diadakan satu pelan induk untuk pembangunan industri kecil dan sederhana diadakan khususnya kita perlu mementingkan industri yang berasaskan pada pertanian dan makanan seperti pemerrosesan buah-buahan, makanan dan industri yang ada kaitan dengan kelapa sawit.

Saya percaya jika kita menyalurkan hasil penyelidikan dan pembangunan dari agensi kerajaan seperti MARDI dan sebagainya yang mencukupi kepada peserta-peserta di kawasan di Jengka, saya yakin satu nanti kita akan dapat menubuhkan industri yang bersesuaian dengan penduduk tempatan di situ.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh sedikit peruntukan di bawah rang undang-undang ini iaitu mengenai dengan surcaj yang dikenakan di bawah Fasal 17C, kalau tidak salah. Saya setuju bahawa untuk meningkatkan keberkesanan serta pengurusan dan kerja kakitangan lembaga, kita perlu adakan satu Jawatankuasa Tatatertib supaya tindakan boleh diambil terhadap mereka yang cuai dalam kerja mereka, seperti mereka yang mengutip wang dan tidak menjalankan kerja tersebut dan mereka yang membayar wang kepada sesiapa yang tidak harus dibayar.

Saya setuju kita perlukan satu Jawatankuasa Tatatertib, tetapi saya ada reservation, dengan izin, sama ada kita perlu mengenakan surcaj pada sesiapa yang telah melakukan kesalahan, walaupun Yang Berhormat dari Tanjong Karang tadi ada menyentuh isu ini. Beliau mengatakan surcaj ini bukan merupakan satu hukuman tatatertib, tetapi saya rasa sama ada ia merupakan satu hukuman tatatertib atau tidak dia masih merupakan hukuman kewangan surcaj terhadap mereka yang melakukan kesalahan.

Saya berpendapat bahawa mengenakan surcaj merupakan satu tindakan yang amat negatif. Kita mesti cuba memahami dengan lebih dalam apa sebab kakitangan lembaga cuai dalam kerja mereka, kemungkinan mereka tidak faham tanggungjawab mereka, kemungkinan kesalahan dilakukan atas sebab kesilapan dan kemungkinan apa yang kekurangan ialah audit pengurusan yang tidak cukup untuk memastikan ketidackuaian yang dilakukan oleh pekerja-pekerja lembaga. Jadi, saya berpendapat surcaj ini sebagai satu hukuman kewangan kepada kakitangan lembaga adalah amat tidak kena. Lagi pun kalau kita memandang dari segi pengurusan moden dan dari segi motivasi, saya berpendapat bahawa surcaj ini merupakan satu faktor demotivating.

Kalau mengikut theory motivation, kita ada hygiene factor dan motivation factor. Jadi, surcaj ini bukan sahaja merupakan satu demotivating factor, ia juga merupakan faktor yang tidak hygiene untuk menggalak pekerja-pekerja kita bekerja dan menyumbang kepada perkembangan lembaga. Jadi saya ingin menyeru pihak kementerian supaya mengkaji lagi, sama ada kita perlu mengadakan surcaj ini terhadap mereka yang melakukan kesalahan.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian diminta menjawab.

**3.18 ptg.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Dato' K. Kumaran):** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak kementerian mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Jerantut, Tanjong Karang, Rompin, Tanjong, Mentakab, Yan, Jelebu, Parit Buntar dan Gua Musang yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka 1983.

Lembaga-lembaga Wilayah ditubuhkan untuk memaju, menggalak, membantu serta mengusahakan pembangunan ekonomi, tempat tinggal, perindustrian dan perdagangan di luar bandar. Lembaga-lembaga ini berjaya mencapai tahap, pertama iaitu untuk memberi kemudahan asas seperti jalan, api dan air. Kini kita masuk ke tahap yang kedua iaitu pembangunan insan desa.

Rancangan Malaysia Yang Ketujuh telah memberi perhatian khas terhadap perkara pembangunan insan di desa. Saya

bersetuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa perjuangan untuk membela penduduk di desa belum diselesaikan. Untuk mencapai matlamat ini, kerajaan mempunyai beberapa rancangan yang tertentu sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan penyayang dan berjiwa rakyat.

Kerajaan mempunyai niat yang baik untuk membangunkan penduduk-penduduk desa dari era pertanian ke perindustrian dan akhirnya terus ke era teknologi maklumat. Ekoran daripada keputusan kerajaan untuk menyusun semula lima lembaga kemajuan wilayah, pihak kementerian telah mengemukakan cadangan supaya semua LKW yang terlibat ini disusun semula peranan dan tanggungjawab mereka sejajar dengan matlamat falsafah dan strategi baru pembangunan luar bandar.

Falsafah dan strategi baru ini merupakan satu gagasan di bawah transformasi kedua pembangunan luar bandar ke arah membawa perubahan besar dan menyeluruh di kawasan luar bandar dan menjadikannya satu kawasan yang maju, menarik dan menguntungkan.

Sekiranya fokus utama transformasi pembangunan luar bandar lebih menjurus kepada pembangunan fizikal, maka di bawah transformasi kedua pula tumpuan utama adalah kepada pembangunan manusia. Ini akan memberi empowerment kepada penduduk luar bandar bagi melibatkan diri dalam pembangunan negara khususnya kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan nasib generasi muda akan datang, saya memberi jaminan di sini janganlah bimbang, kerajaan mempunyai rancangan-rancangan tertentu bukan sahaja untuk generasi akan datang, tetapi kepada generasi turun-menurun.

Saya ucap terima kasih kepada pandangan dan teguran tentang pindaan akta ini. Kita mempunyai hanya satu lembaga iaitu Lembaga Kemajuan Wilayah Jenka. Di bawah lembaga ini kita akan menubuhkan dua jawatankuasa iaitu satu Jawatankuasa Tatatertib dan juga satu Jawatankuasa Rayuan.

Kebanyakan ahli-ahli menyentuh tentang FELDA. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa FELDA adalah di bawah bidang kuasa lain kementerian.

Masalah sosial yang dibangkitkan seperti kelas bimbingan, masalah dadah dan lain-lain perkara, pada pandangan saya kita boleh mengatasi perkara-perkara ini melalui PIBG, persatuan belia, institusi wanita dan lain-lain badan-badan sukarela di kawasan-kawasan yang tertentu. Sebagai lembaga, lembaga boleh memberi kerjasama kepada pihak-pihak yang tertentu.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, Perintah Am (Bab D) 1980 telah pun dimansuhkan dan diganti oleh Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Namun demikian, penglibatan oleh kumpulan tertinggi dan pengurusan dan profesional masih tidak dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya .....

**Tuan R. Karpal Singh:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Jelutong bangun.

**Dato' K. Kumaran:** Belum habis!

**Tuan R. Karpal Singh:** Adakah Setiausaha Parlimen sedar bahawa peruntukan 17C .....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, dia itu Timbalan Menteri.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini MIC tidak boleh tahu, hari ini Timbalan Menteri, besok Setiausaha Parlimen, (*Ketawa*) sudah ada berpengalaman dalam Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, fakta itu tetap fakta.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya. Ada satu kes yang Timbalan Menteri jadi Setiausaha Parlimen, ada dalam Dewan ini, tetapi tidak mengapa, saya akan memanggil dia Timbalan Menteri. (*Ketawa*) Tidak ada apa-apa!

Apa yang penting adalah ini, adakah mengetahui peruntukan 17C di mana kuasa diberi kepada lembaga untuk membuat Peraturan-peraturan Tatatertib. Di mana kuasa ada diberi untuk membuat peraturan, jika seseorang itu ada ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, beliau tidak ada hak untuk satu right to be heard apabila ada tujuan untuk membuang kerjanya. Adakah mengetahui dan jika ya, adakah itu selaras dengan peruntukan Perlembagaan di mana ada diwajibkan khasnya dalam Perkara 5(1), 'no person shall be deprived of his life or liberty save in accordance with law and it must mean a law which is one which does not deprive one of the right to be heard', adakah sedar? Jika ya, apa jawapan kepada apa yang telah saya bangkitkan tadi?

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingat Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tidak sabar, dia ingat dia seorang peguam yang terpandai, walaupun saya seorang biasa, saya pun faham apakah itu undang-undang, kalau tidak, saya tidak datang ke sini dan bentangkan rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini boleh ditafsirkan

mengikut sesuka hati, kita selalu baca surat khabar, pada pandangan kerajaan dan kementerian, pada pandangan saya, pandangan ini betul! Sebelum saya jawab, dia sudah bangun. Mengikut peruntukan seksyen 17C (2) dan (3), tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan memandangkan peruntukan ini berlandaskan Artikel 135(2) Perlembagaan Persekutuan.

Pada pandangan kami tidak! Pada pandangan pihak pembangkang ataupun pandangan Ahli dari Jelutong mungkin, pentafsiran itu terpulung kepada mahkamah akhirnya. Oleh sebab itu, saya tidak ingin menjawab lagi dan saya mengakhiri ucapan saya dan saya mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada semua pihak.

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Dato' K. Kumaran:** Saya tidak mahu jawab. Ini bukan medan untuk menunjukkan kepandaian, jawapan sudah habis!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' K. Kumaran:** Tidak! Tak mahu, sudah habis!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kalau tak mahu beri jalan, sudah habiskah?

**Dato' K. Kumaran:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia sudah habis jawab, Yang Berhormat! (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang diPertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 1996**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**3.30 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mencadangkan satu Rang Undang-undang bernama Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1996 bagi bacaan kali kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini adalah untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan, 1987. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Pengangkutan Jalan 1987 mula berkuatkuasa pada lhb. Januari, 1988 dan ianya menggantikan Ordinan Lalulintas Jalan 1958. Akta ini telah pun dipinda sebanyak 3 kali iaitu pada pertengahan tahun 1989 dengan tujuan untuk mengelakkan keraguan yang berlaku

dalam beberapa tafsiran. Pindaan kali kedua dibuat pada bulan September, 1993 bagi mengatasi beberapa kelemahan (loophole), dengan izin, di bawah akta tersebut termasuk mewujudkan peruntukan-peruntukan mengenai kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol.

Pindaan kali ketiga pula dibuat pada bulan Mei, 1994 yang bertujuan untuk membolehkan aktiviti pemeriksaan kenderaan yang dikendalikan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pada masa itu diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama pindaan akta berkenaan pada kali ini pula antara lain adalah untuk memperkenalkan lesen memandu percubaan dan nombor plate peribadi (probationary driving licence and personalies number plate), dengan izin. Di samping itu, pindaan ini juga adalah ekoran daripada keputusan kerajaan untuk menswastakan aktiviti-aktiviti pendaftaran dan pelesenan kenderaan serta pengeluaran dan pembaharuan cukai jalan yang selama ini dikendalikan oleh JPJ diuruskan oleh pihak swasta.

Pindaan-pindaan dan peruntukan-peruntukan baru yang dicadangkan meliputi 38 seksyen, antara lain, perkara-perkara utama yang terlibat dalam cadangan pindaan ini adalah seperti berikut:

Pertama, cadangan pindaan mengenai penswastakan aktiviti-aktiviti pendaftaran dan pelesenan kenderaan serta pengeluaran dan pembaharuan cukai jalan. Pindaan terhadap 20 seksyen dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang meliputi seksyen-seksyen 8 hingga 13, 15 hingga 17, 19, 21 hingga 24, 59, 66, 102, 117, 124 dan 126 adalah merupakan pindaan lanjutan ataupun consequential amendment, dengan izin.

Semua ini berekoran daripada keputusan kerajaan untuk menswastakan aktiviti-aktiviti JPJ yang berkaitan dengan pendaftaran dan pelesenan kenderaan motor, pengeluaran dan pembaharuan cukai jalan dan perkhidmatan pengurusan rekod pendaftaran serta penyediaan sistem maklumat. Dengan ini aktiviti-aktiviti berkenaan akan diambil alih dan dikendalikan oleh pihak swasta dan ditafsirkan sebagai Pendaftar Berlesen (Licence Registrar), dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan yang kedua ialah pertukaran nombor plate kenderaan dan nombor plate peribadi. Pindaan seksyen 11(1)(a) adalah bertujuan untuk membolehkan pertukaran nombor plate kenderaan (interchange number plate) dengan izin, dilaksanakan, bukan sahaja daripada kenderaan lama ke kenderaan baru seperti yang dipraktikkan sekarang, malah ianya membolehkan pertukaran nombor plate kenderaan dibuat di antara kenderaan lama dengan kenderaan lama yang lain, walaupun ianya dipunyai oleh pemilik yang berlainan.

Satu seksyen baru iaitu Seksyen 11A diwujudkan adalah bertujuan untuk memperkenalkan penggunaan nombor plate peribadi (personalies number plate) dengan izin. Nombor plate ini akan mengandungi huruf-huruf atau perkataan yang tertentu, tanpa/atau dengan kombinasi nombor pendaftaran yang direkadan dipohon oleh seseorang pemilik kenderaan. Walau bagaimanapun, pengeluaran nombor plate peribadi ini adalah tertakluk kepada garis panduan yang akan ditetapkan oleh Ketua Pengarah JPJ, manakala urusan pendaftarannya akan dilaksanakan oleh pihak swasta iaitu syarikat yang dilesenkan untuk mendaftar kenderaan.

Cadangan pindaan yang ketiga ialah mengenai pengenalan lesen memandu percubaan. Pindaan kepada Seksyen 29 adalah dibuat bagi membolehkan lesen

memandu percubaan (probationary driving licence), dengan izin, diperkenalkan. Dalam hubungan ini seseorang pemandu yang baru lulus ujian memandu akan terlebih dahulu disyaratkan untuk memegang lesen memandu percubaan bagi tempoh selama 2 tahun sebelum diberikan lesen memandu competent dengan syarat dianya tidak melakukan sebarang kesalahan jalan raya.

Dalam subseksyen 29(1)(a) diperuntukkan kuasa kepada Pengarah JPJ untuk tidak membaharui mana-mana lesen memandu yang dipegang oleh seseorang pemandu selagi pemandu tersebut belum menyelesaikan kes-kes yang tertunggak dengan pihak Polis Diraja Malaysia atau Jabatan Pengangkutan Jalan bagi kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini peruntukan yang sedemikian hanya terhad kepada pengeluaran dan pembaharuan cukai jalan sahaja. Oleh itu, peruntukan ini adalah amat perlu diwujudkan memandangkan tidak semua pemegang lesen memandu pada masa yang sama merupakan pemilik kenderaan. Dengan demikian, seseorang pemandu yang masih mempunyai kes-kes yang belum selesai dengan pihak polis atau JPJ iaitu setakat yang berkaitan dengan kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan dan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan, perlulah terlebih dahulu menyelesaikan kes-kes berkenaan sebelum dibenarkan untuk membaharui lesen memandu mereka.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan yang keempat ialah mengenai penggantung lesen memandu. Satu seksyen baru, iaitu Seksyen 35A adalah diperkenalkan bagi membolehkan pengawalseliaan yang ketat dilakukan terhadap pemandu-pemandu yang

memegang lesen memandu percubaan. Di samping itu, peruntukan kuasa juga diberikan kepada Ketua Pengarah JPJ bagi membatalkan sesuatu lesen memandu percubaan seseorang pemandu apabila jumlah terkumpul markah demerit maksimum atau demerit point system, dengan izin, iaitu 10 markah diberikan kepada seseorang pemandu yang terlibat.

Pindaan Seksyen 37 dan 38 adalah dicadangkan bagi memperluaskan lagi kuasa Ketua Pengarah JPJ bukan sahaja untuk menggantung selama 12 bulan terhadap sesuatu lesen memandu competent, malah untuk membatalkan terus lesen berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan yang kelima adalah mengenai kesalahan yang dilakukan oleh pemandu yang disyaki mabuk ketika memandu. Pindaan kepada seksyen-seksyen 45 dan 45A adalah untuk membolehkan mahkamah membatalkan lesen memandu percubaan jika seseorang pemandu terbabit didapati bersalah memandu di bawah pengaruh minuman yang memabukkan. Pindaan kepada Seksyen 45B pula dibuat dengan memasukkan sabitan kali kedua dan kali berikutan dengan dikenakan denda tidak melebihi RM4,000 atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya sekali. Di samping itu, mahkamah juga berkuasa untuk menggantung lesen memandu seseorang pesalah yang terlibat bagi tempoh tidak kurang daripada 12 bulan.

Pindaan kepada seksyen 54 adalah bertujuan untuk memperluaskan kesalahan-kesalahan memandu, menunggang sesebuah kenderaan dalam keadaan mabuk bagi meliputi juga penunggang-penunggang basikal. Di samping itu, denda di bawah seksyen ini dinaikkan daripada RM50.00 kepada RM300.00 bagi kesalahan pertama dan

dinaikkan daripada RM200.00 kepada RM1,000 bagi kesalahan kedua.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan yang keenam ialah mengadakan peruntukan mengenai keterangan dan rekod sabitan dahulu. Satu lagi seksyen baru iaitu Seksyen 117A diwujudkan bagi membolehkan sabitan-sabitan yang terdahulu (previous conviction) dengan izin, diambil kira dan digunakan bagi kesalahan yang sedang dibicarakan. Dalam hal ini, sabitan-sabitan yang terdahulu akan direkod dan disimpan oleh pihak Polis Diraja Malaysia atau JPJ. Dengan demikian, jika sekiranya seseorang pesalah lalu lintas adalah merupakan seseorang yang kerap melakukan kesalahan jalan raya, sama ada jenis kesalahan dan kes berkenaan dibawa ke mahkamah, maka rekod-rekod kesalahan yang terdahulu boleh digunakan sebagai bukti *prima-facie* bagi kesalahan yang dilakukan pada masa ini. Dengan itu, mahkamah boleh menjatuhkan hukuman yang lebih berat kepada pesalah berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan yang akhir sekali ialah mengenai kuasa Menteri mengarahkan JPJ menjalankan fungsi yang diswastakan. Pindaan kepada Seksyen 126 adalah dibuat dengan memasukkan subseksyen baru (8) bagi memberi kuasa kepada Menteri Pengangkutan untuk mengarahkan Ketua Pengarah JPJ dan Pengarah JPJ Negeri-negeri bagi menjalankan tugas pegawai pengangkutan jalan yang diswastakan di bawah seksyen berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah huraian saya mengenai pindaan akta ini, dan saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.



**Tuan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kubang Kerian.

3.40 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian):** Tuan Yang di-Pertua, tadi Setiausaha Parlimen telah menerangkan tentang undang-undang penalti-penalti hukum-hukum yang dikenakan kepada pesalah-pesalah jalan raya yang kita lihat bahawa kesalahan salah laku di jalan raya sekarang semakin menjadi-jadi. Kemalangan meningkat begitu dahsyat sehingga sekarang jalan raya menjadi tempat pembunuhan yang paling ngeri di Malaysia sekarang ini, terutama sekali para penunggang motosikal.

Saya berpendapat bahawa undang-undang sahaja tidak cukup untuk menyelesaikan atau mengurangkan masalah kemalangan jalan raya yang berlaku sekarang ini. Pihak kementerian mesti menekankan soal latihan sivik kepada mereka yang baru hendak ambil lesen atau hendak memperbaharui lesen dan sivik di jalan raya ini hendaklah ditekankan daripada undang-undang sebab kita lihat tanpa sivik, tanpa tolak ansur, tanpa ada perikemanusiaan undang-undang jarang dapat mengawal mereka. Tapi yang dapat mengawal seseorang ialah sifat hormat-menghormati ataupun yang di panggil 'civic minded'. Pihak kementerian tidak tumpukan masalah 'behave' atau sikap di jalan raya tetapi lebih menumpukan dari segi undang-undang. Adakah kerajaan berbangga bila dapat kutip kompaun berjuta ringgit daripada pesalah-pesalah di jalan raya. Adakah Malaysia sekarang mengaut hasil daripada orang melakukan kesalahan? Ini tidak boleh membanggakan negara.

kita pungut hasil daripada cukai-cukai yang langsung atau tidak langsung, tetapi sekarang kita nampak Polis Diraja Malaysia di antara yang paling banyak dikutip ialah daripada pesalah jalan raya. Perkara ini patut memalukan kerajaan, bukan membanggakan kerajaan bila diumumkan tahun ini polis dapat kutip beberapa ratus juta ringgit daripada pesalah-pesalah jalan raya. Sepatutnya kita kena cari jalan bagaimana hendak kurangkan pesalah-pesalah yang melakukan kesalahan di jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian hendaklah memberi kursus civic minded. Kita lihat kadang kalanya kita malu dengan negara Barat dalam masalah ini. Kita lihat, kalau kita memandu kenderaan di sana atau kita tumpang kenderaan di sana, mereka begitu menghormati orang berjalan kaki. Bila seseorang itu hendak melintas di satu tempat, dia mengangkat lampu, terus kenderaan lain memberi laluan kepada mereka, hon jarang didengar tapi di sini kalau silap sikit kita dengar tempikan hon, macamlah membawa kenderaan di Bombay. Di Bombay kita lihat bunyi bising yang cukup dahsyat daripada hon-hon dan kita sekarang dilanda dengan hon seperti itu. Ini kerana civic minded di kalangan rakyat Malaysia sekarang agak menurun kalau dibandingkan selepas merdeka dahulu. Jadi, kita lihat kerjasamanya tidak ada. Kalau sedikit sahaja satu pihak itu melakukan kesalahan tidak sengaja, pemandu yang lain menunjuk penumbuk atau membuka cermin terus menunjuk penumbuk. Kadang-kadang ada sedikit kesilapan berlaku pelanggaran kecil, pemandu perempuan pun dimaki hamun oleh pemandu lelaki di tepi jalan bukan menyelesaikan masalah mereka dengan cara yang baik.

Sebab itu saya katakan bahawa undang-undang tidak menyelesaikan masalah tapi yang lebih penting ialah pihak kementerian

tanamkan semangat sivik, semangat tolak ansur ini lebih daripada kita kuatkuasakan undang-undang. Muncul pula sekarang ini misalnya samseng jalan raya yang begitu dahsyat bahkan sekarang ini kita lihat ada pegawai-pegawai JPJ yang membuat sekatan-sekatan tertentu, ada pula sekarang lori berpuluh buah datang mengepung mereka menakutkan pegawai-pegawai JPJ. Ini berlaku di daerah Lembah Kelang misalnya. Kenapa berlaku begitu, adakah pihak drebar-drebar lori sudah rasa tidak puas hati ataupun kekasaran di pihak pegawai-pegawai JPJ, tapi sekarang samseng jalan raya bukan setakat kepada penunggang motosikal tetapi telah pergi kepada drebar-drebar lori bahkan boleh mengancam keselamatan pegawai-pegawai yang bertugas.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga samseng jalan raya, pelumba-pelumba motor haram dan sebagainya. Kenapa pihak polis tidak dapat membanterasnya sedangkan mereka tahu orang yang memandu, mereka tahu samseng-samseng jalana raya itu tapi tindakan tidak diambil, nak dikatakan polis Malaysia tidak cekap, begitu cekap sehingga kejayaan mereka dapat membongkar rahsia-rahsia ataupun perbuatan-perbuatan sulit ataupun dapat membanteras dan memeriksa, misalnya mencari orang buat surat layang, akhirnya terjumpa seorang hakim dan sebagainya. Ini polis boleh lakukan. Takkan hendak membanteras hendak mengenali kepala-kepala samseng yang terlibat dalam motosikal haram ini tidak diketahui oleh polis. Kalau ketahu, takkanlah tak ada undang-undang atau ruang untuk mengambil tindakan kepada mereka.

Sebab itu kita lihat, kita memandu cara ikut undang-undang pun kalau ada samseng-samseng jalan raya penunggang-penunggang motosikal haram kita menjadi takut. Kadangkala bila serombongan mereka lalu, kita berhenti di tepi jalan untuk memberi peluang samseng-samseng itu menggunakan jalan-jalan kita. Ini kita

lihat bila polis gagal hanya mendedahkan perkara ini di akhbar dan polis membuat kenyataan gagal membanteras, maka mereka semakin hari semakin melampau menguasai jalan raya. Jadi, perkara civic minded ini perlulah ditekankan.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga sekarang kita lihat seolah-olah JPJ atau pihak polis bukanlah macam kita nak cari duit, tetapi macam nak cari duit, sengaja dibuat speedtrap di tempat yang turun-bukit, sudah tentulah kalau kita ada situ tanda 80 k.m.j turun bukit ini, kadang-kadang kita terlupa terlajak sedikit pergi 100 k.m.j, di situ ditahan. Turun bukit ini, kalau kita tak tekan minyak pun dia laju tapi di situ ditahan. Jadi, kita nampak ini macam seolah-olah sengaja. Begitulah juga speedtrap dibuat pukul 2 pagi. Pukul 2 pagi kereta pun tak ada, sudah tentulah kalau kita lalu dekat dengan bangunan UMNO ataupun dekat dengan Pacific Hotel, pukul 2 pagi tidak ada kenderaan, kita laju sikit, masa itu ada speedtrap. Jadi, ini semua kita nampak macam pasang lukah di tempat lorong yang kecil. Jadi, kita selalu kena tempat-tempat seperti itu.

Begitulah tadi pihak kementerian memberi kemudahan untuk tukar nombor dan sebagainya. Main-main nombor ini kerja orang kaya, bukan kerja pemilik kenderaan biasa. Bagi kita orang biasa ini, nombor apa pun tak apa, tak ada nombor pun tak apa, tapi bagi orang-orang kaya inilah main nombor, hendak nombor 12,13,15,1,2 dan nombor-nombor kecil ini selalunya ada advantage. Bila ada sekatan jalan raya, walaupun mereka laju, kadangkala kita nampak kita kena tulis tetapi yang nombor kecil tadi terlepas begitu sahaja. Sebab nombor kecil ini melambangkan orang kaya seperti Datuk, Tan Sri, tycoon, tauke dan sebagainya. Jadi, kita nampak bahawa rang undang-undang ini seolah-olah melayan kehendak orang kaya iaitu orang kaya suka tukar nombor-nombor ini, maka diberi kemudahan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelak kemalangan dan sebagainya di samping kita kata tadi undang-undang kita akui perlu behave, perangai, sivik dan sebagainya, keadaan jalan raya juga hendaklah elok. Kalau kita tengok jalan Klang ke Bruas, Bruas ke Taiping cukup dahsyat, tidak sesuatu dengan gambar-gambar yang dikatakan Malaysia kaya, pertumbuhan ekonomi 10%—world record tapi jalannya cukup teruk. Begitulah jalan Kota Tinggi—Kuantan tidak sepadan dengan kemajuan Negeri Johor dan kemajuan Negeri Pahang. Begitulah jalan Muar—Pontian dan juga Johor Bahru. Kalau Kelantan jalannya tak elok tak apalah, negeri itu agak sedikit miskin. Tapi, negeri-negeri yang kaya jalannya lebih teruk daripada jalan negeri miskin. Kadang-kadang tebing tinggi itu kalau orang naik motosikal dan jatuh, sudah tentu rimnya bengkok. Jadi, ini yang.....

**Tuan Mansor bin Masikon:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Mansor bin Masikon:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat bercerita berkenaan jalan daripada Muar-Batu Pahat-Pontian dia kata tak baik. Saya nak tanya Yang Berhormat ini bila 'the last time', dengan izin, beliau pergi ke kawasan ini sebab jalan-jalan ini sudah elok betul. Terima kasih.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tidak lagi. Saya lalu jalan itu, terutamanya Muar-Pontian, macam naik perahu atas darat, melambung-lambung. (*Ketawa*) Jadi, tak sepadanlah dengan kenderaan yang begitu banyak, dan perlu diperbaiki untuk mengelak kemalangan jalan raya. Saya kata tadi bukan undang-undang sahaja. Misalnya kalau kita lihat Lebuhraya Utara-Selatan, kemalangannya sudah tentu agak kurang kerana jalannya lebih baik, cuma kita marah kadar tol yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah Jalan Butterworth-Grik yang kita lihat walaupun ada Lebuhraya Grik ke Jeli agak baik, tetapi Grik ke Butterworth jalannya cukup teruk dan cukup dahsyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah sekali lagi saya tekankan, iaitu masalah civic ini perlu dikursuskan, perlu diutamakan daripada undang-undang. Undang-undang itu perlu, tetapi 'behave' rakyat Malaysia perlu ditingkatkan oleh semua kementerian. Begitulah juga kita lihat sekarang ini akan diswastakan beberapa bahagian di JPJ. Ini sudah tentu akan menaikkan kos harga dan sebagainya dan juga red tape yang akan meningkat. Ini juga pengguna akan tanggung beban yang lebih banyak pada masa akan datang. Swasta adakalanya bagus, tetapi kita lihat kelalaiannya ada.

Misalnya sekarang kalau kita telefon MAS untuk kita booking tiket, kadang-kadang muzik sampai dekat 7 minit baru kita dapat jawab. Ahli-ahli Parlimen semua tahu, kalau kita telefon 7463000, "talian kami sedang sibuk." Masa itu pukul 12.00 malam. Kadang-kadang sampai 7-8 minit. Kalau handphone, kita tak boleh booking sekarang melalui MAS, kerana kalau kita jalan kereta, ada bukit sedikit dia terputus, kita tak boleh booking lagi. Kerana sekarang bila diswastakan kita lihat, kerjanya kadangkalanya bukan lebih baik, tetapi tidak memuaskan.

Kalau dalam kerajaan misalnya, kita di Parlimen boleh tegur dan sebagainya. Tetapi bila sudah jadi swasta, tegurannya itu kurang didengari, sebab bagi mereka keuntungan yang diutamakan. Pengguna akan kena lagi lepas beberapa bahagian JPJ diswastakan, maka kita kena bayar lebih sedikit. Inilah peningkatan yang kita lihat pengguna kena keluar sekarang, sedangkan gaji kakitangan kerajaan dan juga rakyat tidaklah bertambah seperti bertambahnya kita kena bayar kepada kegunaan kita seharian sekarang ini akibat

kerajaan begitu galak dengan penswastaaan tanpa kawalan yang baik. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Senai.

3.54 ptg.

**Tuan Lim Si Cheng (Senai):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menyokong rang undang-undang bertajuk suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak Kementerian Pengangkutan ke atas usaha kementerian untuk membuat pindaan terhadap Akta Pengangkutan Jalan yang sedia ada ini bagi memperketatkan lagi kawalan yang kini dibuat oleh pihak berkuasa ke atas pemandu-pemandu. Akta ini akan memberikan beberapa pindaan kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang saya rasa adalah wajar dan patut diberi sokongan yang penuh.

Mengikut draf pindaan yang dibentangkan ini Fasal 2 memperkenalkan satu lagi kategori lesen baru yang akan dikenalkan sebagai lesen memandu percubaan. Lesen memandu percubaan ini mengikut draf rang undang-undang ini ertinya lesen bagi sesuatu tempoh percubaan selama dua tahun yang diberikan kepada mana-mana orang yang telah lulus ujian kompeten yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, menurut laporan dan statistik kemalangan di jalan raya, sebahagian besar daripada mereka yang terlibat merupakan pemandu-pemandu yang baru dan mereka tidak berpengalaman. Oleh yang demikian, adalah wajar pemandu baru ini seharusnya diberi lesen memandu percubaan selama dua tahun sebelum dia diberi lesen memandu yang tetap.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan akta ini diberikan kuasa kepada Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan dan juga mahkamah untuk membatalkan lesen pemandu percubaan seseorang yang melanggar undang-undang di jalan raya, ini sudah tentu akan memaksakan pemandu-pemandu baru untuk sentiasa berjaga-jaga semasa memandu di jalan raya, terutama pemandu-pemandu muda atau remaja-remaja yang lebih cuai. Sebenarnya, tempoh percubaan lesen selama dua tahun ini akan menimbulkan kesedaran sivik serta kecekapan memandu. Mengikut Fasal 3, juga perlu memperkenalkan pendaftar berlesen untuk ditugaskan menyimpan dan menyenggara suatu daftar bagi segala kenderaan motor yang didaftarkan di bawah akta ini, dan dia adalah disebabkan oleh penswastaaan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya iaitu mengapa kerja-kerja pendaftaran dan perlesenan kenderaan perlu diswastakan? Saya rasa Kementerian Pengangkutan seharusnya memberi satu penjelasan yang lebih teliti atas tujuan penswastaaan fungsi Jabatan Pengangkutan yang begitu mustahak sekali. Adakah sistem dan pentadbiran yang dilakukan oleh Jabatan Pengangkutan kini tidak memuaskan? Jika ia tidak memuaskan, bolehkah penswastaaan tersebut akan mempertingkatkan mutu sistem yang lebih baik. Tambahan pula apabila JPJ diswastakan, sama ada kepentingan rakyat diberi keutamaan. Tambahan pula di bawah kriteria apakah pendaftar lesen pindaan seksyen 8 dipilih dan diluluskan. Berapakah pendaftar lesen tersebut yang dicadangkan?

Pendaftar lesen yang ditugaskan untuk menjalankan pendaftaran dan pelesenan kenderaan motor di bawah akta ini seharusnya dikawal dengan rapi oleh kerajaan.

Seterusnya akta ini juga memperkenalkan nombor pendaftaran

sendiri, apakah tujuan tersebut? Adakah pengenalan seperti ini membawa manfaat kepada rakyat? Bagaimanakah kerajaan bercadang untuk mengawal penggunaan perkataan dalam nombor pendaftaran yang mungkin lucu ataupun sensitif?

Pada keseluruhannya akta ini adalah akta yang memuaskan, tetapi kerajaan perlu mengambil tindakan yang tepat untuk mencegah kadar kemalangan yang kian meningkat, khususnya kematian di jalan raya yang melibatkan motosikal. Oleh yang demikian, ingin saya mengemukakan beberapa pandangan dan cadangan untuk mendapatkan perhatian kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, 60% daripada mereka yang cedera atau maut dalam kemalangan jalan raya adalah bermotosikal. Kemalangan juga boleh melibatkan mereka yang sudah memandu lebih daripada dua tahun. Akan tetapi, tiada apa-apa peruntukan langsung yang terdapat di dalam akta ini yang boleh mengurangkan kadar kemalangan dalam kategori ini. Dengan izinnya, saya ingin mencadangkan bahawa lorong-lorong disediakan untuk motosikal di kawasan jalan raya yang utama dan lebuh raya. Tambahan pula undang-undang seharusnya diperketatkan lagi dengan mengenakan hukuman-hukuman yang lebih berat kepada mereka yang cuai apabila memandu kenderaan.

Kedua, Akta Ibu yang kedua tidak membenarkan suami isteri atau penumpang menuntut pampasan melalui insuran ketiga jikalau tiada peruntukan atau syarat yang ternyata untuk meliputi suami isteri atau penumpang tersebut dalam polisi insuran pihak ketiga. Sungguhpun ini adalah tanggungjawab Kementerian Kewangan akan tetapi saya ingin mengambil kesempatan ini supaya Kementerian Pengangkutan juga boleh bersama-sama memainkan peranan. Ini akan melibatkan suami isteri dan penumpang mengalami penderitaan dan

tanpa pertolongan. Dengan ini, saya ingin mencadangkan bahawa insuran pihak ketiga meliputi suami isteri dan penumpang tanpa mengira sama ada sebarang syarat nyata dan meliputi suami isteri dan penumpang di dalam polisi insuran pihak ketiga.

Perkara Ketiga yang saya ingin bangkitkan iaitu bagaimana pula dengan mereka yang dilanggarkan oleh kenderaan yang tidak dapat dikesan kerana lari selepas berlaku kemalangan. Motor Insurance Bureau (MIB), memberi pampasan secara pemberian khas kepada mereka yang cedera dalam keadaan tersebut. Pampasan seperti begini tidak seimbang dengan kecederaan yang dialami. Kita seharusnya mengkaji dengan teliti isu-isu insurans yang melibatkan Akta Pengangkutan Jalan Tahun 1987.

Perkara Yang Keempat, menurut seksyen 96 sekarang sesuatu syarikat insurans boleh menafikan liabiliti dalam sesuatu kemalangan jalan raya yang hanya melibatkan kerosakan harta benda pada kenderaan tersebut, sekiranya pemegang polisi kenderaan yang mengakibatkan kemalangan tersebut gagal melaporkan butir-butir kemalangan tersebut kepada syarikat insuran dalam masa yang dibenarkan menurut polisi insuran beliau.

Menurut pendapat saya seksyen 96 harus dipinda untuk nyatakan sesuatu syarikat insuran tidak boleh menafikan liabiliti walaupun kemalangan tersebut hanya merosakkan harta benda pada kenderaan tersebut, juga atas sebab dan alasan bahawa pemegang polisi tidak melaporkan kemalangan tersebut dalam masa yang ditetapkan atau gagal melaporkan tentang kemalangan tersebut sama sekali kepada syarikat insuran.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kelima, saya juga cadangkan bahawa akta ini dipinda untuk menambah satu lagi seksyen yang menyatakan bahawa apabila

seseorang pemegang polisi insurans melaporkan tentang kemalangan yang berlaku kepada kenderaan beliau syarikat insurans hendaklah menjalankan penyiasatan dengan segera dalam masa tidak melebihi 14 hari dan seterusnya membuat pembayaran di bawah polisi insurans tersebut sama ada kepada pemegang insurans tersebut ataupun pihak ketiga yang terlibat dalam sesuatu kemalangan dengan pemegang polisi insurans tersebut.

Penambahan seksyen seperti ini akan menyelaraskan keadaan kecukupan syarikat insurans kita dengan syarikat insurans di negara lain seperti di Singapura di mana pembayaran kepada pemegang polisi ataupun pihak ketiga dilakukan dengan serta-merta setelah penyiasatan yang singkat diadakan. Dengan kata-kata ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua: (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) Ya, Lumut.**

**4.05ptg.**

**Dr. Yap Yit Thong (Lumut):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang di-Pertua kerana sudi memberi peluang kepada saya mengambil bahagian di atas perbincangan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, masa ini adalah sesuatu untuk pindaan dibuat kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987 untuk memenuhi kehendak sebuah negara yang sedang berkembang pesat. Satu sistem pengangkutan jalan yang berkesan dan baik adalah sangat mustahak kepada pembangunan sebuah negara kerana ia adalah tulang belakang kepada ekonomi yang kukuh. Sama ada untuk pendagangan, perniagaan atau pelancongan, satu sistem pengangkutan jalan yang berkesan dan efisien sangat diperlukan untuk negara

kita yang memenuhi ke arah mencapai status sebuah negara perindustrian.

Dengan penambahan bilangan kereta, kadar kemalangan jalan raya telahpun bertambah, sehingga jalan raya kita boleh dianggap sebagai satu dengan izin death trap. Dari segi kadar kematian, kemalangan jalan raya telah boleh dianggap sebagai nombor satu, dengan izin, number one killer, diikuti oleh penyakit cardiovascular dan kanser. Pengorbanan nyawa dalam kemalangan jalan raya ini bukan sahaja satu penderitaan kepada keluarga berkenaan tetapi juga merupakan kehilangan satu tenaga manusia kepada negara kita.

Saya mengalu-alukan pindaan kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987 kerana ia merangkumi beberapa hukuman berat, mendedahkan pesalah supaya keselamatan jalan raya boleh dipertingkatkan. Oleh sebab kadar jalan raya terlampau tinggi pada musim perayaan, keselamatan jalan raya perlu diutamakan oleh setiap pemandu. Fasal 18, Seksyen 27, untuk memperluaskan jenis-jenis kesalahan yang penaltinya kehilangan kelayakan untuk mendapat satu lesen memandu dari tempoh 6 bulan ke 12 bulan sangat dialukan kerana ia bermakna kerajaan amatlah serius dalam tindakan membuat jalan raya kita lebih selamat.

Sistem mata demerit dicadangkan di bawah Fasal 20 Seksyen 35 dialu-alukan juga. Satu kategori lesen memandu telah diwujudkan di bawah fasal 19 sub-seksyen 29, lesen tersebut ialah dinamakan lesen memandu percubaan, adalah untuk pemandu baru selama 2 tahun. Tempoh masa ini adalah sangat berguna kerana ia meningkatkan pemandu baru untuk memandu berhati-hati di jalan raya. Sekiranya mereka cuai dan tidak mematuhi peraturan-peraturan jalan raya, lesen mereka mungkin boleh dibatalkan. Dipercayai bahawa langkah ini boleh mengurangkan kemalangan jalan raya

kerana kebanyakannya berpunca daripada pemandu baru.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri seperti New Zealand, seorang pemegang lesen memandu percubaan boleh memandu pada waktu dibenarkan sahaja iaitu daripada pukul 8 pagi hingga pukul 9 malam. Selain daripada, itu beliau tidak dibenarkan membawa kanak-kanak dan dewasa yang tidak mempunyai lesen memandu. Saya percaya peraturan yang baru diperkenalkan adalah mencukupi buat masa ini tapi kalau peraturan tersebut tidak berkesan, kelonggaran lesen memandu percubaan ini boleh diketatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mempertingkatkan keselamatan jalanraya ialah menghalang pemandu mabuk dari jalan raya.

Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana memperkenalkan langkah-langkah ini. Tahniah juga saya ucapkan kepada kementerian kerana telah berjaya mewujudkan kesedaran orang ramai berkenaan peraturan Drinking and Driving, dengan izin, melalui media massa dan televisyen. Pendedahan dan pendidikan melalui saluran media massa telah menyedarkan orang ramai untuk menerima Drinking and Driving Rules, dengan izin. Walaupun mesej yang disalurkan melalui TV adalah dahsyat, ianya adalah berkesan memberi amaran kepada orang ramai berkenaan drinking and driving.

Fasal 32, seksyen 45G untuk meminda tarif ujian nafas dialukan juga. Selaras dengan polisi negara kita yang progresif dan liberal, JPJ akan memperkenalkan polisi liberal yang membenarkan mana-mana orang mencadangkan nombor pendaftarannya sendiri. Langkah ini dialukan kerana pemandu yang berkemampuan dan status conscious boleh mempunyai nombor pendaftarannya sendiri dengan membayar yuran yang

sewajar. Tetapi kementerian hendaklah jaga supaya nombor pendaftaran tidak merupakan perkataan lucu.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Gelang Patah.

#### 4.12 ptg.

**Tuan Chang See Ten (Gelang Patah):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1996 pada petang yang berbahagia ini.

Terlebih dahulu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Kementerian Pengangkutan atas usaha yang diambil untuk meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya di negara ini sepertimana yang dilakukan melalui beberapa pindaan ke atas Akta Pengangkutan Jalan yang sedia ada termasuk mengetatkan proses memperolehi lesen memandu serta mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap mereka yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan ketika memandu di jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan daripada meningkatnya pendapatan rakyat Malaysia, kita dapat perhatikan bahawa kebelakangan ini bilangan kereta yang bergerak di atas jalan raya bertambah dengan begitu ketara sekali. Sungguhpun kita boleh berbangga dengan fenomena ini kerana ia secara tidak langsung mencerminkan tahap kemajuan masyarakat Malaysia, namun pada satu pihak yang lain, kita merasa sakit hati dengan kadar kemalangan jalan raya yang

juga turut meningkat. Kita juga sedar bahawa kebanyakan daripada kemalangan jalan raya yang berlaku adalah didorong oleh sikap pemandu kenderaan yang tidak bertanggungjawab dan mementingkan diri sendiri.

Dalam konteks ini, saya amat bersetuju dengan cadangan meminda hukuman maksimum ke atas pemandu yang sering melakukan kesalahan memandu daripada digantung lesen memandu mereka iaitu mengikut peruntukan yang sedia ada kepada hukuman membatalkan lesen memandu mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kata pepatah 'ingat sebelum kena' - saya berharap para pemandu dapat memahami falsafah di sebalik pindaan ini iaitu matlamat muktamad pindaan ini bukanlah untuk menyusahkan sesiapa tetapi berhasrat meningkatkan para pemandu supaya lebih berhati-hati serta bertimbang rasa ketika memandu demi kebaikan pengguna jalan yang lain dan juga demi kebaikan diri sendiri.

Setiap kemalangan jalan raya yang berlaku, baik yang cuma mengakibatkan kerosakan fizikal pada kereta mahupun yang meragut nyawa pemandu atau penumpang terbabit, ia tetap satu insiden yang merugikan individu, keluarga, masyarakat serta negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga sedar bahawa sebahagian besar daripada jumlah kemalangan jalan raya yang terjadi adalah berpunca daripada kekurangan pengalaman memandu di kalangan pemandu yang baru mendapat lesen memandu dan majoriti daripada mereka adalah golongan pemuda yang baru cukup umur untuk mengambil ujian memandu. Sikap pemuda-pemudi yang cenderung untuk beraksi di atas jalan raya walaupun masih kurang pengalaman dalam menangani situasi yang tidak terduga bukan sahaja selalu membawa padah

kepada diri sendiri, tetapi juga mengancam keselamatan pengguna jalan raya yang lain.

Oleh itu, saya berpendapat pindaan kali ini yang turut memperkenalkan sistem tempoh percubaan selama dua tahun ke atas mereka yang baru lulus ujian memandu adalah wajar. Sekali lagi, saya berharap mereka yang akan terpengaruh dengan pindaan ini dapat memahami tujuan utama cadangan ini dibuat adalah demi kepentingan dan keselamatan semua pengguna jalan dan tidaklah berniat untuk menyusahkan sesiapa.

Di samping itu, saya juga berharap ibu bapa atau saudara mara kepada para pemandu yang baru lulus ujian memandu dapat turut memberi nasihat dan tunjuk ajar yang sewajarnya kepada mereka dalam tempoh percubaan ini demi mengelakkan berlakunya peristiwa yang tidak diinginkan.

Tuan Yang di-Pertua, memandu dalam keadaan mabuk juga merupakan salah satu punca utama terjadinya kemalangan jalan raya terutamanya pada waktu malam. Kita juga sering membawa dalam surat khabar bahawa ramai pemandu yang memandu setelah mengambil minuman beralkohol yang berlebihan dikesan dalam operasi Polis Trafik dan seterusnya dihadapkan ke mahkamah.

Menyentuh tentang isu ini, saya ingin menarik perhatian sidang ini kepada fasal 45B dan 45C yang mencadangkan hukuman membatalkan lesen memandu ke atas pemandu yang enggan menjalani ujian nafas. Selama ini, saya tidak pernah membaca sebarang berita tentang adanya pemandu yang berjaya dalam cubaan enggan mengambil ujian nafas ketika diarahkan oleh anggota atau pegawai polis yang terlibat dalam sesuatu operasi. Kalau pun ada kes-kes tertentu yang mana pemandu pada mulanya menunjukkan sikap tidak bekerjasama, saya percaya



dengan kuasa yang sedia ada pada anggota atau pegawai polis yang bertugas secara berpasukan dalam satu-satu operasi, masalah ini tidak sukar untuk ditangani.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita sedar bahawa cadangan ini adalah selaras dengan usaha pihak berkuasa untuk mencegah kemalangan jalan raya yang berpunca daripada pemandu yang memandu di dalam keadaan mabuk, tetapi saya juga nampak bahawa peruntukan baru ini amat mudah menimbulkan kontroversi serta mencetuskan kerenggangan antara pihak polis dengan orang awam. Kalau pemandu tersebut memang bersalah, hukuman membatalkan lesen memandunya memanglah tidak dapat dipertikaikan, tetapi apa kata kalau pemandu tersebut dianiaya.

Kita perlu sedar bahawa mengikut peruntukan baru ini, untuk membatalkan lesen memandu seseorang tidaklah susah, tetapi pernahkah kita memikirkan betapa sulit dan perit bagi seorang pemandu yang dianiaya untuk membuktikan bahawa beliau sebenarnya mangsa penganiayaan dalam usahanya untuk mendapatkan semula lesen memandunya. Kita boleh jangkakan proses ini cukup payah, berdasarkan prosedur berurusan dengan jabatan terlibat yang diamalkan pada masa sekarang.

Sekali lagi saya ingin tegaskan bahawa dengan kuasa yang diberikan kepada anggota serta pegawai polis mengikut undang-undang yang sedia ada dan juga memandangkan operasi polis dilakukan secara berpasukan, manalah orang awam berani melawan perintah enggan menjalani ujian nafas. Justeru itu, saya berharap kewajaran dan keperluan fasal ini dapat dipertimbangkan dengan teliti oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu sungguhpun pindaan kali ini telah cuba untuk memasukkan elemen-elemen

yang bertujuan mencegah orang ramai daripada melakukan kesalahan ketika memandu di atas jalan raya dan seterusnya mengurangkan kes kemalangan jalan raya. Namun matlamat murni pindaan ini tidak akan tercapai tanpa keberkesanan penguatkuasaan dan juga sokongan dari pegawai jabatan kerajaan yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, para pegawai penguatkuasa, pegawai tadbir dan kerani di Jabatan Pengangkutan Jalan serta pihak polis harus sentiasa ingat bahawa usaha pindaan ini adalah untuk meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya dan bukanlah untuk menyusahkan orang ramai. Terdapat banyak peruntukan dalam pindaan ini yang memerlukan kebijaksanaan serta profesionalisme para pegawai terlibat untuk menguatkuasakan atau menyempurnakan penguatkuasaannya. Misalnya peruntukan yang melibatkan larangan memperbaharui lesen memandu selagi ada kes kesalahan lalu lintas yang belum diselesaikan. Peruntukan sistem demerit yang berkaitan dengan kesalahan memandu dan seumpamanya.

Saya berharap pegawai sekalian dapat melaksanakan tugas masing-masing yang dipertanggungjawabkan dengan amanah dan berbudi bahasa. Janganlah melakukan sebarang perbuatan salah guna kuasa yang tentu akan memburukkan imej Jabatan Pengangkutan Jalan.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada peruntukan membenarkan pemilik kenderaan memilih sesuka hati sebarang kombinasi huruf atau kombinasi huruf dan angka untuk dijadikan nombor pendaftaran kenderaan masing-masing. Saya percaya langkah ini tentu akan mendapat sambutan yang positif daripada orang awam.

Pada pendapat saya pindaan ini akan mampu meredakan ketidakpuasan di kalangan orang awam terhadap fenomena

di mana selama ini cuma VIP dan orang kenamaan serta orang kaya sahaja yang mampu memiliki nombor pendaftaran kenderaan yang istimewa. Walau bagaimanapun, saya ingin mengingatkan bahawa setelah setiap daripada kita diberi peluang untuk berlagak dengan nombor pendaftaran kereta masing-masing yang begitu istimewa, jangan lagi cuba untuk menarik perhatian pengguna jalan yang lain dengan aksi memandu yang mendebarkan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyarankan supaya dari segi mengurangkan kes-kes kemalangan di negara kita ini, selain daripada usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pengangkutan adalah perlu kerjasama rapat daripada pihak Kementerian Kerja Raya dari segi bentuk pembinaan jalan-jalan raya kerana cuma jalan-jalan raya yang dibina dengan sempurna akan dapat mengurangkan kes-kes kemalangan.

Selain daripada itu kerjasama daripada pihak berkuasa tempatan sangat penting untuk mengadakan kawalan ketat kepada projek-projek perumahan yang mana pihak berkuasa tempatan mesti mengadakan kelulusan jalan raya, dengan kerjasama daripada Jabatan Kerja Raya supaya pemaju-pemaju taman-taman perumahan membina jalan-jalan yang cukup luas dengan ada jalan utama, ada jalan susur, ada jalan khas untuk motosikal dan basikal dan ada tempat pejalan kaki. Dengan mengadakan jalan-jalan yang sempurna itu, saya yakin akan dapat mengurangkan kes-kes kemalangan.

Selain dari itu satu faktor yang penting adalah dari segi pendidikan. Adalah penting pihak Kementerian Pengangkutan mengadakan lebih banyak Kempen Keselamatan Jalan Raya, dengan kerjasama daripada jabatan-jabatan yang berkenaan terutama daripada Kementerian Pendidikan supaya orang ramai dapat mengadakan kesedaran sivik dan dapat

memandu kenderaan dengan bersopan santun. Ini adalah satu cara melalui pendidikan yang mana saya yakin jika ia dilaksanakan dengan sempurna akan dapat menolong mengurangkan kes-kes kemalangan di jalan raya.

Dengan cadangan saya tadi tentang pembinaan jalan yang baik serta pendidikan yang baik untuk pemandu-pemandu kenderaan, saya fikir pihak kerajaan akan dapat mengurangkan kes-kes kemalangan di jalan raya, tambahan pula jika kita ada penguatkuasaan yang baik dijalankan oleh pihak polis dan pihak JPJ. Saya pasti kita akan dapat menggunakan jalan-jalan kita dan memandu dengan lebih selamat. Dengan kata-kata yang demikian, saya mohon menyokong pindaan undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kelang.

4.30 ptg.

**Dr. Tan Yee Kew (Kelang):** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk memberi pendapat menyokong Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1996 seperti yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, memang tepat pada masanya diperkenalkan lesen pemandu percubaan untuk pemandu-pemandu baru dan penalti yang lebih berat kepada mereka yang melanggar undang-undang trafik, memandangkan betapa jumlah kemalangan jalan raya dan kejadian samseng jalan raya semakin meningkat.

Sememangnya pemandu-pemandu baru tidak boleh disalahkan semata-mata kerana yang melanggar undang-undang trafik dan yang menyebabkan berlakunya kemalangan bukanlah terdiri daripada golongan mereka sahaja, tetapi dengan menyulitkan sedikit untuk mendapat lesen

memandu diharapkan pemandu-pemandu akan lebih menghargainya dan mudah-mudahan di masa akan datang akan melahirkan golongan pemandu yang lebih berhati-hati dan mematuhi undang-undang ketika berada di jalan raya. Tidak dapat sebarang peruntukan di dalam Akta ibu atau cadangan pindaan di sini berkaitan dengan hukuman bagi samseng jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap di bawah sistem mata seperti yang dicadangkan di bawah seksyen baru dalam 35A(2) tindakan mengganas di jalan raya akan dimaktubkan dan akan dikenakan mata yang maksimum, beginilah pendapat masyarakat umum. Walaupun seorang pemandu yang menggunakan keganasan dan yang menyebabkan kecederaan kepada seorang lain boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan, ini tidak mencukupi, seorang pemandu yang menyebabkan kecederaan ke atas pengguna jalan raya yang lain mesti juga dihukum di bawah akta ini atau kaedah-kaedah di bawahnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebab terlalu banyak kejadian samseng jalan raya terjadi beberapa tahun kebelakangan ini dan perkara ini telah memberansangkan kami untuk bertanya mengapa ia terjadi. Setengah orang memberi jawapannya sebagai tekanan penghidupan di bandar raya dan kesesakan lalu lintas. Ini mungkin benar tetapi mungkin ada faktor lain yang turut menyumbang. Seorang sahabat saya pernah mengaku yang beliau hampir mengetepikan undang-undang kerana telah kecewa bila terlibat dalam satu pelanggaran dengan seorang pemandu lain.

Beliau menerangkan bahawa terangnya pemandu tersebut adalah di pihak yang salah tetapi ia sedar pihak polis tidak akan berusaha untuk mengambil sebarang tindakan kalau dia membuat aduan kerana kejadian itu merupakan sesuatu yang remeh-temeh kepada pihak polis. Memang benar apa yang dikatakan,

banyak lagi kejadian-kejadian jenayah yang lebih serius yang memerlukan tindakan polis dan terdapat banyak kenderaan di jalan raya.

Kita harapkan pemandu-pemandu sendiri akan dapat menyelesaikan kemalangan-kemalangan kecil yang berlaku di antara mereka. Tetapi perselisihan tidak selalu diselesaikan antara mereka dengan cara yang baik. Bagaimana sekiranya seorang pemandu lori yang cuai tiba-tiba meluru masuk ke lorong anda tanpa sebarang isyarat dan terus memaksa anda ke bahu jalan, apa kata kalau kereta anda tersekat di sebuah lorong yang kecil semata-mata kerana seorang pemandu lain telah meletak keretanya di situ tanpa mengendahkan kereta anda. Sudah pasti anda akan berasa marah dan kecewa tetapi anda tentu tidak akan membuat aduan kepada pihak polis kerana perkara sekecil ini. Jadi, di manakah anda hendak mengadu hal? Saya ingin tahu adakah sistem mata yang akan dilaksanakan akan mengambil kira aduan-aduan yang dibuat oleh seorang individu ke atas pemandu lain?

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin pindaan yang dicadangkan untuk Akta Pengangkutan Jalan akan memperbaiki pengangkutan jalan kita dan menjadikan jalan raya kita lebih selamat untuk diguna. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong. Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, silakan Yang Berhormat.

**4.35 ptg.**

**Dato' Hon Choon Kim (Seremban):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian untuk membahas suatu rang undang-undang iaitu suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan

Jalan 1987 yang dibentangkan oleh kawan saya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi.

Saya ucapkan tahniah kerana Kementerian Pengangkutan telah menyediakan satu permintaan untuk memperbaiki kekurangan yang sedia ada. Saya ingin juga menyebutkan beberapa perkara yang berhubung kait dengan permintaan ini. Pertamanya, saya ingin hendak sebut sedikit tentang lesen memandu percubaan yang akan dimasukkan sebagai satu pemindaan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat tadi.

Tujuannya, kalau tak silap saya ialah untuk mengatasi kadar kemalangan jalan raya. Sebenarnya di Malaysia ini memang kematian yang diakibatkan oleh kemalangan jalan raya memang begitu hebat sekali, di negara-negara lain rakyat mereka mati kerana perang atau kerana tak cukup makan tetapi rakyat Malaysia mati kerana kemalangan jalan raya. Jadi, ini satu fenomena yang amat ketara dan saya ucapkan syabas kepada kementerian supaya dapat mengadakan beberapa langkah untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini satu kemalangan telah berlaku di Genting Highlands dan saya pun telah membaca surat khabar dan mengikut seorang pakar dalam bidang ini bahawa kemalangan ini terjadi kerana tiga faktornya, ikut dialah, pertama, ialah jalan, kedua ialah pemandu sendiri dan ketiga, ialah kereta yang dia bawa. Kalau keretanya brake tak makan, ia memang berlaku kemalangan, brake tak berfungsi dengan baik maka kemalangan akan berlaku. Walaupun pemandunya baik, mempunyai lesen yang sah dan jalan yang dibina pun baik, tetapi oleh kerana keretanya tidak begitu baik, maka ini akan mengakibatkan kemalangan.

Jadi, dalam kes ini untuk memperkenalkan lesen memandu

percubaan ialah untuk ditujukan kepada pemandu sendiri supaya melalui sistem ini, pastikan bahawa pemandu mempunyai satu tahap kemahiran untuk memandu kereta. Jadi, inilah tujuannya, tetapi kalau tujuannya adalah untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya maka tidak mencukupi, kalau mengikut pendapat pakar itu tiga faktor. Jadi, rang undang-undang ini dipinda cuma hendak mengatasi salah satu faktor yang disebutkan tadi.

Oleh kerana itu, saya juga berharap kementerian Yang Berhormat dapat memberi perhatian atau memberi cadangan atau merapatkan hubungan dengan JKR dan sebagainya supaya memastikan jalan raya yang dibina mengikut spesifikasi yang baik, yang boleh mengelakkan kemalangan jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan pemandu adalah dapat memandu dengan baik, dengan berhati-hati, saya rasa melalui legislation atau memperkenalkan satu lesen percubaan tidak mencukupi atau kurang berkesan, sebab kemalangan ini berlaku bukan oleh pemandu yang baru mendapat lesen, pemandu yang lama juga mengalami kemalangan. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat mempunyai angka-angka yang dapat menunjukkan bahawa kemalangan berlaku kebanyakannya adalah terlibat orang yang baru mendapat lesen atau "L" lesen. Kalau ini satu hakikat memperkenalkan satu jenis lesen memandu percubaan, maka ini mungkin berkesan. Kalau ini bukan, maka tujuannya untuk mengurangkan kadar kemalangan tidak akan tercapai.

Oleh kerana itu saya bercadang supaya kita memberi pendidikan kepada rakyat Malaysia, kepada pemandu supaya apabila membawa kereta ke jalan raya mesti melalui satu cara yang baik, bersopan santun, mesti 'cool' sepanjang-panjang jalan, mesti berhati-hati, jangan sampai satu hari nanti orang kata "ini Malaysian

driver” dengan connotation yang negatif. ‘Malaysian driver’ maknanya very rough, dengan izin. Malaysian driver adalah tidak consideration, tidak prihatin tentang keselamatan orang lain. Jadi, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat supaya ini juga dapat diberikan perhatian dengan mengadakan kempen-kempen.

Walaupun kementerian telah mengadakan kempen keselamatan jalan raya dan dalam TV juga kita nampak gambar-gambar yang begitu dahsyat, pemandu mati dalam kemalangan jalan raya, saya rasa pendidikan yang lebih menyeluruh mungkin bermula dari sekolah supaya setiap rakyat diajar. Sebab rakyat Malaysia sudah kaya, tiap-tiap orang pun boleh beli kereta. Oleh kerana itu kalau melalui pendidikan, melalui satu kempen yang menyeluruh, maka semua pemandu akan lebih berhati-hati dan lebih prihatin, concern, dengan izin, terhadap keselamatan pengguna-pengguna jalan raya yang lain. Oleh kerana itu saya bercadang supaya Yang Berhormat memberi perhatian tentang hal ini.

Lagi satu perkara yang saya ingin sebut ialah tentang ‘road bully’, seperti yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat dari Kelang. Jadi, ini pun satu perkara yang menjadi buah mulut rakyat Malaysia dan kita sering membaca surat khabar bahawa road bully itu berlaku di sini dan berlaku di sana. Jadi inilah satu perkara yang serius dan saya juga berharap supaya kementerian Yang Berhormat akan mengambil satu langkah yang lebih berkesan. Pada masa ini saya nampak tidak berkesan untuk menangani masalah road bully ini, sama ada cukup undang-undang untuk mendakwa seorang road bully dan saya mencadangkan untuk pertimbangan Yang Berhormat, kalau road bully yang telah dikenal pasti dan kena caj, mungkin kereta ‘road bully’ itu ditandakan (marked) atau cat warna lain. Bila dia sampai, jauh-jauh sudah nampak “oh ini dia road bully”, dia sudah sampai,

jadi, orang lain akan berhati-hati. Jadi, itupun satu ajaran kepada ‘road bully’. Jadi, ini merupakan satu cadangan sahaja untuk pertimbangan Yang Berhormat.

Lagi satu sebab kemalangan berlaku ialah ramai pemandu juga menggunakan telefon bimbit semasa memandu. Ini pun satu fenomena yang baru. Kita sentiasa tengok seorang driver, dia memandu kereta dengan menggunakan satu tangan, dan tangan sebelah lagi menggunakan telefon. Ini memang bahaya. Jadi, bagaimana tindakan, sama ada Yang Berhormat bercadang untuk mengambil satu langkah atau tindakan untuk menghalang pemandu tidak boleh menggunakan telefon bimbit, walaupun saya sudah dengar pada masa akan datang mungkin ini akan dikuatkuasakan bahawa pemandu tidak dibenarkan untuk menggunakan telefon bimbit semasa memandu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sebut tentang speed limit yang ditetapkan pada masa sekarang ini. Tujuan untuk mengenakan speed limit atau had laju ini memang niat dan tujuan baik, supaya menasihatkan pemandu bahawa inilah tempat atau kawasan yang tidak boleh laju sangat kerana merbahaya. Tetapi di kawasan-kawasan tertentu saya nampak, walaupun jalannya lurus (straight) sahaja, tetapi nampaknya had laju 80 km sahaja. Jadi, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat cuba bayangkan, mana-mana kereta tekan minyak sahaja meternya sudah sampai 80, tekan sahaja, tidak perlu tekan kuat, jadi, kena saman.

Kalau Tuan Yang di-Pertua menggunakan jalan ke Seremban dari Highway, Tuan Yang di-Pertua akan mengalami di tempat yang dia tidak sangka dia akan kurangkan speed limit itu, tiba-tiba sampai satu kawasan yang had lajunya mesti 110 km per jam, tiba-tiba 80 km per jam. Jadi, saya minta Yang Berhormat tinjau balik, runding dengan JKR bagaimana dan apa rasionalnya, sebab

ramai kawan saya sudah sebut, minta bawa hal ini dalam Parlimen. Sebab sekarang ini accident berlaku bukan perlu 'speed' laju, tidak laju pun kena kemalangan. Tetapi untuk kawasan-kawasan yang jalannya baik, yang lurus, jadi, tidak perlu dikenakan had laju 80 km per hour.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin sebut tentang hal nombor pendaftaran sendiri. Saya tidak tahu apa tujuannya. Kalau tujuannya ialah membenarkan pemilik kereta supaya boleh gunakan nombor atau huruf dengan pilihan sendiri, maka ini adalah satu cadangan baik. Kalau pindaan akta ini adalah untuk membolehkan orang kenamaan dan orang kaya untuk memilih satu nombor pendaftaran kenderaannya, saya rasa ini tidak perlu kita bawa perkara ini untuk diluluskan. Sebab, apa yang saya nampak sekarang, nombor yang dipilih itu, kalau hendak pilih nombor 8, 9 atau nombor 1, 2, 3 dan seumpamanya, kena bayar begitu banyak wang barulah boleh tender satu nombor macam ini.

Jadi, ini bukan untuk orang biasa, bukan untuk Ahli Parlimen. Ahli Parlimen tidak mampu untuk membayar beberapa ribu ringgit - RM5,000, RM6,000 untuk mendapat satu nombor yang special. Tidak boleh, saya pun tidak mimpi akan dapat satu nombor yang baik sebab kena bayar begitu banyak wang. Jadi, kalau tujuan Yang Berhormat untuk membenarkan pemilik kereta itu memilih huruf atau nombor yang special, jadi, ini cuma akan memberi lebih banyak special treatment kepada orang kaya, untuk orang biasa tidak dapat nikmat. Jadi, saya hendak tahu apakah tujuannya? Kalau tujuannya adalah membenarkan sesiapa pun sama ada wakil rakyat, orang biasa, pekebun kecil dan semua rakyat boleh menikmati atau dapat diberi peluang untuk memilih satu angka dan satu huruf yang baik untuk mendaftarkan keretanya, itu saya bersetuju. Itu memang satu cara yang baik.

Sebenarnya kita mestilah ambil satu langkah supaya inilah tujuan kita membenarkan pemilik kereta untuk mendaftar dengan angka, dengan nombor yang special, yang dipilihnya sendiri. Jadi, kalau itu, saya setuju. Kalau hendak bayar beribu-ribu ringgit, umpamanya nama surname saya 'Hon'. Kalau misal kata saya suka angka '9', 'Hon 9' atau '9 Hon'. Hendak bayar RM10,000 mustahil untuk dapat. Jadi, saya rasa kalau ini kena bayar begitu banyak wang, jadi, saya tak setujulah untuk langkah ini. Kalau tujuan ini untuk memberi lebih peluang kepada rakyat Malaysia, tak kira siapa pun, tak kira kedudukannya, kalau dia suka, dia boleh cadangkan satu nombor yang dia pilih dengan bayaran yang nominal. Itulah satu cara yang baik. Jadi, saya minta Yang Berhormat boleh terangkan sedikit....

**Tuan Lim Si Cheng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, ada yang bangun minta jalan.

**Tuan Lim Si Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan. Kalau dengan cara itu akan membawa keuntungan hasil kepada kerajaan untuk rakyat jelata, adakah Yang Berhormat bersetuju?

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya rasa kerajaan bukan hendak cari untung dalam hal ini. Bukan untuk dapat hasil daripada pendaftaran kenderaan. Kerajaan boleh cari lebih banyak hasil daripada bidang-bidang lain, contohnya menggalakkan pembangunan ekonomi yang pesat, jadi setiap rakyat akan membayar income tax lebih banyak. Jadi, ini satu cara yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat boleh timbang balik, kerana kalau nak dapatkan nombor yang spesifik, saya rasa cara untuk pendaftaran

pun tidak akan menyusahkan orang ramai. Maknanya, melalui satu cara yang biasa boleh senang untuk mendaftarkan satu huruf atau nombor yang dipilih oleh pemilik kereta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin sebut sedikit tentang penguatkuasaan. Memang saya ucapkan tahniah kepada kakitangan atau pegawai-pegawai daripada Kementerian Pengangkutan yang telah menjalankan tugas yang begitu baik dan berkesan untuk menguatkuasakan undang-undang yang berhubung kait dengan pengangkutan. Cuma saya hendak sebut sedikit dari segi pengalaman saya sendiri, kadangkala penguatkuasaan atau 'road block' ini, tiba-tiba pegawai lompat dari tepi jalan suruh kereta berhenti. Ini sangat bahaya, Yang Berhormat. Jangan buat selalu, ini akan mengakibatkan kemalangan jalan. Jadi, saya rasa ini perlu kita tinjau kalau ini dilakukan oleh pihak polis. Saya juga berharap kementerian Yang Berhormat akan berunding dengan pihak polis dengan baik. Sebab kalau hendak buat road block, road block dengan terang, memberikan warning lebih awal lagi, khususnya di waktu malam. Tak boleh tiba-tiba lompat dari tepi jalan, senyap-senyap suruh berhenti kereta, bila sampai pun sudah lewat, lepas itu kena marah oleh pegawai mengapa tak berhenti dan sebagainya. Jadi, itu pun tidak baik.

Cara untuk memberhentikan atau melakukan pemeriksaan, saya berharap dijalankan dengan cara yang baik, dengan cara bersopan-santun, tak boleh terlalu kasar. Tunjuk lesen! Ini tidak baik. Dengan muka masam. Saya rasa semua orang setuju. Kalau hendak berhenti kereta dengan muka masam, nak buat garang, nak tunjukkan kekuatannya, dia pakai uniform nak tunjuk kekuatan untuk menahan itu dan periksa, ini tidak baik. Jadi, ini satu perkara yang Yang Berhormat kena beri perhatian menasihatkan pegawai-pegawai. Bukan semua, saya mesti akuilah. Ada yang baik, memang baik, ada yang

begitu baik, soal pun baik. Jadi, cuma sebahagian kecil sahajalah. Kalau dapat mengatasi, ini akan meningkatkan imej Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin sebut tentang cara saman yang dihantar atau saman yang dibuat. Kadangkala di kawasan saya ada orang kompelin bahawa dia telah menerima saman. Saman itu mengatakan bahawa dia telah membuat satu kesalahan. Misal kata orang Seremban, dalam saman ini menunjukkan bahawa dia telah buat satu kesalahan di PJ atau di Johor Bahru. Tetapi sebenarnya dia tak pernah pergi ke PJ. Saya ada satu contoh, sebuah traktor, orang itu bekerja di Seremban, tetapi dapat satu saman bahawa traktor telah melanggar undang-undang di PJ. Dia kata, "saya tak pernah bawa traktor saya ke PJ, bagaimana kesalahan itu berlaku?" Jadi, saya pun telefon pihak polis yang hantar saman. Lepas itu tak tahu apa cara ianya selesai.

Saya hendak bertanya, Tuan Yang di-Pertua, sama ada Kementerian Pengangkutan mempunyai satu sistem komputer yang dapat dihubungkan atau 'link' dengan polis. Jadi, ini senang, tak mungkin buat salah. Misal kata saya sebut tadi, kawan saya itu bawa traktor. Dia tak pernah pergi PJ, bagaimana dia boleh dapat saman mengatakan dia telah melanggar satu kesalahan undang-undang di PJ. Jadi, ini satu perkara yang menimbulkan tak puas hati dari kalangan rakyat. Jadi, perkara ini patut kita betulkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa inilah beberapa perkara yang ingin saya sebut. Saya yakin dan percaya dengan usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian Pengangkutan dan lain-lain kementerian, saya rasa kadar kemalangan kita dapat mengatasi dan dapat kita kurangkan. Sebab kemalangan memang satu perkara yang serius. Kita tak mahu hilang nyawa oleh kerana kemalangan. Kalau kita boleh

mengelakkan kemalangan melalui kempen, melalui sistem undang-undang dan sebagainya, maka ini satu perkara yang baik. Rakyat Malaysia, saya rasa boleh jadi seorang driver yang 'well manner', dengan izin. Tak mahu sampai satu hari nanti orang asing datang, tengok cara kita memandu, dia cakap ini 'Malaysian driver'. Maknanya, Malaysian driver tidak ada standard, "never care about safety of others", dengan izin. Jadi, kita tak mahu hal ini berlaku di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, inilah beberapa perkara saya ingin cadangkan untuk perhatian Yang Berhormat dan juga Kementerian Pengangkutan. Dengan kata-kata ini, saya juga menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sepang.

4.59 ptg.

**Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Setelah meneliti rang undang-undang meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 ini, saya merasakan agak puas hati dengan cadangan-cadangan pindaan, terutama sekali peruntukan baru dalam akta, iaitu lesen memandu percubaan yang dikenakan selama dua tahun beserta penalti-penalti yang boleh dikenakan terhadap pemegang lesen memandu percubaan dalam tempoh dua tahun itu, yang membuat sebarang bentuk kesalahan, langkah ini amat baik. Saya rasa ianya satu perubahan yang sangat positif, dan ini jelas menunjukkan sikap prihatin kerajaan dalam menyekat dari berleluasanya kejadian kemalangan di jalan raya.

Kita tentu sedia maklum bukan semua pemegang lesen memandu itu mahir mengendalikan kenderaan mereka terutamanya semasa mereka baru

mendapat lesen memandu. Dengan pelaksanaan lesen memandu percubaan ini, kita mahu lihat perubahan terhadap stail pemanduan dan tingkah laku pemandu di jalan raya di negara kita ini akan bertambah baik. Boleh kita katakan tempoh percubaan dua tahun ini sebagai tempoh latihan dan kemahiran kepada pemegang lesen memandu percubaan ini. Mereka akan lebih berhati-hati dan diharapkan menjadi lebih peka kepada keadaan di sekeliling mereka terutama semasa hujan dan sesak tambahan lagi di peringkat awal belajar memandu. Diharapkan siri kursus pemanduan berhemah akan menjadi kenyataan sedikit masa lagi.

Dengan adanya peraturan ini, ingin saya bertanya kepada kementerian, adakah pemegang lesen memandu percubaan ini akan diberikan tanda pengenalan yang boleh diletakkan di kenderaan sama seperti tanda 'L' ataupun tanda-tanda lain yang sama takrifnya seperti tanda 'L' agar mudah bagi pemandu kenderaan yang punya lesen memandu tetap mengenali pemandu lesen percubaan ini? Sekiranya ada, minta Menteri terangkan atau describe, dengan izin, rupa bentuknya. Sekiranya tidak ada tanda pengenalan, adakah ianya akan dibuat? Ini kerana sekiranya lesen percubaan ini hanya boleh dibezakan pada reka bentuk lesennya sahaja, pada pandangan saya, tidak mencukupi untuk menjaga keselamatan di jalan raya kerana pemandu kenderaan motor lain tidak dapat membezakan mana satu kenderaan yang dipandu oleh pemegang lesen percubaan dan pemegang lesen tetap.

Andaian mereka akan sama sahaja dan pemegang lesen percubaan mungkin tidak akan dapat didisiplinkan secara keseluruhan dan maksimum sekiranya mereka tidak dapat dikenal pasti dengan serta-merta di mata kasar. Sekiranya diberi tanda seperti tanda 'L' mungkin pemegang lesen percubaan ini akan merasa segan sedikit semasa memandu di jalan raya



dan pastinya pengawalan tingkah laku semasa memandu dan penanaman sikap positif dapat diserapkan melalui cara ini. Cadangan tadi adalah sebagai tambahan sampingan yang penting terhadap hukuman-hukuman yang diperuntukkan di seksyen 35A rang undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 35A memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk membatalkan lesen memandu percubaan sekiranya seseorang itu terbukti—

- (i) bahawa tidak menjadi kepentingan untuk keselamatan awam bagi seseorang itu memegang lesen memandu; atau
- (ii) bahawa seseorang itu tidak kompeten untuk memandu sesuatu kenderaan bermotor.

Di mana kedua-dua sebab tadi ditetapkan melalui satu sistem pemberian mata terhadap seseorang kerana melakukan sesuatu kesalahan di bawah akta ini dan seseorang pemegang lesen memandu percubaan boleh dibatalkan dan dihilangkan kelayakan setelah ada satu perintah mahkamah dikeluarkan terhadap seseorang itu.

Kedua-dua kaedah ini amat baik sekali. Namun begitu, ada sedikit kekosongan pada seksyen 35A(5) iaitu tempoh masa yang disebutkan dalam perintah mahkamah tidak ditetapkan. Sama ada tempoh masa ini diletakkan di bawah budi bicara mahkamah ataupun tidak, adalah tidak jelas. Oleh itu, adalah lebih baik sekiranya tempoh masa lesen memandu percubaan seseorang yang dibatalkan dan dihilangkan kelayakan melalui perintah mahkamah dijelaskan tempoh minimum dan maksimumnya dalam akta ini bagi mengelakkan kekeliruan ataupun ketidakadilan sama ada kepada pemegang lesen percubaan itu, mahupun orang awam.

Saya ingin meminta penjelasan sama ada peruntukan lesen memandu percubaan

ini akan terpakai dan berkuatkuasa kepada semua jenis kenderaan motor termasuk bakal-bakal pemegang lesen kenderaan perdagangan dan kenderaan perkhidmatan awam seperti ditakrifkan di seksyen 2 Akta Pengangkutan Jalan 1987. Ini penting kerana biasanya tanggapan orang ramai hanya tertumpu kepada pemandu kenderaan motor seperti kereta dan van persendirian dan motosikal sahaja, tidak melewati kenderaan motor lain seperti kenderaan berat, lori, treler dan bas.

Saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada kerajaan yang amat sensitif terhadap kualiti pemandu-pemandu kenderaan di negara ini dengan cara mengenalkan peruntukan lesen memandu percubaan berserta hukuman-hukumannya. Namun begitu, saya sarankan agar peruntukan yang baik ini dilaksanakan dengan sebaik-baiknya kerana undang-undang tanpa pelaksanaan yang berkesan tidak membawa erti. Kita tidak mahu perkara ini dibuat seperti "hangat-hangat tahi ayam" sahaja. Tidak bersungguh-sungguh ataupun seperti "melepas batuk di tangga sahaja."

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peruntukan seksyen 11A yang memberi kuasa kepada sesiapa untuk mencadangkan nombor pendaftarannya sendiri, pada pandangan saya sebagai satu langkah yang positif kepada freedom of choice, dengan izin, kepada rakyat. Pengenalan nombor daftar persendirian yang akan dikendalikan oleh syarikat swasta ini walaupun satu perubahan yang akan disambut baik oleh sebilangan orang ramai, namun saya meminta kementerian agar membuat peraturan yang tegas mengenai syarat-syarat untuk perkataan-perkataan pada nombor pendaftaran kenderaan.

Antara lainnya, saya sarankan agar perkataan-perkataan tadi melambangkan negara Malaysia iaitu tidak menggunakan nama-nama atau huruf-huruf yang membawa erti asing atau alien, dengan izin, dari penggunaan perkataan yang membawa erti ataupun sensitif.

Saya juga sarankan agar ada syarat-syarat yang melarang penggunaan perkataan yang bertindih ataupun satu nombor pendaftaran digunakan oleh lebih dari satu kenderaan. Di samping itu, saya sarankan supaya peruntukan ini tidak dijadikan atau digunakan untuk golongan tertentu sahaja untuk kepentingan kedudukan seseorang.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh di sini berhubung dengan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak di kenderaan bermotor yang membawa kanak-kanak di bawah umur 7 tahun. Tidak ada peruntukan yang dibuat di bawah akta ini yang mewajibkan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak semasa membawa kanak-kanak dalam kenderaan walaupun ada terdapat kempen penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak yang disiarkan melalui televisyen. Tidakkah kerajaan bercadang untuk mewajibkan penggunaan kerusi keselamatan ini seperti yang dilakukan semasa mewajibkan penggunaan tali pinggang keledar dahulu?

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Segambut.

**5.08 ptg.**

**Dr. Tan Kee Kwong (Segambut):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam membahaskan perkara ini iaitu Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1996.

Jalan Raya Utara-Selatan sangat bagus dan canggih tetapi di kebanyakan tempat maintainencenya kurang. Adalah lagi satu perkara iaitu cadangan kutipan tol akan naik. Saya ingat cadangan menaikkan kutipan tol ini tidak adil sebab banyak

utiliti lain sudah naik dan jikalau kadar tol naik, susah kepada semua warganegara. Jikalau kerajaan mahu naikkan kadar tol, sepatutnya sedikit dan pengangkutan awam iaitu seperti teksi atau bas tidak termasuk dalam cadangan ini.

Lagi satu perkara iaitu had kelajuan (speed limit) di jalan raya. Tadi sahabat saya Yang Berhormat dari Seremban ada menyentuh perkara ini.

Lagi satu example iaitu di Jalan Kuching, di hadapan Bank Negara, speed limit iaitu 50 kilometer. Saya ingat ini daripada sejarah British, 50 kilometer lebih kurang 30 miles per hour. Tetapi kereta sekarang horse powernya besar dan jikalau Polis Trafik selalu mahu menangkap orang yang memandu melebihi 50 kilometer, tiap-tiap orang yang menggunakan Jalan Kuching tiap-tiap hari boleh ditangkap.

Mengenai kelajuan terhad, contohnya Sungai Besi sampai ke Seremban. Sekarang di banyak tempat laju terhad ialah 90 kilometer - sangat kurang. Saya sendiri kadang-kadang pergi ke Melaka dan selepas membuat business atau main golf saya balik memandu kereta sendiri, selepas makan tengahari dan musim panas selalu mengantuk dan saya dapati ada kemalangan. Saya ingat laju terhad sepatutnya 110 kilometer.

Lagi satu perkara ialah samseng jalan raya. Dua bulan dahulu semua surat khabar ada memberi publisiti kes 'samseng' jalan raya di Taman Sri Segambut, Kuala Lumpur. Sebelum kes samseng jalan raya ini, beberapa orang tidak tahu di mana Taman Sri Segambut, tetapi Taman Sri Segambut ialah di kawasan saya dan dekat Jinjang Selatan. Apa sebabnya?

- (i) Jalan di Taman Sri Segambut sangat sempit, design dan perancangan kurang baik.
- (ii) Orang berkenaan (dua parti) petang itu kurang sabar.

- (iii) Hukuman sekarang sangat ringan.
- (iv) Jalan-jalan di Kuala Lumpur selalu sesak.

Baru-baru ini saya dengar satu kes, seorang bangsa Cina yang berumur 50 tahun, bila dia membawa kereta, diserang lemah jantung dan meninggal dunia. Saya ada beberapa cadangan untuk menyelesaikan kes-kes samseng jalan raya iaitu, jalan-jalan di taman perlu perancangan yang sesuai dan baik. Contohnya Taman Sri Segambut, tetapi ada lain taman di kawasan saya seperti Taman Seri Sinar atau Taman Muda lagi teruk, kempen-kempen di TV, akhbar dan radio selalu mahu mengajar orang sabar. Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen hendak jawab hukuman iaitu tidak cukup kuat.

Kes-kes jalan raya, macam kes serius di Taman Sri Segambut itu, hendaklah ada caj dan kena hukum—

- (i) Gantung lesen memandu 10 tahun atau lebih, sebab carpenter di Taman Sri Segambut dia hendak menggunakan lesen pemandu untuk mencari makan. Kalau lesennya kena gantung 10 tahun, dia ingat bukan dua kali, tetapi 10 kali sebelum membuat macam itu.
- (ii) Jikalau caj kena 10 rotan (stroke).
- (iii) Hukuman penjara berat 10 tahun atau lebih.

Dengan itu, saya mengalu-alukan pindaan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Jelebu.

5.16 ptg.

**Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu):**  
Tuan Yang di-Pertua, saya juga

sebagaimana rakan-rakan yang lain bangun untuk menyatakan sokongan ke atas Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987, yang telah dipanjang dan dibawa oleh Kementerian Pengangkutan bagi dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, ramai rakan telah menyatakan juga sokongan kepada pindaan ini dan apa yang saya ingin nyatakan ialah mengucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian yang telah merangka dengan begitu baik dan teliti tentang pindaan-pindaan yang telah dikenal pasti selepas beberapa kajian dibuat ke atas cadangan pindaan ini. Dengan harapan apabila pindaan ini dicadangkan dan diluluskan ianya akan dapat sebanyak sedikit meningkatkan lagi taraf dan juga kualiti pemanduan dan juga pemandu-pemandu yang dilahirkan di negara kita ini sekurang-kurangnya akan dapat menampung dan mengatasi permasalahan yang terkini, iaitu untuk menghapuskan imej negara Malaysia sebagai salah satu negara yang di dalam lingkungan 10 negara yang banyak mengalami kemalangan maut.

Tuan Yang di-Pertua, di atas langkah yang telah dikemukakan dan dibuat oleh kementerian ini, maka saya berharap di atas pindaan-pindaan yang dicadangkan itu akan dapat terus mengekalkan jabatan ini sebagai salah satu jabatan yang ketiga terbanyaknya menyumbangkan hasil kutipan kepada negara kita selepas Jabatan Hasil Dalam Negeri dan juga Jabatan Kastam.

Contoh yang begitu jelas pada tahun 1995, Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pengangkutan Jalan telah pun mengutip lebih daripada RM1.18 bilion melalui beberapa program yang telah dijalankan oleh jabatan, ini merangkumi aktiviti-aktiviti pelesenan pemandu, pendaftaran dan juga lesen kenderaan motor, kompaun, saman, tukar milik, tender nombor dan

sebagainya. Jadi, dengan cadangan untuk menswastakan Bahagian Pendaftaran dan Pelesenan Kenderaan Kereta-Motor ini, lebih daripada 80% daripada aktiviti yang dijalankan oleh jabatan ini dengan hasil yang lebih daripada RM1.4 bilion akan diambil alih oleh pihak swasta. Makanya jabatan ini lama kelamaan akan berkurangan segi tugas dan juga tanggungjawabnya untuk mengatasi masalah dan juga layanan-layanan kepada masyarakat dan juga orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cadangan yang telah dikemukakan saya menyatakan sokongan kerana sebagaimana rakan-rakan sebutkan tadi terutamanya dengan adanya Seksyen 11A akan dicadangkan supaya seseorang itu boleh mengenal pasti nombor dan juga nombor yang diminati.

Satu perkara yang harus kita ingat Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya peluang yang sedemikian untuk memberikan peluang kepada orang ramai dan bakal pemandu dan juga pemilik kenderaan untuk memiliki nombor-nombor yang diminati. Saya berharap kementerian melalui jabatan akan dapat mengawal dengan sebaik-baik mungkin di atas penyelewengan yang mungkin akan berlaku di dalam mendapatkan nombor yang dikehendaki. Kemungkinan proses tender juga akan dibuat dan penetapan harga yang begitu tinggi akan ditentukan, namun kita berharap sebagaimana harapan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain agar apa yang dilancarkan oleh kerajaan ini akan memberi faedah yang baik kepada masyarakat dan juga pengguna-pengguna jalan raya.

Kita melihat bahawa dalam proses mendapatkan nombor yang terbaik sekarang ini jabatan telah pun mengadakan sistem tender terbuka dan kita dapati hasil daripada tender itu, jabatan telah pun mengumpulkan lebih daripada RM38 juta untuk hasil bayaran nombor sahaja pada tahun lepas.

Saya bimbang dan kuarir dengan adanya pindaan ini kemungkinan pihak yang menenderkan nombor ini nanti akan menentukan siling, misal kata saya berminat dengan nama saya untuk dipamerkan dan nombor dipamerkan 'Yunus I' umpamanya, kemungkinan akan ditentukan RM100,000 yang pertama. Apabila saya ingin membeli satu kereta yang lain, akan diletakkan juga 'Yunus 2', mungkin RM50,000 akan ditambah pula supaya Yunus yang lain tidak boleh menggunakan 'Yunus I' ataupun 'Yunus II'.

Jadi, tentunya pihak yang akan mengemukakan tender ini akan menentukan satu tingkat harga yang kemungkinan tidak boleh dirasakan oleh semua orang. Oleh itulah saya mohon supaya pihak jabatan dan kementerian khasnya akan mengawal kadar harga yang berpatutan, yang boleh dirasai oleh mereka yang bekemampuan dan yang kurang berkemampuan.

Sebagaimana rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga, saya menunjukkan rasa kekhuatiran mungkin perkara ini akan tidak dapat dilaksanakan dengan secara yang baik dan begitu juga dengan kawalan perkataan-perkataan yang berbentuk lucah dan hodoh yang tidak boleh sama sekali diizinkan. Kerana di dalam peraturan ini, peruntukan ini tidak disebutkan apakah bentuk-bentuk perkataan yang sepatutnya tidak boleh dipohon ataupun diminta bagi dipamerkan pada nombor kenderaan-kenderaan yang berkenaan?

Tuan Yang di-Pertua, walaupun begitu, mengenai pindaan untuk menggunakan nombor lama kepada kenderaan yang lama, kalau sekarang RTA 87 memperuntukkan supaya nombor yang lama itu hanya boleh disimpan apabila seseorang pemilik itu mendaftarkan kenderaannya kepada satu kenderaan yang baru dengan proses pendaftaran semula ataupun interchange, dengan izin, barulah seseorang itu boleh

menyimpan dan menggunakan nombor pendaftarannya yang lain.

Tetapi dengan adanya pindaan ini, seseorang itu boleh dan dibolehkan untuk menyimpan nombor yang lama dan juga memindahkan nombor yang lama kepada kenderaan yang lama. Misal katanya seseorang itu mempunyai nombor 'BCA 12' umpamanya, dia ingin membeli sebuah kereta second-hand, dengan izin, dia boleh memindahkan nombor berkenaan kepada nombor kenderaan yang dibeli.

Jadi, ini merupakan satu langkah yang baik kerana seseorang pembeli ataupun bakal pemilik kenderaan tidak terbatas dan tidak terikat dengan peraturan yang sebagaimana sekarang ini. Inilah satu langkah yang baik, yang harus dapat diberikan sokongan kerana semua orang memang tidak mampu untuk membeli kenderaan yang baru. Kemungkinan mereka akan membeli kenderaan-kenderaan terpakai yang mana nombor yang tertentu yang diingini akan cuba dipohon untuk diletakkan pada kenderaan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, dengan pindaan-pindaan yang lain, saya memang memberikan sokongan dan berharap jabatan ini akan dapat menjalankan tugas-tugas kawal selia yang begitu berkesan, walaupun selepas Bahagian Pendaftaran dan Pelesenan Kereta Motor ini akan diswastakan, haruslah diberikan tumpuan dan kawal selia yang baik dan berkesan. Kita tidak mahu sebarang penyelewengan dan juga bentuk tugas yang tidak menentu akan berlaku. Kita tidak mahu keadaan yang berlaku pada hari ini sepertimana pemeriksaan kenderaan perdagangan dan KPA yang dilakukan oleh pihak Puspakom, yang sentiasa mendapat rungutan orang ramai akan terus memberikan masalah kepada pengguna-pengguna dan juga pemilik-pemilik kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku, walaupun bahagian ini akan diswastakan nanti, mungkin oleh syarikat yang sama ianya haruslah mempunyai peraturan-peraturan untuk kepentingan orang ramai, bukannya untuk kepentingan syarikat ataupun diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan memperkenalkan lesen prasad ataupun lesen percubaan selama dua tahun, kita mengucapkan syabas dan tahniah kepada jabatan dan juga kementerian kerana telah memikirkan melalui kajian-kajian yang telah dibuat, umpamanya kajian-kajian yang juga dilakukan di Australia dan sebagainya, yang telah lama menggunakan sistem ini dan didapati berkesan.

Walau bagaimanapun, saya berharap jabatan akan mengambil langkah-langkah yang terperinci sebelum sesuatu tindakan ini dapat dilakukan dan apakah tindakan-tindakan yang harus dilakukan selepas ini, sebelum sistem ini dapat dilaksanakan. Tentunya jabatan telah memikirkan dengan cara yang terperinci apakah tindakan dan langkah-langkah yang perlu dan bagaimanakah sistem ini akan dapat berjalan dengan baiknya?

Saya berpendapat sistem ini akan dapat mendidik dan juga membentuk kesedaran dari segi pendidikan kepada bakal-bakal pemandu yang sah dan juga pemilik-pemilik kenderaan dan juga pemegang-pemegang pemandu yang sah, selepas mereka dikenakan tempoh selama dua tahun untuk menjalani tempoh percubaan bagi memandu kenderaan yang diizinkan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, sebelum kita melaksanakan sistem ini, saya ingin menekankan supaya Jabatan Pengangkutan Jalan melalui sistem pengujian pemandunya, Bahagian Pelesenan dan Pengujian Pemandu akan dapat memberikan tumpuan dan juga pemerhatian kepada soal-soal pendidikan, pembelajaran dan juga pengujian kepada bakal-bakal pemandu ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku pada hari ini, kita melihat penyelewengan dan juga permasalahan yang sentiasa berleluasa, yang sentiasa berpanjangan apabila JPJ memperkenalkan sistem pemanduan berhemat, sistem ujian "Adilkap", sistem ceramah dan sebagainya. Jadi, kita dapati banyak penyelewengan-penyelewengan yang dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dengan hanya memikirkan soal keuntungan dan juga faedah peribadi dan membelakangkan sistem dan juga undang-undang yang ada.

Kita dapati pada hari ini ramai orang yang tertipu, ramai bilangan pemandu-pemandu kenderaan yang tidak sah pada keadaan sebenarnya, telah tertipu kerana ada peranan yang tidak bertanggungjawab yang dimainkan oleh pihak-pihak yang berkenaan terutamanya kumpulan-kumpulan yang memperniagakan lesen memandu yang tidak sah.

Terdapat beberapa pihak yang terlibat baik di dalam mahupun di luar daripada JPJ dan kita berharap mereka ini akan dapat diberikan hukuman yang sewajarnya dan yang setimpal kerana tindakan mereka ini telah memperdayakan kerajaan, telah memperdayakan pihak orang ramai dan juga telah mendedahkan seolah-olah Jabatan Pengangkutan Jalan ini satu jabatan yang 'corruption', dengan izin.

Peranan mereka ini begitu halus dan juga licin; dengan peranan yang tidak bertanggungjawab ini, pihak jabatan telah menerima tamparan dan juga gambaran yang negatif daripada pihak orang ramai.

Saya berharap dengan adanya sistem, walaupun mungkin selepas ini akan diperbaiki, umpamanya perlu saya sebutkan, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana pernah saya sebutkan, sistem ujian bertulis haruslah dikaji semula. Walaupun kementerian dan juga Yang Berhormat telah pun memperkatakan

"kementerian akan mengambil perhatian", saya mahu benar-benar selepas ini diambil perhatian.

Saya memang memahami keadaan ini dan dengan pengalaman yang ada di dalam jabatan ini, saya dapat merasakan bahawa soalan-soalan yang ada di dalam Kurikulum Baru Sekolah Memandu (KBSM) ini amatlah susah untuk mereka yang tak bersekolah.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana mungkin kita dapat memberikan markah 42/50 kepada mereka yang langsung tidak tahu membaca, walaupun sepuluh kali, dua belas kali telah menduduki peperiksaan. Apakah tidak boleh kita memikirkan semula cara yang agak paling mudah, yang tidak begitu memberikan kelonggaran yang begitu secara 100%, kemungkinan dengan sistem yang lama ataupun ditambahkan lagi dengan sistem yang baru supaya soalan yang 50 itu dikurangkan untuk orang-orang yang benar-benar tidak tahu menulis dan membaca ataupun separa tahu? Umpamanya masyarakat kampung yang di hulu-hulu, masyarakat Orang Asli, kaum-kaum India di estet, orang-orang Cina, kaum-kaum Cina di kampung-kampung baru dan sebagainya. Kerana saya sendiri mengalami keadaan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat tidak memikirkan, seseorang yang tidak tahu menulis dan membaca itu tidak patut diberi lesen memandu?

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak beri langsung, rugi kita, kerajaan rugi, kerana mereka ini juga membawa motosikal, juga memandu kereta tanpa diketahui oleh pihak yang berkuasa. Umpamanya, kumpulan Orang-orang Asli di perkampung ulu. Mereka ini kadang-kadang ada duit hendak membeli motor-motor second-handlah. Tetapi road taxnya

tidak ada, lesen memandu pun tidak ada, insuran pun tidak ada. Walaupun lesen memandu tidak ada, mereka akan gunakan motosikal ini untuk mencari petai, damar, rotan, menoreh getah dan sebagainya. Ini berlaku.

Pun begitu juga di kawasan perkampungan ataupun penempatan FELDA. Walaupun mereka ini menggunakan motosikal yang agak uzur dan tidak sempurna, tetapi mereka membawa motosikal ini untuk mencari rezki.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bukankah yang memandu bukan di atas public road itu tidak payah menggunakan lesen?

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun tidak memerlukan lesen pada seseorang yang memandu di dalam kawasan private road ataupun di dalam kawasan persendirian, tetapi kalau kawasan itu menjadi laluan awam, umpamanya di kawasan FELDA yang juga kadang-kadang terdapat kenderaan pengangkutan awam melalui jalan berkenaan untuk menghubungkan antara satu perkampungan dengan satu perkampungan yang lain melalui laluan tersebut, jadi, apabila berlaku sesuatu kemalangan di kawasan berkenaan saya berpendapat mereka akan didakwa juga apabila di dapati bersalah.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, tentang soal lesen dan orang yang tidak tahu membaca, saya hendak minta penjelasan daripada Jelebu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Membaca dan menulis.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Oleh kerana beliau pernah menjadi Pengarah JPJ, berapa peratuskah mereka yang memiliki motosikal, yang mempunyai lesen motosikal tetapi tidak boleh membaca.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, untuk memberikan statistik yang tepat mungkin saya tidak boleh memberikannya, tetapi melalui pengalaman saya dan juga pemerhatian-pemerhatian pihak berkuasa, lebih daripada 30% saya jangkakan, sesuatu kampung itu, kalau kita ambil ukuran di kampung, daripada total seluruh pemandu-pemandu ataupun pemilik kenderaan tidak mempunyai lesen memandu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat di kawasan-kawasan FELDA, yang berumur 11 tahun pun sudah membawa motor. Di kawasan-kawasan kampung tradisional, umpamanya, saya mohonkan supaya perkara ini kalau boleh dikaji semula. Bukan bermakna kita hendak memberikan cara yang mudah kepada bakal pemandu untuk memiliki lesen, tetapi cuba Tuan Yang di-Pertua bayangkan, seseorang bakal pemandu itu sebelum hendak mendapatkan lesen, pertamanya dia terpaksa menghadiri kursus pemanduan berhemat. Kursus pemanduan berhemat ini RM5.00 bayarannya satu jam - minimum. Jangka waktu yang wajib diikuti ialah 5 jam— $5 \times 5 = \text{RM}25.00$ . Belum apa-apa lagi sudah bayar RM25.00. Ada di sesetengah tempat, RM50.00 pun ada.

Kemungkinan di dalam proses ini untuk mendapatkan satu sijil pemanduan berhemat itu ada pihak yang tidak payah masuk ke kelas. Cara beli sahaja, oleh kerana terdapat penyelewengan yang dilakukan oleh pusat pemanduan berhemat, oleh pihak swasta, pihak sekolah-sekolah memandu, kemudian itu dia terpaksa membeli kad RM10.00 untuk ujian bertulis ataupun ujian lisan - sudah

RM35.00. Jadi, tentu ataupun tidaknya lulus, belum tahu lagi.

Sekiranya syarat yang ada sekarang ini - saya memang setuju dengan syarat yang ada sekarang ini. Sekiranya umur 40 tahun ke bawah, walaupun dia tidak pandai membaca dan menulis, dia dikehendaki mengambil ujian secara bertulis - walaupun tidak tahu membaca dan menulis, tetapi umurnya 40 tahun ke bawah kena 'sit' lagi ujian bertulis. Sekiranya 3 kali gagal, baru boleh diberikan ujian lisan. Tetapi soalan ujian lisan ini dari buku yang sama juga. Soalan 50 kena lulus 42, 41 pun tidak boleh. Soalnya 50, jawapannya 150, pilih 42 daripada 150 jawapan barulah lulus. Satu soalan 3 jawapan - A.B.C. - tanda sahaja, mesti lulus 42/50 - baru lulus. Itu untuk ujian bertulis dan ujian secara lisan pun begitu juga - 42. Kalau dahulu kita hanya mempunyai 20 soalan, 5 gambar, 5 tanda isyarat dan 10 soalan cara oral - markah lulusnya 12/20, kalau tidak silap saya.

Jadi, apa yang saya hendak sarankan, kalau boleh ianya dikaji semula bagaimanakah cara untuk kita memberikan kefahaman kepada mereka yang tidak tahu menulis ini. Kalau pun ada satu sistem atau kaedah yang dibuat sekarang ini - mungkin, selepas saya keluar daripada JPJ, saya tidak tahulah, kemungkinan ada pihak sekolah memandu yang advance, yang menyediakan pakar untuk mengenal pasti orang ini tahu membaca ataupun tidak tahu menulis - dia tahu, dia tengok sahaja, dia tahu. Ataupun pakar orang bisu umpamanya, cara dia mengajar orang bisu ini bakal menjadi pemandu.

Macam Yang Berhormat Yan cakap dahulu dalam isyarat orang-orang bisu dalam TV, jadi, dia ada pakarnya, tetapi adakah semua institut memandu yang sanggup menyediakan pakar ini? Ini persoalannya, tetapi banyak dan ada orang-orang bisu yang berkebolehan untuk memandu. Apatah lagi orang-orang yang

tidak bersekolah. Di kampung-kampung benda ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga dengan orang pekak, orang pekak pun ada juga yang memandu, tetapi kriteria manakah yang akan kita gunakan dan cara manakah yang akan institut memandu akan gunakan untuk mengklasifikasikan mereka ini cara mana untuk mengambil ujian. Mungkin dengan sistem komputer yang terkini.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya, saya minta supaya kita boleh menguatkuasakan undang-undang, tetapi lagi ketat kita buat, lagi banyak penyelewengan yang berlaku. Mana yang kita hendak? Kita hendak hasil kepada jabatan dan dapat memberikan lesen-lesen yang sah kepada orang ramai daripada kita mengetatkan undang-undang dan orang ramai mendapat lesen secara yang tidak sah. Banyak penyelewengan. Ada pihak yang menjual lesen dengan kelas "D" dan kelas "E"nya, bayar RM1,000 untuk tempoh 5 tahun, tetapi apabila tamat tempoh 5 tahun seseorang itu cuba membaharui lesen mereka, JPJ kata tidak ada rekod.

Komputer telah menunjukkan tidak ada rekod, rekod tidak sah. Ini berlaku, banyak yang berlaku dan di pejabat saya yang dulu. Kes ini banyak berlaku, bukan pejabat saya yang mengeluarkan. Tapi pihak orang di luar datang membaharui lesen di pejabat kecil Bentong, kita tengok rekod tak boleh, tak boleh masuk tapi ada sindiket yang memproses lesen ini dan boleh di bayar. Apabila kita tangkap, tak sempat kita hukum lagi dia dah mati, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, inilah bahananya, itu dault orang Jelebu, jadi dia tension terus mati. Dua kali perkara ini berlaku, satu masalah lesen memandu dan satu masalah ketidak bertanggungjawab beliau di alam menguruskan hasil-hasil kerajaan. Kenderaan yang berkuasa disel diberikan road tax yang berkuasa petrol, tangkap



juga sakit tiga bulan. Inilah yang berlaku penyelewengan yang saya hendak kata. Ini pengalaman, apabila saya mengetuai Jabatan JPJ, di Cawangan Raub dulu.

Banyak lagi pengalaman yang saya hadapi dan inilah yang dapat saya suarakan dan saya berharaplah supaya jabatan ini akan mengkaji semula sistem pengujian secara bertulis dan juga lisan, walaupun sekarang ini di praktikkan 50 soalan satu setengah jam untuk yang tidak tahu membaca dan menulis, tetapi cara mana untuk kita memberikan dapat mempengaruhi bakal pemandu dengan kelulusan 42/50.

Walaupun kita berikan masa satu setengah jam. Apabila seorang pegawai itu membacakan soalan satu sekian, sekian, jawab apa? ABC, A atau B atau C. Dia dengar pun pening kepala. Buku diberikan kepada bakal pemandu, dia tak tahu membaca tak tahu apa pun. Kita bacakan dia dengar aja. Baca satu soalan satu. Apakah perkara-perkara yang dianggap gangguan kecil? Itu umpamanya?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Parit Sulong.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dan hendak bertanya dengan pakar JPJ, daripada pandangan beliau. Apakah sistem yang dijalankan di negeri-negeri lain untuk orang yang tak boleh menulis, orang yang pekak, bisu? Adakah di negeri lain dia dapat mengemukakan satu modul yang boleh dijadikan contoh umpamanya, atau perbandingan untuk Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Saya ingat ini biar Setiausaha Parlimen jawab. Saya hendak jawab pun tak kena, nanti Yang Berhormat Setiausaha Parlimen terasa hati, jadi hendak rosakkan hati kawan-kawan ni tak baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohonlah supaya perkara ini dapat dikaji. Dulu, memang saya terpaksa ikut sebab saya hanya boleh mempersetujui daripada atas tapi sekarang apabila saya dapat menyuarakan pendapat bagi pihak rakan-rakan di sebelah kanan saya tu, pakar JPJ semua tu. Sebenarnya, mereka pun tak suka tu, tapi terpaksa dibuat. Yang teraniaya di peringkat perlaksana, di peringkat jabatan-jabatan, di peringkat negeri dan cawangan dan pejabat-pejabat kecil. Ibu Pejabat hanya membuat dasar, kita hendak melaksanakan susah, hari-hari didatangi oleh orang, "tolonglah encik, tolonglah 41 tak boleh ke hendak lulus?". Kita kata, tak boleh! Memang tak bolehlah. Sebab, dia hanya dikira lulus - 42/50. Jadi, inilah yang saya minta supaya ujian soalan-soalan bagi buku untuk ujian cara bertulis dan cara lisan ini dapat dibezakan. Janganlah sampai 50 soalan Tuan Yang di-Pertua, orang dah 45 tahun 50 tahun 60 tahun duduk, pegang pensil pun menggeletar. Tapi dia sekarang ni, bawa motor, pergi motong getah - orang kampung.

**Tuan Lim Si Cheng:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun.

**Tuan Lim Si Cheng:** Daripada apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, kalau pakai pensil tangan sudah goyang macam maca hendak bawa steering.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dia ni bawa motosikal. Banyak orang kampung bawa motosikal, yang bawa kereta ini jarang sangatlah. Tapi oleh kerana dia sedar bahawa dia salah ni, dia salah. Dulu, ada lesen B3 Tuan Yang di-Pertua, B3, B3 renew barukan B3, ada juga B3 tak payah ujilah dapat lesen B3. B3 boleh bawa motorlah bawah dari 250CC tak silap. Kurang daripada 250CC boleh, B3 ini boleh bawak, tak payah uji tak payah

pergi kursus, tak payah duduk ujian dapat B3 tapi, ditarik balik. Jadi, mereka ni dulu orang yang 60 tahun pegang B3. Tapi oleh kerana dia sudah biasa ada lesen sekarang dia memandu tak ada lesen, sebab itu dia datang ke pejabat hendak mintak cara mana. Kemudian dia pergi kursus. Bayar RM25, beli RM10 untuk test card dan masuk ujian. Kita nak beri cara bertulis dia tak tahu membaca. Tapi dah pioneer bawa motor, dah lama, dan memang itulah kerja dia pun. Jadi, kita terpaksa bagi cara lisan. Dia kurang pendengaran hendak baca pun kelabu. Jadi, kita terpaksa nak tunjuk macam mana. Pak Cik, pilih yang mana satu A, B ataupun C. Dia pun keliru sampai 10 soalan okaylah 11 soalan sampai ke 50 soalan kelabulah. Lama-lama dia give-up keluar. Balik, dia bawa motosikal balik.

Jadi, hasrat kita untuk menolong orang-orang macam ni tak tercapai. Kalau yang rajin tu 3 kali 4 kali datang ujian tapi tak lulus juga. Jadi, inilah sebab. Kalau dulu pada saya dia tahu orang kampung ni, tanda orang bertongkat tu, apa dia. Ini laluan orang-orang cacat, yang tanda merah putih tengah apa dia, tak boleh masuk. Kata dia, dia tahu. Tetapi di dalam buku, tak tahu. Dia tak tahu baca. Tapi, kalau kita tanya tanda keselamatan jalanraya, dia faham, dia tahu. Tanda muncung macam hon, ini tandanya apa Pak Cik, tak boleh bunyi hon, kata dia. Dia tahu. Tapi bila kita tanya soalan A, B ataupun C pilih satu, dia kelabu. Jadi, inilah yang saya rasa harus ditekankan supaya kita jangan menekan sangatlah. Kita mudahkan sikit, jangan kita menyusahkan orang. Kalau kita hendak melahirkan pemandu yang berhemat okay kita bagi kursus tak apa. Kursus RM25 dia bayar, bayar lagi RM10, okay bayar RM10 untuk duduk ujian, tetapi soalan itu hendaklah dipermudahkan.

Saya tidak yakin, Tuan Yang di-Pertua, seluruh yang duduk ujian itu akan faham apabila dan dapat mempraktik undang-

undang apabila dia keluar. Dia cuma baca itu untuk lulus, lepas itu dia tak pedulilah. Jadi, inilah sikap-sikap tak puas hati dan sebagainya dan ada juga yang tidak boleh kita nafikan Tuan Yang di-Pertua, cara yang dapat lesen nak lulus ni, ada juga penyelewengan yang berlaku. Lagi ketat kita buat peraturan, lagi banyak penyelewengan dan penipuan. Cara mana kita hendak memeriksa dan juga mengawal dalam keadaan yang sedemikian? Saya rasa amat susah, sebab manusia. Manusia yang mengendalikan sistem. Kalau robot, itu tak tahulah.

Sebab itulah, saya menyarankan yang untuk sekolah belajar okaylah, tak ada masalah tapi yang tak belajar, yang tak cukup pelajaran. Yang langsung buta huruf dan sebagainya. Saya dulu buat ujian untuk Orang-orang Asli, tapi kita memberikan kerjasamalah. Untuk Orang Asli Tuan Yang di-Pertua, "aku" dia kata, "tak bagi lesen pun aku bawa juga motor, inilah mata pencarian aku" dia kata, dengan izin. Jadi, inilah.— Sebab itu, saya merangka program-program di luar sesen, pergi ke kawasan peneroka, di FELDA, kawasan tradisional dan kampung-kampung Orang Asli. Sampai sekarang pun sistem itu dilaksanakan di Pahang. Tempat lain saya tak tahulah.

Apabila ada permintaan daripada ketua masyarakat untuk menjalankan sistem ujian motosikal—dahulu sebab di Raub istimewa sedikit, sistem penggunaan liter dia tak pakai walaupun litarnya berharga lebih daripada RM50,000 sudah siap, sebab tak mengikut spesifikasi yang diluluskan. Sekarang saya tak tahulah. Sebab itu kita dapat peluang untuk membuat ujian berkelompok di kawasan-kawasan perkampungan, termasuk di kawasan-kawasan Orang Asli. Mereka boleh buat, tetapi kena mudahkan sedikit caralah. Kita kena cakap bahasa pasar sedikit. Soalan itu kita cakap bahasa pasar.

Sebab itu saya kata, jangan kita susahkan. Yang pentingnya mereka hendak lesen, hasil dapat pada kita. Kalau tidak pun, bukannya dia datang ke Kuala Lumpur, datang ke Seremban, datang ke Ipoh sehari-hari. Dia tak pergi ke bandar punya! Dia duduk di kawasan-kawasan kampung sahaja. Jadi, kita mudahkan. Jangan kita seksa mereka. Kalau kita menyusahkan orang, susah juga kita. Biar mereka ada lesen, tetapi ceramah dan juga pendedahan, perhatian kepada mereka haruslah kita pertingkatkan. Mereka haruslah dilengkapi dengan ilmu pengetahuan. Kalau tak cukup 5 jam ceramah, suruh dia ikut lagi 10 jam dan sebagainya, dan itu dibolehkan. Kerana mereka kalau tak lulus sekali, mungkin dia tak baca lagi, mengikuti kursus memandu berhemat, untuk 5 jam lagi dia akan bayar.

Jadi, inilah yang harus saya tekankan, dan saya minta kalau tidak ada perubahan, saya akan terus menyuarakan perkara ini. Saya ingat sudah tiga-empat kali saya suarakan. Dahulu saya suarakan sistem "L Parking". Alhamdulillah, JPJ sudah potong, tak perlu "L Parking". Satu parking sahaja sekarang ini. Sebab kita tahu bahawa accident itu tidak berlaku waktu parking, tetapi 'on the road'. Saya minta ujian ini akan dibuat dengan lebih kemas. Ujian Bahagian I hendaklah dikaji semula soalan-soalannya, khas untuk orang-orang yang kurang pelajaran, yang tidak tahu membaca, tetapi mempunyai kenderaan dan juga ingin menjadi pemandu cara yang sah.

Yang keduanya, Bahagian II dan Bahagian III, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini dengan sistem 'Adilkap' (adil dan cekap), ini istilah yang digunakan oleh JPJ tahun 1988 atau 1989, kalau tak silap saya. Ia ada tiga kategori kenderaan yang boleh digunakan untuk ujian. Sistem saiz parking pun ada tiga. Kebanyakannya orang pakai sistem yang kedua. Sistem ini harus dikaji semula, walaupun JPJ

sekarang ini telah menggunakan 'circuit' ujian, litar ujian yang direka khas dengan sistem mendaki bukitnya, selekohnya, traffic lightnya, tetapi tidak ada laluan yang agak mencabar. Kerana kadang-kadang bakal-bakal pemandu terutamanya orang-orang baru dapat lesen, dalam keadaan hujan, dalam keadaan jalan becak, mereka kurang cekap memandu. Jadi, saya menyarankan supaya ada laluan yang mencabar, yang boleh kita perkenalkan di dalam sistem ujian ini. Kerana kita lihat pemandu-pemandu yang baru ini, sebab itulah saya setuju bila tempoh percubaan ini diberikan. Dua tahun ini cukup baik. Kerana pemandu-pemandu baru ini kadang-kadang dia tak mahir sangat dengan keadaan trafik, keadaan jalan, suasana cuaca, malam dia kurang berani memandu, siang dialah orangnya, keadaan jalan kering dialah hebat, dalam keadaan yang basah dia tak berani. Jadi, keadaan inilah supaya dapat membiasakan bakal-bakal pemandu untuk menjadi pemandu yang lebih cekap dan berhemat.

Sebab itulah saya menyarankan supaya sistem ujian ini akan dapat diperkemas lagi, dan kalau boleh masa belajar harus kita wajibkan kepada pengajar-pengajar sekolah memandu, juga mengajar bakal-bakal pemandu pada waktu hujan, waktu malam dan sebagainya, biar dia biasa dalam keadaan itu. Mungkin dalam keadaan sekarang, 16 jam diwajibkan melalui sistem 'Adilkap' ini. 16 jam minimum, seseorang bakal pemandu itu haruslah belajar, baru dia layak diuji praktikal.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya dapati sistem ujian di Britain umpamanya, kerana saya dapat lesen dari sana dahulu, dia membawa seorang yang belajar memandu kepada semua keadaan cuaca. Umpamanya, pada tengah malam yang 'foggy', dengan izin, dia akan panggil anak buah yang belajar memandu dengan dia bawa bagaimana hendak memandu dalam sistem yang

foggy. Umpamanya dalam keadaan jalan penuh dengan salji, dia akan bawa anak-anak buah yang belajar dengan dia dalam keadaan jalan yang bersalji. Adakah Malaysia juga akan mengajar sistem bagaimana hendak memandu dalam keadaan hujan lebat dan sebagainya?

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Inilah, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap. (Ketawa) Tetapi Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong dia lebih advance daripada saya. Tahniahlah, sebab dia dapat merasakan cara mana yang patut kita perkenalkan kepada bakal-bakal pemandu di Malaysia sekarang ini. Sebab itulah saya suka mencadangkan supaya satu syarat dikenakan kepada pengajar-pengajar sekolah memandu. Kalau kita tak boleh hendak buat peringkat ujian, kita syaratkan mereka ini mengajar dalam beberapa keadaan. Mungkin waktu pagi, waktu petang, waktu hujan dan waktu malam. 16 jam itu sekarang menjadi syarat untuk seorang itu boleh diuji ialah 16 jam minimum dia mengikuti kelas pembelajaran praktikal di jalan raya, termasuk parking dan juga 'on the road test'.

Jadi, mungkin kita boleh mewajibkan mereka mengajar di waktu malam. Tetapi kena beritahu pada instructors S.M.3, pemegang sijil pengajar tak boleh buat nakal-nakallah. Kalau ada aduan-aduan daripada bakal-bakal pemandu, mungkin lesen dia boleh digantung dan sebagainya. Sebab kadang-kadang kita tak hendak juga ada bakal-bakal pemandu yang menjadi mangsa kenakalan instructor dan sebagainya. Jadi, ini perlu dalam keadaan apa pun seseorang bakal pemandu itu akan boleh menjadi cekap dan mampu mengendalikan kenderaan dengan baik. Kerana waktu diuji seseorang itu, maksimumnya ialah 12 ke 15 minit sahaja satu laluan. Apa salahnya kita tambah lagi masa ujian 'on the road test', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kepada 20 minit ataupun 30 minit. Parking 5 ke 6

minit sahaja. 'On the road test', dengan izin, apa yang dibuat sekarang 12 ke 13 minit. Mungkin kita boleh lanjutkan dalam keadaan laluan yang berliku dan sebagainya, dalam litar ujian yang berkenaan. Kita ada sediakan tempat laluan yang tidak elok. Sebab faktor jalan adalah antara salah satu faktor yang menyebabkan kemalangan, selain daripada faktor kemanusiaan. Cuaca, binatang yang berkeliaran di jalan raya, jalan. Sikap pemandu itu memanglah menjadi sebab.

Sebab itulah apabila kita dapat melahirkan pemandu yang berhemat melalui kursus-kursus, melalui sistem pengajaran yang baik oleh instructor, maka kita akan dapat melahirkan pemandu yang berhemat dan cekap apabila mereka diuji dalam semua keadaan. Mungkin kita hendak menguji dia dalam keadaan malam, mungkin susahlah, JPJ mungkin tak buka waktu malam. Kecualilah bahagian ini akan diwastakan pula untuk langkah selepas ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya suka mencadangkan, untuk memberikan sistem pengajaran yang berkesan, penceramah-penceramah di institut pemandu yang berhemat ini hendaklah dari yang mahir berbahasa Malaysia, sekarang inipun memang ada bukan tak ada, ada tapi tak cukup mahir. Ada yang daripada penceramah keturunan India, keturunan Cina dan kadang-kadang bahasa pasar saja dibuatnya. Kita biar menggunakan bahasa yang standard, mungkin kita boleh mewajibkan hanya orang-orang yang berkelulusan Bahasa Malaysia dalam SPM dan sebagainya yang baik, yang boleh menjadi penceramah setelah diberikan kursus dan sebagainya oleh pihak sekolah memandu ataupun persatuan sekolah memandu.

Lepas itu instrukturinya, pengajar ini yang memiliki SM 3 ini, hendaklah orang-orang yang betul berpendidikan, pengalaman memanglah kita tak dapat

nak nafikan mereka lebih kurang 20 - 30 tahun umpamanya telah berpengalaman untuk mengajar. Hendaklah orang yang berkemahiran, kadang-kadang dia mengajar, dia tengok daripada jauh sahaja, dari sini ke Tuan Yang di-Pertua, dia tengok. Ha dia tengok, kawan tu masuk parking, kawan tu masuk parking cara belok, cara L dan sebagainya, naik bukit dari jauh sahaja dia tengok. Yang malangnya ada yang berumur 60 tahun pun masih mengajar lagi.

Jadi saya mencadangkan kalau boleh buatlah satu peraturan di mana had umur untuk pengajar-pengajar yang memiliki SM 3 ini hendaklah dihadkan. Umpamanya yang 50 tahun, okaylah 50 tahun masih kuat, masih hebat. Tapi kalau dah 60 tahun tu matapun dah kelabu, kecuali Tan Sri sahaja (*Ketawa*), Tan Sri punya pandangan masih baik. Jadi memang dia bukan instructor, yang instructor ini sebab mereka terdedah, mungkin kita boleh hadkan umur ini dan hendaklah disyaratkan bahawa kenderaan yang diajar itu, yang mengajar bakal pemandu ini hendaklah kenderaan yang agak sempurna dan baik. Janganlah 120Y yang lebih 25 tahun, walaupun ada sekarang ini sekatan dibuat iaitu kenderaan yang mengajar itu hendaklah kurang dari 10 tahun tapi teruk, teruk, 120Y ni teruk dah. Itulah mungkin kadang-kadang dia dah 13 tahun pun kita terima lagi sebab dia bawa bil, dia dah baiki RM3,000, tukar enjin, tukar roda dan sebagainya, tapi sistem kenderaan itu memang sistem lama. Apa tah lagi dalam syarat lesen prasah ini.

Bagaimana keadaannya seseorang itu apabila dia memegang lesen percubaan dalam tempoh dua tahun, apabila dia diuji dengan kenderaan automatik adakah boleh apabila kenderaan itu dipamerkan dengan plate P di belakangnya besok, macam Sepang tanyakan tadi, memang dia akan, saya jangkalah, nanti kata saya lebih tahu dari Setiausaha Parlimen pula, susah pula, memang akan dipamerkan

dengan plate 'P'. Apakah boleh seseorang yang telah lulus CDL, lesen yang sah ini dalam tempoh percubaan itu, dia memandu kenderaan bergear automatik walaupun dia telah diuji dengan kenderaan yang bergear manual?

Jadi, adakah dia mensyaratkan hanya apabila seorang itu diuji dengan gear manual dia hanya boleh membawa kenderaan bergear manual, yang diuji dengan gear automatik dia hanya boleh membawa kenderaan bergear automatik? Saya hendakkan gambaran ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tambun bangun.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Minta laluan? Okay, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah :** Tuan Yang di-Pertua, ini perkara penting, saya ingin pandangan dari Yang Berhormat Jelebu. Saya dapati bahawa kereta-kereta memandu ada diubahsuai untuk memudahkan orang yang belajar. Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, Ahli Yang Berhormat dari Tambun. Sebenarnya nak ubahsuai ni tak boleh kenderaan sekolah memandu ini, tak tahulah kalau di kawasan Tambun ada, kalau ada beritahulah kepada kementerian, saya ingat. Sebenarnya yang boleh diubah ialah kenderaan orang cacat sahaja, kenderaan orang cacat boleh diubah. Tapi kenderaan-kenderaan yang mengajar untuk orang-orang biasa ini tak bolehlah diubah, kalau gear macam itu, macam itulah, tak boleh dipanjangkan lagi, kalau tempat duduk tu yang rendah, tak bolehlah nak ditinggikan pula, hanya kenderaan orang cacat boleh diubahsuai. Dan ada juga kita lihat dengan sport rimnya, dengan spoilernya, bukan macam sekolah memandu punya kereta, ini kereta macam nak racing di jalan raya, jadi kita kena

lihat dan memang tak boleh, kalau ada itu beritahu Setiausaha Parlimenlah, dia akan ambil tindakan. Tak boleh diubahsuailah di dalam peralatan dalamnya, saya ingat, tak tahulah kalau arahan sekarang, tapi kalau dahulu memang saya tak benarkan.

Usia kereta yang hendak untuk digunakan untuk mengajar hendaklah 10 tahun ke bawah, kalau boleh dengan model yang terkini lagi, sekarang ini banyak kita lihat yang pakai Produa pun ada yang pakai Daihatsu Charade pun ada, Proton Saga pun banyak, ini baik. Bagi saya untuk mempertingkatkan imej sekolah memandu yang ada pada hari ini yang digabungkan menjadi institut memandu sekarang ini saya ingat berkemampuan untuk mengadakan kenderaan-kenderaan untuk mengajar dan untuk ujian. Jadi sekarang ini, pool car saya difahamkan menggunakan kenderaan-kenderaan yang baik, yang berumur 5 tahun ke bawah. Jadi kita syaratkan macam itu, supaya jangan ada pihak yang mengajar bakal-bakal pemandu ini dengan kenderaan yang lama, yang uzur. Ada pihak selepas dia dapat lesen, dia nak bawa kereta lain pun dia tak berani. Saya dulu uji kereta macam ini saja, dia kata, kereta lain tak bolehlah saya nak bawa, pun ada juga, effect dia.

Jadi sebab itulah saya menyarankan supaya kenderaan-kenderaan sekolah memandu yang digunakan untuk mengajar, yang pemegang SM 3 ini tadi hendaklah dihadkan umurnya 10 tahun ke bawah, jangan 10 tahun ke atas, 10 tahun ke atas kira batal sahaja. Yang digunakan untuk ujian, 5 tahun ke bawah, begitu juga motosikal dan sebagainya.

Satu lagi untuk ujian lori, sekarang ini digunakan lori yang beroda 14, kalau orang nak bawa trailer, itulah lorinya diuji. Jadi saya suka mencadangkan, apabila seseorang itu selain dari syarat sekarang ini, pemegang lesen GDL (Good

Driving Licence), dengan izin, lesen yang PSV itu kita panggil GDL-Good Driving Licence. Apabila dia diberikan ceramah dan sebagainya, kalau bolehlah, apa salahnya diuji untuk membawa trailer dan sebagainya kerana mereka ini kelas E memang diuji dengan kenderaan yang rigid, lori yang rigid, bukan lori yang berbentuk trailer. Tapi apabila mereka memandu trailer, ini yang banyak terbalik. Kalau kita tengok statistik yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang lalu, kemalangan lori ini lebih kurang 35,000 yang terlibat pada tahun 1995 hingga 1996, manakala jumlah trailer ialah 2,464.

Jadi, sebab ada yang tidak mahir bawa treler. Mungkin nampak tidak praktikal perkara ini tetapi inilah keadaan yang sebenarnya. Mereka diuji dengan lori yang rigid. Tetapi apabila mereka bekerja, membawa treler, tangki minyak, yang semi-trailer dan sebagainya. Yang ada ekor di belakangnya, tangki di belakang, lori balak, treler, kontena dan sebagainya.

Jadi, saya mintalah cara manakah kalau boleh jabatan fikirkan. Betullah diuji untuk Kelas E itu boleh merangkumi semua kelas lori tetapi untuk mereka layak memandu sesuatu kenderaan itu, kalau boleh fikirkan langkah yang sesuai sama ada cara ceramah yang lebih berkesan ataupun dengan cara percubaan membawa lori berkenaan. Macam untuk ujian mendapatkan PSV bas, Tuan Yang di-Pertua, walaupun seseorang itu ada lesen Kelas E tetapi apabila ceramah diberikan untuk mereka mendapatkan Lesen Public Service Vehicle (PSV), lesen vokasional, mereka hendaklah dan diwajibkan, ada juga pihak yang tidak wajib pun bawa bas. Tetapi saya dulu memang mewajibkan seseorang yang hendak PSV itu memandu bas, waktu beliau hendak mendapatkan PSV. Jadi, kalau boleh, inilah juga keadaannya. Kalau dia hendakkan GDL untuk treler, kita

wajibkan dia memandu pada waktu itu menggunakan treler yang ada disewa daripada sekolah memandu dan sebagainya.

Kerana sistem pemanduan kenderaan perdagangan yang bermuatan dan yang tidak bermuatan ini lain. Kita hendak bawa lori yang rigid ini caranya lain, hendak bawa treler lain caranya. Hendak ambil corner, ia lain. Inilah keadaan yang sebenarnya yang menyebabkan kemalangan-kemalangan. Sebab itu kita tengok banyak treler yang masuk gaung dan sebagainya. Kadang-kadang kepala dan ekornya sudah berlipat, sebab dia silap ambil corner dan sebagainya. Ini yang harus kita tekankan. Kalau dapat pihak JPJ memikirkan cara pengujian lesen memandu lori dan treler ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Jabatan Pengangkutan Jalan mungkin apabila Bahagian Pendaftaran dan juga Bahagian Pelesenan Kenderaan ini diswastakan nanti, kemungkinanlah kakitangan penguatkuasaan dan juga perkeranian yang beruniform ini akan dikurangkan di bahagian-bahagian yang berkenaan. Mungkin ada yang hendak opt masuk ke Bahagian Pendaftaran terutamanya kerani-kerani yang di bahagian-bahagian berkenaan. Walau bagaimanapun, untuk memberikan tumpuan kepada Bahagian Pelesenan pemandu itu, saya berharaplah kementerian melalui jabatan memikirkan sistem pengujian yang lebih moden dan juga mungkin menggunakan sistem pemerhatian melalui komputer dan sebagainya.

Kita lihat sistem yang dibuat di Jepun dan juga di Singapura sendiri amat berbeza dan lebih berkesan. Sekarang ini kita menggunakan sistem manual lagi, Tuan Yang di-Pertua. Manusia yang jaga, tengok. Berapa lama dia boleh tengok? Satu hari kadang-kadang sampai 300 calon menduduki ujian. Itulah kerjanya menengok. Bahagian parking, tengok

bahagian parking. Bahagian on-the-road, test on-the-road, dengan izin. Bahagian naik bukit, jaga bahagian naik bukit. Jadi, kita kajilah sistem yang paling baik. Saya percaya dengan adanya litar ujian yang kebanyakannya didirikan oleh pihak swasta sekarang ini yang agak baik tetapi masih boleh diperkemaskinikan lagi supaya jangan kita menggunakan banyak sistem manual yang boleh menilaikan cara pemanduan ataupun cara kita hendak memberikan kelulusan kepada bakal-bakal pemandu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu Bahagian Pengujian Pemandu ini juga haruslah ditambah dengan kakitangannya. Kalau sekarang ini ada 1,400 orang kakitangan keseluruhannya yang beruniform, kalau dapat kita tambahkan lagi kerana untuk menguatkuasakan undang-undang Akta 333 ini hendaklah mempunyai kemampuan yang baik, peralatan yang cukup, kenderaan yang baik, pendedahan kakitangan dengan cara yang lebih advance.

Apa yang berlaku sekarang, Tuan Yang di-Pertua, wujudnya kegiatan 'Toronto' ataupun 'Tonto.' Ada pihak yang mengatakan 'Tonto', ada pihak yang mengatakan 'Toronto.' "Tolong Orang Tipu Orang—Tolong Orang Nak Tipu Orang." Ini namanya Toronto. Banyak benda ini berlaku. Kita rancang hendak buat sekatan jalan raya petang ini, mereka sudah tahu, sebab ada antara kawan-kawan kita yang ada hubungan dengan 'Toronto' dan sebagainya. Walaupun kita mengamalkan sistem taklimat sebelum kita menjalankan operasi tetapi dalam masa kita taklimat ini, mereka ini sudah tahu. Macam apa yang berlaku pada hari ini, pada hari semalam, Pengarah Kuatkuasa Ibu Pejabat sudah umumkan dua hari yang lepas hendak buat operasi bersepadu antara polis dan JPJ, dua hari mereka tidak jalan. Yang jalan itu dibaling batu, yang diugut dan sebagainya. Dan lori sekarang ini mogok. Sebab itulah kita perlukan.

Saya suka mengulang lagi sekali, supaya kakitangan penguatkuasaan ini diberikan dan dibekalkan dengan senjata api. Saya hendak seorang sahaja ketua kumpulan itu dibekalkan senjata api. Sebuah kereta meronda ada lima orang, seorang sahajalah pakai senjata api ini untuk menjaga keselamatan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita tengok sekarang ini JPJ mengutip duit untuk hasil kerajaan cukup banyak. Macam yang saya sebutkan tadi, yang ketiga tertinggi, Tuan Yang di-Pertua, RM1.8 bilion, selepas Kastam dan juga JHDN. Apa salahnya kita 'meraikan' mereka ini dengan alat-alat yang agak moden, yang boleh menjaga keselamatan mereka? Kita bukan tidak tahu seminggu dua yang lepas, ramai anggota penguatkuasa JPJ Selangor, Wilayah dan sebagainya diugut untuk dcederakan dan ada pun yang sudah mati, Tuan Yang di-Pertua. Di tahun 1985, meninggal di Federal Highway sebagaimana yang saya sebutkan dulu, dilanggar oleh lori daripada belakang dan terbakar Penolong Pengarah tersebut - pegawai kerajaan Kumpulan A. Terbakar dalam kereta, kawannya keluar, masing-masing menyelamatkan diri. Tinggal dia seorang dalam kereta yang terbakar. Kita jangan lupa perkara ini dan tiga bulan yang lepas seorang anggota kita juga meninggal di Selangor, dipukul dan dcederakan. Berapa ramai kakitangan kita yang diugut, kenderaan jabatan dicalar dan dibaling batu dan sebagainya. Itu pengalaman saya sendiri tidak boleh ceritalah.

Lapan tahun saya dalam JPJ, Tuan Yang di-Pertua, macam-macam halangan sudah saya lalui. Berkat kesabaran dan juga rezeki yang diberikan oleh Allah s.w.t., kita hidup tanpa apa-apa. Kalau hendak ikutkan ugutan, khianat orang-orang ini, dengki dan sebagainya macam-macam, kita tidak boleh hendak buat kerja, Tuan Yang di-Pertua. Budak-budak saya sampai sekarang kes mereka ada lagi. Kes hendak dipukul dan diugut dengan kapak, report sampai sekarang kes tidak

selesai lagi. Saya tidak tahulah keadaan sekarang, sudah selesaikah atau belum? Saya kata, report. Seksa, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Sila.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Adakah ini Yang Berhormat dari Jelebu, JPJ hidup dalam ugutan oleh pihak penguasa-penguasa ataupun pengusaha-pengusaha kenderaan? Kalau itu keadaannya, tidakkah dicari satu jalan yang lebih berkesan supaya orang-orang ini ditarik lesen kepunyaan mereka?

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, memang pada zahirnya kita lihat anggota JPJ dalam keadaan ketakutan sekarang ini, apatah lagi di bandar-bandar besar, dengan adanya peranan Toronto ini tadi, peranan orang tengah, road bully dan sebagainya. Anggota JPJ sentiasa berada dalam keadaan cemas, begitu sekali, siang-malam kerja, pagi-petang sampai ke subuh, kadang-kadang anak isteri pun tinggal. Sebab itulah saya menyarankan supaya dengan adanya pindaan akta ini melalui Sistem Kejara yang telah dilaksanakan, yang telah dibuat beberapa tahun yang lalu supaya dapat dijalankan dengan penuh berperaturan dan berkesan. Saya mohon sistem ini akan dapat diteruskan dengan baik supaya pembuli-pembuli jalan raya ini dan juga pemandu-pemandu yang tidak berhemat ini akan dapat dikenakan tindakan yang sewajarnya dan hukuman yang amat berat. Dengan adanya kuasa membatalkan lesen oleh ketua pengarah dan juga pengarah-pengarah negeri, kita minta ianya akan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu sekali saya hendak menyuarakan,



berilah dan bekalkanlah alat senjata api (pistol) kepada kumpulan penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan ini. Kalau kita sekarang ini ada 1,400 orang lebih buatlah unjuran yang sebenarnya mengenai keperluan senjata. Kerana mereka ini pun beruniform, Tuan Yang di-Pertua, berpakaian seragam dan sebagainya, yang sentiasa menjalankan tugas dan tanggungjawab demi untuk menguatkuasakan Akta Pengangkutan Jalan 1987 ini. Diharapkan pihak kementerian dan juga pihak yang berwajib akan dapat memberikan penekanan dan tumpuan yang sepenuhnya kepada urusan dan tugas Jabatan Pengangkutan Jalan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin mencadangkan supaya Jabatan Pengangkutan Jalan ini, yang sebenarnya pakar-pakar yang ada di dalam jabatan ini orang yang lama, yang telah berkhidmat lebih daripada 10 tahun diberi Kumpulan Pengurusan dan juga Tertinggi, kalau dapat kita kekalkan mereka ini untuk menjadi kumpulan yang profesional di dalam urusan keselamatan jalan raya dan juga penguatkuasaan undang-undang. Kita harap kalau boleh mereka ini dipertingkatkan lagi jawatannya dan juga pangkat mereka, kerana Jabatan Pengangkutan Jalan ini adalah merupakan satu jabatan yang memainkan peranan yang penting bagi mendisiplinkan rakyat dan juga pemandu, apatah lagi menjelang abad ke-21 ini.

Kita ingin melahirkan negara ini sebagai negara yang menggambarkan semangat dan juga perasaan yang lebih bertanggungjawab di kalangan pengguna-pengguna jalan raya dan juga pemandu-pemandu. Jadi, kita berharaplah kerajaan walaupun Bahagian Pendaftaran dan Pelesenan Kenderaan Kereta Motor ini diswastakan selepas ini dengan mendapat keuntungan yang lebih. Saya berharap bayaran sebagaimana yang ada pada hari ini akan terus dikekalkan, janganlah dinaikkan tak tentu fasal. Jadi, kita hendak

gunakan kadar yang serupa ini untuk faedah masyarakat yang banyak.

Memanglah penswastaan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkenaan akan memberikan manfaat, Tuan Yang di-Pertua, dari segi penjimatan perbelanjaan, oleh kerana konsortium akan mengambil alih segala kos operasi dan pengurusan termasuk menyerapkan kakitangan JPJ yang berkenaan ke dalam konsortium menghasilkan pendapatan kepada kerajaan, di samping meningkatkan mutu perkhidmatan dan kemudahan kepada awam. Konsortium akan mengadakan perkhidmatan yang lebih efisien dengan menggunakan teknologi maklumat yang terkini. Penyediaan pusat-pusat pendaftaran di lokasi tumpuan ramai di seluruh negara dan sistem maklumat yang mesra kepada pengguna dan pilihan nombor pendaftaran kenderaan yang lebih pelbagai, menarik dan melambangkan identiti individu atau korporat.

Perlu juga kita ingat, Tuan Yang di-Pertua, kepada syarikat yang akan mengambil alih Bahagian Pendaftaran dan Pelesenan Kenderaan Kereta Motor ini akan dapat mempertimbangkan balik pelaburan yang telah dibuat oleh kerajaan lebih daripada RM152 juta telah dibelanjakan untuk melengkapkan sistem komputerisasi dalam jabatan dan membina pejabat-pejabat baru. Kalau boleh, selepas ini harta dan juga aset yang telah ada pada hari ini akan dapat dipertimbangkan balik, janganlah syarikat yang baru ini hendak membuat dasar mereka sendiri pula. Macam PUSPAKOM hari ini, pada mulanya memanglah PUSPAKOM ini berhasrat untuk membina stesen-stesen mereka, tetapi apa yang berlaku pada hari ini masih menyewa lagi bangunan-bangunan JPJ. Hasrat mereka untuk membina bangunan-bangunan PUSPAKOM dan stesen pemeriksaan, sampai pada hari ini tidak juga berlaku.....

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bangun, hendak tanyakah? Ya.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Rakan sebelah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang bercakap ini dia buat erti peduli sahaja. (*Ketawa*)

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Bercakap fasal PUSPAKOM, saya dapat maklumat daripada beberapa kalangan, pihak DRB khabarnya lebih berminat untuk mengambil sebahagian atau bahagian-bahagian yang mendatangkan keuntungan kepada mereka dari Jabatan Pengangkutan Jalan. Bahagian-bahagian yang tidak menguntungkan dibiarkan dan secara kebetulan ada kawan saya yang bekerja di bahagian yang tidak menguntungkan, dia tanya pada saya, 'bahagian yang saya bertugas ini hendak jadi apa?' Jadi, saya hendak mendapat pandangan daripada pakar JPJ kita, apa pandangan beliau?

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Apa dia itu?

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Berkenaan dengan pengawalan di jalan raya. Saya tidak pasti siapa sebenarnya yang patut mengawal jalan raya ini, sama ada semata-mata pihak polis ataupun JPJ. Saya hendak kaitkan dengan race-motor ini, biasanya saya lihat kebanyakannya pengawalan ini dijalankan oleh pihak polis, saya tidak pernah mendengar JPJ yang menjalankan. Jadi, saya hendak tahu siapa sebenarnya yang bertanggungjawab tentang hal ini?

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, sahabat saya dari Mersing. Saya ingat biar Setiausaha Parlimen jawablah,

sebab kalau saya menjawab nanti menyentuh hati dan perasaan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, buat akhirnya walaupun tidak dapat diberikan respond selepas ini secara keseluruhannya, saya berharaplah pihak kementerian dan juga jabatan akan dapat mempertimbangkan suara-suara rakan-rakan sebelum ini, supaya jabatan ini akan terus dapat memberikan pembelaan kepada masyarakat yang ramai. Walaupun selepas ini Bahagian Pendaftaran dan Pelesenan Kenderaan Kereta Motor akan diswastakan dan saya berharaplah Yang Berhormat selepas ini akan dapat menjawab dan juga mengupas, kalau tidak sempat hari ini, hari Selasa depan, jangan jawab pendek, "kita akan mengambil tindakan dan sebagainya", kita tidak mahu dengar jawapan seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, biar jawab betul-betul supaya orang tahu dan masyarakat tahu, apakah sebenar tugas dan kerja yang telah dibuat oleh Jabatan Pengangkutan Jalan. Kita telah mengutip sebanyak RM1.8 bilion tahun lepas, banyak program yang telah kita buat.

Tuan Yang di-Pertua, buat akhirnya lagi sekali saya dengan ini menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kota Melaka, minta sambung pada hari Selasa, sekarang pukul 6.30 petang.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya akan sambung pada hari Selasa. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

## USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN  
URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN  
MESYUARAT**

**6.30 ptg.**

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Azmi bin Khalid):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN PENANGGUHAN

**KEMPEN INFLASI SIFAR**

**6.31 ptg.**

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menimbulkan masalah Kempen Inflasi Sifar Kerajaan yang akan gagal kalau kadar inflasi sebenarnya masih disembunyikan. Tidak mungkin kadar inflasi kurang dari 4% memandangkan

banyak harga barangan naik dengan tinggi. Kalau BN tidak mahu dikenali sebagai parti 'barangan naik', adalah perlu bahawa .....

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Libaran bangun ya?

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan tak cukup kuorum.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila bilang.

**Tuan Lim Guan Eng:** Selepas ini akan keluar lagi. Tak bertanggungjawablah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, enam orang. Sila bunyikan loceng.

(*Loceng dibunyikan*)

(*Ahli-ahli dikira: Kurang daripada 26 ahli hadir*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila bilang, lima orang—tidak cukup kuorum.

Oleh yang demikian, saya menangguhkan Majlis Mesyuarat sehingga hari Selasa jam 9.30 pagi.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.32 petang.**